

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT YANG KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

**PADA:  
8 DAN 9 OGOS 2010  
*bersamaan*  
27 DAN 28 SYAABAN 1431**

*Dikeluarkan oleh:*

**Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu**

*Dicetak oleh:*



SYARIKAT PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD. Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu  
Tel: 09-666 8611/ 6652 / 8601 Fax: 09-666 0611/0063 E-mail: spyt@tm.net.my

# **DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

**daripada:**

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**





**PERSIDANGAN  
PADA HARI AHAD, 8 OGOS 2010**





**MESYUARAT YANG KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

**KANDUNGAN**

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
<b>AHAD, 8 OGOS 2010</b>		
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.	5
4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	7
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	8
	(ii) Soalan-soalan Lisan	8
5.	Usul-usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) <i>Usul Tambahan Peruntukan Yang Pertama Bagi Tahun 2010.</i> <i>[ Perbahasan Usul ]</i>	34
6.	Rang Undang-Undang:	
	i) Enakmen Perbekalan Tambahan 2010.	72
		<i>[ Bersambung ]</i>



---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ., DPMT., ASM., PJK.  
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahim bin Mohd Said, DMSM., AMN.  
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.  
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.  
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat. AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.  
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.  
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Ir. Rosli bin Othman  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.  
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.  
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

#### **TIDAK HADIR**

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ., DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

### PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. [Al-Fatihah dibaca].

### **DOA**

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

[Doa dibacakan oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan]

### **UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN**

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan sidang Pemerhati yang dihormati sekalian. Alhamdulillah marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan serta limpah kurniaNya dapatlah sekali lagi pada kali ini, pada hari ini dan insyaAllah sampai besok kita bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi sidang Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedua Belas kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saudara yang dihormati sekalian. InsyaAllah, Persidangan kali ini akan bersidang selama dua hari iaitu 8 dan 9 Ogos 2010. Kertas-kertas Persidangan sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengandungi selepas Ucapan Yang Dipertua ini, kita bentangkan Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-Laporan iaitu sebanyak 7 Laporan/Kertas Kerja dan seperti biasa Soalan Lisan dan Bertulis. Kemudian kita ada 1 Usul dan 3 Enakmen. InsyaAllah, kita berharap Persidangan kita ini akan cukup untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian memainkan peranan dan seterusnya

menyempurnakan mesyuarat kita pada kali ini. Yang Amat Berhormat, Ahli-anli Yang Berhormat, saudara-saudari yang saya hormati sekalian insyaAllah pada Persidangan kali ini sebagaimana yang saya katakan tadi Persidangan Yang Ketiga. Mesyuarat Yang Kedua pada Penggal Yang Kedua Belas ini telah menjangkau sebegitu rupa dan alhamdulilah telah memberi kelebihan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk lebih matang dan lebih berperanan dalam fungsi masing-masing. InsyaAllah, sebagaimana amanah, tanggungjawab yang diberi, mandat yang diberi oleh rakyat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian marilah kita tunaikan sebagai tanggungjawab dan kita sempurnakan amanah itu pada Negeri Terengganu dalam Persidangan ini.

Seperti biasa saya berharap insyaAilah Persidangan ini akan kita pergunakan sepenuhnya, tertib acara sebagaimana yang telah disusun dan saya akan memberi peluang sepenuh-penuhnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat insyaAllah untuk kita sempurnakan tugas masing-masing.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengharapkan kerjasama yang lancar, yang sempurna akan diberikan kepada saya untuk kita tunaikan tanggungjawab ini.

Akhir kata, saya mengucapkan insyaAllah pada minggu ini kita akan menyambut kedatangan Ramadhan, ‘Selamat Menyambut Ramadhan dan Selamat Berpuasa’ kepada semua muslimin yang berada di dalam Dewan ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

### **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Perkara yang seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-laporan yang telah dibentangkan ialah:

1. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2010.  
(D.U.N. Bil. 6/2010)
2. Anggaran Perbelanjaan Bekalan Tambahan Pertama 2010.  
(D.U.N. Bil. 7/2010)
3. Penyata Kewangan Tahun 2008 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.  
(D.U.N. Bil. 8/2010)
4. Penyata Kewangan Tahun 2008 Yayasan Terengganu.  
(D.U.N. Bil. 9/2010)
5. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2009 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.  
(D.U.N. Bil. 10/2010)
6. Penyata Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu Tahun 2009.  
(D.U.N. Bil. 11/2010)
7. Penyata Akaun Awam Negeri Terengganu Tahun 2009.  
(D.U.N. Bil.12/2010)

### **SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

### **SOALAN-SOALAN BERTULIS**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah soalan-soalan yang telah diberi notis:

- (i) Soalan-soalan Bertulis
- (ii) Soalan-soalan Lisan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

### **SOALAN-SOALAN LISAN**

Seterusnya, kita kepada Soalan-soalan Lisan yang telah diberi notis. Dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama -

*Apakah perancangan sukan Negeri Terengganu 2009 sehingga Mei 2010 yang sangat berkesan sehingga muncul juara Kali Ke 11 SUKMA di Melaka baru-baru ini?*

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, saudara-saudari yang saya hormati sekalian. Terima kasih rakan saya daripada Jabi bertanya soalan yang pertama berkaitan dengan perancangan Kerajaan 2009 hingga 2010 yang sangat berkesan sehingga muncul juara di Melaka baru-baru ini.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat berdasarkan kejayaan Negeri Terengganu menjuarai SUKMA Ke-12 2008 yang lalu, pembangunan sukan Negeri Terengganu telah diletakkan pada landasan yang betul. Kejayaan di SUKMA Ke-13 di Melaka yang baru lalu pula merupakan kesinambungan dan juga pembangunan sukan yang telah terbukti membawa kejayaan kepada Negeri Terengganu. Sebenarnya, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah daripada Kerajaan Negeri kepada Yang Berhormat Teluk Pasu yang

Negeri Terengganu ini kepada satu tahap yang terbaik pada masa

Sebenarnya kejayaan kita pada SUKMA baru-baru ini adalah kesinambungan daripada penekanan Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Barisan Nasional yang mengambil alih Kerajaan Negeri bermula daripada tahun 2004 lagi. Di mana Kerajaan Negeri telah bertekad akan memberi tumpuan yang khusus kepada sukan Negeri Terengganu yang mana bermula daripada tersebut sehinggalah sekarang ini ianya telah membawa kejayaan demi kejayaan kepada sukan dan juga meletakkan Negeri Terengganu sebagai satu daripada kuasa sukan yang terbaik setakat ini.

Selain daripada itu kita juga telah cuba berusaha bermula dengan membentuk satu kerjasama dan juga kerja berpasukan antara persatuan-persatuan sukan dengan pentadbir-pentadbir sukan di seluruh Negeri Terengganu ini agar perkara-perkara yang remeh temeh dan juga perkara-perkara yang boleh merosakkan kerjasama berpasukan itu boleh diselesaikan dengan seberapa segera.

Selain daripada itu juga Dato' Yang Dipertua, kejayaan ini banyak disumbangkan adalah hasil kerana skim insentif yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan yang mana Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah memberi insentif yang cukup baik dan juga cukup besar kepada atlet-atlet yang boleh menyumbangkan pingat kepada Negeri Terengganu. Dengan adanya insentif-insentif tersebut telah mendorong anak-anak muda di seluruh Negeri Terengganu ini untuk bergiat cergas dan kembali untuk menjadi atlet yang terbaik dalam apa jua pertandingan sukan dalam negara kita ini. Itu saja Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

#### **YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?**

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Tambahan. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan. Pertamanya, saya juga merakamkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan, kepada Jurulatih MSN dan atlet yang telah mengharumkan nama Negeri Terengganu. Cuma pohon penjelasan, apakah langkah Kerajaan untuk membantu persatuan-persatuan di peringkat daerah supaya persatuan-persatuan sukan di peringkat daerah pun menjadi lebih perkasa dan juga boleh berupaya untuk membentuk atlet-atlet yang berwibawa pada masa hadapan.

**YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kejayaan sukan di peringkat Negeri Terengganu sejak akhir-akhir ini ianya bukan bermula di negeri sahaja kerana sebagaimana yang kita ketahui bahawa untuk mewujudkan sesebuah pasukan atlet ini ianya memerlukan satu program jangka masa panjang

dan bagi Kerajaan Negeri Terengganu sudah tentu kita bermula bukan sahaja di peringkat. dan bagi Kerajaan Negeri Terengganu sudah tentu kita bermula bukan sahaja di peringkat. peringkat daerah malah kita memulakan untuk mewujudkan atlet-atlet ini bermula daripada sekolah lagi. Bermula daripada sekolah rendah antara usia peringkat 7 hingga 9 tahun, peringkat 9 hingga 12 tahun dan program di bawah 15 tahun dan kita juga ada program di peringkat 9 hingga 12 tahun dan satu lagi yang dinamakan projek khas untuk melahirkan atlet yang bawah 21 tahun dan satu lagi yang dinamakan projek khas untuk melahirkan atlet yang bawah 21 tahun ke atas. Dan insyaAllah, sebagaimana yang dimaklumkan berwibawa iaitu bermula 21 tahun ke atas. Dan insyaAllah, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat rakan saya daripada ADUN Jabi tadi untuk menggerakkan persatuan-persatuan di peringkat daerah, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan kepada setiap daerah dan baru-baru inipun telah kita bagi insentif kepada persatuan-persatuan di peringkat daerah melalui Majlis Belia Daerah iaitu sebanyak RM10,000 setiap daerah untuk melaksanakan program selepas daripada ini. Dan juga selepas daripada hari raya ini untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM25,000 untuk menggerakkan kejohanan-kejohanan futsal di seluruh Negeri Terengganu ini dan juga ianya dibantu oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia sebanyak RM10,000 kepada setiap daerah bermaksud ada RM35,000 untuk menggerakkan Karnival Futsal di seluruh Negeri Terengganu kepada belia-belia dan juga kepada anak-anak muda di Negeri Terengganu ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ada lagi Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI** (Wakil Jabi): Ada lagi satu Dato' Yang Dipertua Dewan. Dato' Yang Dipertua Dewan pohon penjelasan. Sebagai salah satu penyumbang utama kejayaan atlet kita ialah daripada Sekolah Sukan Bukit Nenas, bilakah perancangan Kerajaan dan janji daripada Kerajaan Persekutuan untuk membina sebuah lagi sekolah sukan di Negeri Terengganu kita.

**YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT** (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang tidak dapat dinafikan dengan tertubuhnya Sekolah Sukan Bukit Nenas telah banyak menyumbang kepada kejayaan sukan di Negeri Terengganu pada hari ini. Dan untuk kesinambungan kejayaan sukan tersebut ia juga telah diumumkan satu masa dulu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewujudkan sebuah lagi sekolah sukan iaitu di Gong Badak dan insyaAllah ianya dalam perjalanan dan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Terima kasih Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI** (Wakil Jabi): Akhir sekali Dato' Yang Dipertua. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sekolah-sekolah sukan seperti yang kita lihat tentang pembangunan sukan di Negeri China, maknanya sebuah sekolah sukan bukan

bercampur aduk dengan pelbagai jenis sukan tetapi hanya sukan-sukan yang terpilih sahaja yang diutamakan di sekolah sukan tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di Negeri Terengganu ini di bawah pengawasan Majlis Sukan Negeri Terengganu, kita ada di peringkat sekolah-sekolah, kita memberi tumpuan di sekolah-sekolah tertentu yang melatih sukan-sukan yang tertentu. Contohnya, kita memberi tumpuan kepada sekolah-sekolah dengan sukan-sukan yang tertentulah. Contohnya Sekolah Menengah Padang Midin dengan sukan hoki, Sekolah Menengah Bukit Nenas dengan basikal dan juga sekolah-sekolah yang terpilih lagi di seluruh Negeri Terengganu ini yang kita beri tumpuan kursus kepada sukan-sukan yang tertentu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Apakah hasil rundingan terkini berhubung dengan isu tuntutan royalti petroleum antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Kementerian Kewangan dan Petronas?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masih berunding bagi pembayaran pengembalian royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini mesyuarat akan datang akan diadakan pada 12 Ogos yang melibatkan Kementerian Kewangan, Petronas, Jabatan Peguam Negara dan Kerajaan Negeri. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan tambahan. Oleh kerana perkara ini sudah berlarutan, apakah langkah-langkah tindakan yang kukuh dan konkret diambil oleh Kerajaan supaya dikembalikan semula kepada perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan Petronas yang telah dimeterai.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semasa perundingan pertama dulu diadakan, Petronas meminta dibuat sedikit pengubahsuaian dalam perjanjian tersebut iaitu ditambah perkataan 'exgratia'. Oleh kerana

Kerajaan Negeri tidak bersetuju dan kita menghantar balik deraf perjanjian tersebut dan sebab itulah rundingan demi rundingan terus dilakukan. Dan mengikut keputusan kita dalam mesyuarat terakhir pada bulan lepas, Petronas telahpun menggugurkan perkataan 'exgratia' tapi ada ayat lain yang dimasukkan yang masih belum kita persetujui sebab itulah rundingan pada 12 haribulan ini kita harap dapat dimuktamadkan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):**  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebelum saya pergi kepada soalan tambahan, saya nak melahirkan sedikit rasa kecewalah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya hantar soalan sebanyak 9 soalan, 7 yang kena tolak, jadi semacam nak susut punca, jadi saya harap tidak akan berlaku pada masa akan datang.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Soalan tambahan Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):**  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya nak tanya pihak Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, masih berunding disebutkan tadi dan perundingan akan datang pada 12 Ogos. Yang pertama, saya nak tanya berapa kali dah berunding? Pasal sejak dia berjanji untuk dibayar balik masa Pilihan Raya Kecil di Kuala Terengganu dah setahun lebih dah dan saya bimbang keghairahan Kerajaan Pusat yang terus menerus menggunakan Dana Khas ini atau duit royalti ini berlanjutan sehingga sekarang ini kering dan Petronas pada 2 tahun lepas makin tahun makin turun dah pendapatannya, itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa yang dilaporkan di Parlimen, saya nak sebut secara khusus, sehingga Mac 2010 sepatutnya Petronas bayar RM17,706,666,572, dan ianya terus semakin meningkat. Persoalan yang ada sekarang ini, kegunaan duit hak Negeri digunakan oleh Kementerian yang telah dibelanjakan untuk buat projek Pusat oleh Kementerian, Agensi Kerajaan termasuk Syarikat Perumahan Negara di Terengganu duit kita dia dah guna sampai RM7,721,177.064. Jadi saya nak tanya sudah berapa kali berunding dan agak-agak pada pandangan Kerajaan bila perkara ini boleh diselesaikan oleh kerana ada dua komponen, yang pertama, berunding untuk nak dapat balik duit yang telah digunakan. Yang kedua, untuk seterusnya, untuk secara langsung dia bayar tiap-tiap tahun seperti mana dalam perjanjian asal, bulan 3 bayar, bulan 9 bayar. Jadi kalau berunding tak selesai soal duit yang telah digunakan, soal hak bayar terus tu pasal apa dilengah-lengahkan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, okey.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebab itu kita perlu berunding dan dalam perundingan ini kita tidak perlu menggunakan emosi, kita mesti ada fakta-fakta yang kita akan kemukakan. Dan saya bersetuju dengan Wakil Wakaf Mempelam, ada dua isu yang kita rundingkan, pertama, mengenai pengembalian royalti ke pangkuhan Kerajaan Negeri Terengganu yang saya sebut tadi masih ada lagi ayat-ayat yang kita tidak persetujui kerana saya nyatakan bahawa kita minta supaya perjanjian asal dikekalkan, tidak ada sebarang penambahan ayat atau apa-apa sekalipun. Yang kedua, mengenai peruntukan ataupun dana yang dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat. Kita hanya bersetuju beberapa perkara tetapi masih tidak bersetuju dengan beberapa perkara lagi sebab itu senarai-senarai yang kita kemukakan tuntutan kita mengenai jumlah bayaran yang kita dapat daripada Kerajaan Pusat ada beberapa isu yang belum kita muktamadkan dan sebahagiannya telah dipersetujui dengan jelas oleh Kerajaan Pusat melalui MOF tetapi yang lain-lain masih lagi diperingkat rundingan tentang projek-projek yang dilaksanakan yang perlu dituntut daripada Kerajaan Pusat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan lagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ketiga, ya. Pendek aje Yang Berhormat. Jelas dan pendek, tak usah bersyarah lagi, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya. Yang pertama sekali, saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam keadaan kita berunding ini Kerajaan Pusat dia pegang duit Kerajaan Negeri cash reserve sebanyak RM1 bilion lebih, yang ini dah bayar ke belum? Pasal tolak hak dia beri Negeri, tolak hak pembangunan yang dijalankan dan masih ada lagi reserve RM1 bilion lebih, yang ini diakui dan bila nak bayar?

Yang keduanya, salah satu perkara lagi antara duit yang digunakan ialah untuk Syarikat Perumahan Negara, sehingga 2009, saya tanya ini Yang Berhormat pasal kes soalan saya kena tolak. Sebanyak RM873.4 juta diberikan kepada Syarikat Perumahan Negara untuk buat Rumah Mesra Rakyat di seluruh negara dan di Terengganu RM120.1 juta digunakan. Soalnya sekarang ini bila nak bayar .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Okey Yang Berhormat, dahlah tu. Sila duduk dah faham soalan tu.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Aah... Tak dang tanya, suruh duduk dah.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila Yang Amat Berhormat.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengenai isu wang royalti yang digunakan oleh Syarikat Perumahan Negara sebanyak RM800 juta lebih itu, pada peringkat awalnya Kerajaan Pusat bersetuju membayar RM700 juta kepada Kerajaan Negeri yang digunakan oleh SPNB di negeri-negeri lain, perkara itu tidak ada pertikaian lagi. Cuma tinggal lagi sebanyak RM120 juta yang digunakan oleh SPNB untuk projek Perumahan Mesra Rakyat di Terengganu, itu yang kita pertikaikan dan kita memohon Kerajaan Pusat membayar 120 juta itu kerana bagi kita bahawa adalah tidak adil duit itu digunakan walaupun di Terengganu tetapi SPNB membina rumah dan mendapat bayaran balik sedangkan kalau ikut proses biasa sepatutnya Terengganu mengenakan faedah 4% setahun tetapi kita berpendapat bahawa tak apalah faedah itu tidak dikenakan dan kita perlu Kerajaan Pusat bayar RM120 juta ke Terengganu. Dan nampaknya semasa perundingan terakhir baru-baru ini Kementerian akur dengan permintaan kita itu. InsyaAllah, saya percaya RM820 juta yang dikeluarkan kepada SPNB ini akan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri, yang RM700 juta itu memang diakui akan diserahkan balik dan yang RM120 juta itu kita rasa hasil daripada perundingan yang terakhir baru-baru nampaknya bersetuju untuk diberi kembali termasuk projek-projek lain yang saya sebut tadi masih diperingkat perundingan untuk mendapat persetujuan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat seterusnya, sukacita saya nak perbetul sedikit yang dianggap oleh Wakil Wakaf Mempelam sebentar tadi. Pertama, sebenarnya Soalan Lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam bukannya 7 tetapi 4 sahaja Yang Berhormat. Soalan yang ditolak ini, saya harap Yang Berhormat Buku Peraturan Dewan ini ada mengenai soalan dan semua sekali telahpun diedarkan, sila rujuk kepada perkara 26, mengenai soalan-soalan yang boleh diajukan kepada Dewan kita ini dan sukacita kalau saya jelaskan di sini bukan Speaker nak menyusut fakta, sebagai contohnya soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam, soalan pertama yang ditolak; "Apakah rasionalnya pertukaran portfolio Exco Kerajaan Negeri Terengganu yang dibuat baru-baru ini?" Jadi ditolak di bawah perkara 26(3) yang tidak perlu

dipersoalkan. Yang kedua contohnya; "Berapakah jumlah elaun bulanan yang dibayar kepada Penyelaras DUN dan Penyelaras Parlimen?" Sebenarnya jawatan ini tidak wujud Yang Berhormat, yang wujud mungkin jawatan lain, jadi soalan ini ditolak oleh Dewan. Jadi tidak timbul persoalan susut fakta dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat lebih berhati-hati. Sebab itu kita telah bersidang begitu jauh dan apatah lagi Yang Berhormat merupakan seorang Ahli Dewan yang telah lama, rujuklah kepada Buku Peraturan. Saya jemput Yang Berhormat Tepoh.

**YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh):** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya yang pertama –

*Bagaimanakah status terkini projek pembinaan jalan dan Jambatan Jeram ke Jeram Tokong Tepoh?*

**YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati sekalian. Soalan yang pertama ini ialah tentang bagaimanakah status terkini projek pembinaan jalan dan Jambatan Jeram ke Jeram Tokong Tepoh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya percaya soalan ini merujuk kepada kalau ikut tajuk ini ialah Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan Dari Jeram Ke Kampung Tokong, Kampung Bukit Guntong, Kuala Terengganu. Dan untuk makluman Dewan yang mulia Dato' Yang Dipertua, skop kerja untuk projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 5.6 kilometer dan juga menaik taraf jalan sedia ada sepanjang 2 kilometer dan kalau boleh saya sebut butiran untuk memberi bayangan kita tentang projek ini ialah; ada dua fasa, fasa pertama, pembinaan jalan baru sepanjang 2 kilometer, kemudiannya menaik taraf jalan sedia ada di Jalan Persekutuan FT03 sepanjang 2 kilometer, membina sebuah jambatan merentasi Sungai Nerus, membina 2 buah terowong kecil arch culvert dengan izin, untuk kemudahan penduduk tempatan. Dan fasa keduanya ialah pembinaan jalan baru sepanjang 3.6 kilometer termasuk membina 2 persimpangan bertingkat. Dalam kontrak itu, membina 3 buah jambatan kecil untuk kemudahan penduduk tempatan, membina 1 buah terowong kecil untuk kemudahan penduduk tempatan, membina 1 buah terowong pejalan kaki untuk kemudahan penduduk tempatan, membina 1 buah jejambat pejalan kaki untuk kemudahan penduduk tempatan. Kemajuan projek Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua setakat ini ialah 21.02% (kemajuan sebenar) dan jadual kemajuan sepatutnya ialah 25.88%. Jadi projek ini pada masa ini ketinggalan sebanyak 4.80% daripada yang dijadualkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sebelum itu saya nak ucap terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Exco Infrastruktur yang baru. Ucap tahniah tak apa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. dok? Tanya sebab apa tukar tu, hak tu yang lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Kerajaan tadi. Saya ingin mendapat penjelasan dekat mana sebenarnya penghujung jalan ini? Kalau ikut perancangan yang asal sampai ke Pulau Sekati dan Losong tapi melalui kenyataan Yang Amat Berhormat Dato' Seri sebelum ini ada satu alternatif lain iaitu daripada Bandar Kuala Terengganu ke Bukit Datu dan alternatennya di Semarak. Apakah kewajaran jalan alternatif baru dan bagaimana sebenarnya kedudukan sebenar perancangan jalan yang asal ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ada dua perkara di situ, pertamanya ialah cadangan untuk menaik taraf jalan sedia ada di FT03 melibatkan Jambatan Manir dan juga sambungan laluan kepada 4 lorong. Dan cadangan interchange di Banggol Tuan Muda, yang ini sedang dipertimbangkan dengan izin Dato' Yang Dipertua supaya ada T-Junction di sana. Dan cadangannya ialah untuk menaik taraf keseluruhan jalan termasuk jambatan yang terlibat dari Manir sampai ke Bulatan Batu 6. Dan yang kedua ialah cadangan untuk jajaran baru dari Losong ke Bukit Datu, yang ini kedua-duanya di peringkat cadangan dan justifikasinya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya harap saya jawab justifikasi ini akan sekaligus terjawab soalan Bukit Tunggal, soalan yang kedua. Justifikasi cadangannya ialah:

- i. Keutamaan untuk menyelesaikan kesesakan trafik dari Jambatan Sultan Mahmud.
- ii. Memberi pilihan kepada pengguna jalan raya.
- iii. Memendekkan masa perjalanan dari sebelah utara ke Pusat Bandar dan sebaliknya.
- iv. Merangsang pertumbuhan ekonomi di kawasan laluan jajaran.

- v. Merancakkan industri pelancongan terutamanya ke kawasan Losong dan Pulau Wan Man.

Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berdasarkan kepada jawapan tersebut tidakkah pihak Kerajaan melihat ataupun terfikir bahawa akan lebih mewujudkan kesesakan di sekitar Batu 6 yang saya kira di sekitar Batu 6 sudahpun cukup sesak dari segi kenderaan dan sebagainya tetapi jika diwujudkan satu lagi alternatif yang kedua ini seperti akan menambahkan lagi kesesakan di sekitar Batu 6 itu.

**YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang):** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, itulah tadinya saya kata kedua-duanya masih lagi di peringkat kajian. Pelantikan konsultan rasanya telah dibuat untuk kajian-kajian kemungkinan dan memangpun hasrat Kerajaan ialah untuk sebenarnya menyelesaikan masalah bukan untuk menambah masalah, insyaAllah.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Okey, saya nampak Yang Berhormat Bukit Tunggal tadi. Soalan Yang Berhormat untuk esokpun telah dijawab tadi. Sila, untuk tambahan.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Saya nak penjelasan, sama ada soalan saya itu tidak akan dijawab ataupun saya boleh kemukakan soalan tambahan pada hari ini?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila, sebab sudah dijawab bersekali tadi.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebahagian daripadanya itu sudah disoal oleh Wakil Tepoh cumanya saya nak tahu Jambatan Losong – Pulau Sekati ke Teluk Pasu diluluskan oleh Kerajaan Pusat telah ada dalam surat khabar tahun 2006 lagi ianya diluluskan, tiba-tiba yang membatalnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, jadi adakah ianya telah dirunding dengan Kerajaan Pusat tentang peruntukan dan pemindahan jajaran tersebut?

**YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang):** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah saya sebut dalam penjelasan saya tadi di mana kedua-duanya kajian kerja sedang dibuat dan sekiranya satu keputusan yang akhirnya tidak dibuat maka kalau kata dari segi sifat kontrak itu dan sebagainya tentulah ada perkara-

perkara yang mungkin secara kontraknya terpaksa diperincikan tapi kedua-dua cadangan itu sedang diperincikan dengan pelantikan konsultan.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK** (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan yang berikutnya. Memang menjadi suatu kemahuan penduduk Pulau Sekati supaya jambatan yang digunakan sekarang ini tidak selamat dan digunakan jambatan baru mereka merasakan boleh memberikan keselesaan kepada mereka. Tapi dengan pembatalan jambatan ini dengan sendirinya mereka terpaksa hidup dengan cara lama dengan jambatan kayu yang membahaya di musim banjir, masa banjir baru-baru inipun jambatan itu telah rosak. Adakah Kerajaan bercadang sekiranya diubah jajaran ini, Jambatan Pulau Sekati yang dhaif itu akan dibaiki dalam masa yang segera? Yang keduanya, memang kalau kita lihat daripada jajaran asal ia akan bertembung dengan Jalan Banggol Tuan Muda, Kubang Jela dan terus pergi kepada Bukit Jong, maka ini adalah cadangan yang saya kira cukup baiklah pada asalnya kerana sebagaimana kata Wakil Tepoh tad. boleh melencongkan pergerakan daripada Kota Bharu terus ke Bandar Kuala Terengganu tanpa menyesakkan di kawasan Batu 6. Cadangan yang baru ini akan menambahkan kesesakan dan ini memerlukan kajian yang teliti dan jugak melibatkan saya rasa kos pengambilan balik yang agak besar kerana di sekitar Bukit Datu di kampung saya itu sudah banyak rumah di sekitar jalan, ia terpaksa dibesarkan jalan itu menjadi 4 lorong, 2 lorong pergi dan 2 lorong balik, sekarang lorong yang adapun agak sempit. Ini saya rasa akan melibatkan banyak perpindahan penduduk pula dan di manakah mereka ini akhirnya akan ditempatkan. Ini juga persoalan-persoalan yang harus dijawab, jadi saya rasa satu tindakan yang saya rasa seolah-olah macam mengigaulah nak potong hak Pulau Sekati itu dan nak buat ikut Bukit Datu. Sayapun terkejut sebab benda ini berlaku dalam keadaan yang agak macam tiba-tiba (adhoc). Sebab itu saya rasa perlu buat kajian, duit Kerajaan dah banyak habis buat di Pulau Sekati, orang kampung dipanggil untuk perundingan dan sebagainya tiba-tiba nak dibatalkan begitu saja, ini sungutan rakyat sekarang.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB** (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana saya sebut tadi, kalau kata apapun keputusan yang akan dibuat tentunya hasrat Kerajaan ialah tidak akan menyusahkan dan menyulitkan orang ramai dan kalaupun ada kemudahan yang perlu dipertingkatkan di Pulau Sekati itu tentunya pertimbangan yang sewajarnya akan diberi dan saya juga sebut tentang kedua-dua cadangan ini adalah masih dalam kajian dan kita mengharapkan kajian itu akan sekaligus menyelesaikan apa juga kemungkinan ataupun kegusaran Yang Berhormat kawasan, insyaAllah. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Maknanya ayat atau perkataan 'mengigau' itu tak tepatlah Yang Berhormat, ya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Ladang. Ada tambahan Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):** 47(2), sepetimana yang Dato' Yang Dipertua sebut tadi soalan-soalan yang ditolak perlu dirujuk di bawah Peraturan 26, jadi semua soalan saya ditolak, saya melihat secara 'wewenang' oleh Dato' Yang Dipertua tanpa meneliti kepentingan-kepentingan keperluan soalan ini jawab sebagai contohnya soalan yang paling mudah "Berapa ramai bilangan penagih dadah di Negeri Terengganu?" Itupun ditolak dan Soalan Bertulis "Berapakah jumlah pinjaman dan biasiswa yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Terengganu bagi menampung anak-anak Terengganu melanjutkan pelajaran ke IPT luar negara dan senaraikan negara-negara yang terabit mengikut pecahan kursus yang diambil?" Inipun ditolak, di mana rasional penolakan soalan-soalan yang sedemikian ini dengan menggunakan Peraturan 26, sama ada 26(2) ataupun 26(4) di sini. Dan saya mintak satu ruling yang baru dari segi penolakan soalan-soalan yang secara 'wewenang' yang berlaku di Dewan yang mulia ini. Ini bukan suatu yang kita boleh main-main dari segi isu yang kita bawa ke Dewan ini adalah untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu sebagai contohnya dari segi penagihan dadah, saya mendapat tahu bahawa bilangan penagih dadah di Negeri Terengganu ini untuk tahun 2010 ini adalah yang paling tinggi di seluruh Malaysia dan Dewan ini adalah tempat yang terbaik untuk kita berbahas dan berbincang mencari penyelesaian anak-anak muda Terengganu, orang-orang Melayu yang majoritinya menjadi penagih dadah, mintak satu ruling dalam hal ini. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pertamanya, saya merasakan kita menolak soalan dengan 'wewenang' ini memang tidak tepat Yang Berhormat. Jawatankuasa yang kita tubuh, perancangan yang kita buat kita mengambil kira hasrat yang Yang Berhormat bangkitkan. Kemudian untuk makluman Yang Berhormat, yang ditolak ini bukanlah semata-mata soalan daripada Pembangkang, pihak Kerajaanpun ditolak dengan sebab yang sama. Kalau peratus Soalan Lisan yang ditolak adalah berjumlah 23 soalan ditolak daripada BNpun ada ditolak, daripada PASpun ada ditolak mengikut peraturan-peraturan tadi. Contoh yang diberi oleh Yang Berhormat tadi tidak berapa jelas, kalau boleh saya perjelaskan Yang Berhormat. Yang Berhormat nak tahu: "Apakah rasional pemberian jarum percuma kepada penagih dadah di Terengganu dan berapakah jumlah penagih dadah dan pengidap HIV di seluruh Negeri Terengganu?" Nampak soalan itu mudah, memang hasrat kita ada tapi bila dirujuk kepada jawatankuasa perkara Peraturan 26(6), pertamanya, soal Federal atau Persekutuan. Yang keduanya, soal sangat meletihkan kalau nak tahu bilangan sebenar-benarnya kitapun tidak rekod sebenar-benarnya bilangan seluruh negeri. Betul Yang Berhormat kata tadi, terbanyak tapi banyak mana ini boleh dipersoalkan, boleh diperdebatkan. Begitu jugaklah soalan-soalan lain, soalan yang tidak tepat, nama yang

tidak wujud dan sebagainya. Jadi insyaAllah Yang Berhormat ‘sewenang-wenang’ memang tidak berlaku tapi kita mengambil kira supaya Dewan kita ini berkesan sebagaimana yang kita hasratkan. Jadi saya jemput Yang Berhormat .....

**YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):** Dato’ Yang Dipertua, saya masih berpegang kepada ruling 42.2 ini dari segi ruling yang dibuat ini adalah tidak tepat. Jelas dari segi penagihan dadah, faktanya ada, dari segi pemberian jarum percuma. Exco sendiri yang beri jarum percuma kepada anak-anak Terengganu. Exco ada di depan saya ini dia boleh jawab. Saya nak tahu apa rasionalnya bila dia memberikan jarum percuma kepada penagih-penagih dadah di Negeri Terengganu ini sendiri, keluar dalam surat khabar benda ni, diketahui umum dan kita hendak berbahas di sini apa rasional sedemikian berlaku. Jadi kalaulah Dato’ Yang Dipertua membuat ruling yang sedemikian ini saya rasa Dewan ini cukup-cukup substandard.

**YANG BERHORMAT DATO’ YANG DIPERTUA:** Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan menuduh Yang Dipertua macam tu, saya dah katakan ini Buku Peraturan. Sebelum Yang Dipertua wujud di sini sudah ada Buku Peraturan ini dan sebelum Yang Berhormat masuk ke sinipun sudah diedar Buku Peraturan ini, kalauolah Yang Berhormat rasa perkara ini dah dijemput sila hadir ke majlis yang diadakan oleh Exco dan silalah hadir ke Pejabat Exco untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut, tidak ada masalah. Cuma peraturan ini telah ditetapkan dan telah dirujuk oleh kita dan kita rasa dalam tempoh yang terhad, dalam suasana Dewan yang perlu kepada perkara yang lebih penting, kita ketepikan dulu perkara-perkara yang tidak berkenaan dengan Peraturan Dewan, remeh temeh, meletihkan, perkara Persekutuan dan sebagainya. Saya harap Yang Berhormat faham, ya.

**YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):** Dato’ Yang Dipertua, saya mintak ditarik balik bahasa yang ‘remeh temeh’ tu. Kita bawa soalan-soalan ini untuk kepentingan rakyat. Walaupun saya tahu Dato’ Yang Dipertua ada kuasa tapi dari segi bahasa yang digunakan itu seolah-olah kita Ahli Dewan ini membawa isu yang remeh temeh.

**YANG BERHORMAT DATO’ YANG DIPERTUA:** Duduk dulu Yang Berhormat. Perkara itu sudah ada dicatat di dalam Buku Peraturan ini Yang Berhormat, ‘remeh temeh’, serupa jugak ‘sewenang-wenang’ tu, kalau saya nak suruh Yang Berhormat tarik, tidak ada disebut di dalam peraturan ini, Yang Berhormat menuduh saya ‘sewenang-wenang’.

Jadi kepada semua Yang Berhormat, sebelum mengemukakan soalan janganlah mengemukakan soalan sesuka saja, kalau yang nak ditanya kita tanya aje. Kita diberi mandat dan amanah, dan kita rujuk bagaimana bentuk soalannya. Mungkin boleh ditanya soalan yang berkenaan itu tapi sesuai dengan peraturan kita. Tidak ada hasrat saya untuk memperkecilkan hasrat Yang Berhormat. Okey, saya jemput Yang Berhormat Ladang untuk mengemukakan soalan yang seterusnya.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak perbetulkan sikit .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat, polimik ini saya ingat telah banyak saya katakan. Yang Berhormat, sila duduk. Saya jemput Ladang. Yang Berhormat Wakaf Mempelam saya jemput duduk! Wakil Ladang soalan seterusnya, kita ada masa yang terhad.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENKU HASSAN BIN TENKU OMAR (Wakil Ladang):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 ditolak, soalan saya nombor 2 –

*Berapakah jumlah Rumah Mampu Milik yang diserahkan kepada kontraktor untuk dibina pada tahun 2010 ini. Sila namakan kontraktor-kontraktor yang terlibat dengan kosnya sekali?*

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebanyak 1,399 unit Rumah Mampu Milik dilaksanakan pada tahun 2010 yang melibatkan kos sebanyak RM166,997,734.40 dan senarai kontraktor adalah sebagaimana berikut:

NAMA KONTRAKTOR	PROJEK	KOS (RM)	UNIT
Conor Engineering & Services Sdn. Bhd.	Rumah Mampu Milik Kampung Perasing Jaya, Kemaman, Terengganu	40,190,000.00	485
P-Excell Management Sdn. Bhd. – Falih JV	Rumah Pangsa Mampu Milik Ladang Gemilang (Peringkat II)	41,880,986.40	192

Paduan Eksklusif Sdn. Bhd.	Rumah Pangsa Mampu Milik Kawasan Mengabang Besar, Besut, Terengganu.	26,700,000.00	144
Cityskill (M) Sdn.Bhd. – WAA Bina Sdn. Bhd. – JV.	Rumah Mampu Milik Kampung Bukit Gasing, Marang, Terengganu.	38,800,000.00	383
Suria Gemilang Sdn. Bhd.	Rumah Mampu Milik Pekan Ajil, Hulu Terengganu.	19,426,748.00	195

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ada tambahan Yang Berhormat? Sila.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Soalan tambahan. Apakah kedudukan sekarang kalau boleh saya tahu statusnya sekarang dan apakah projek-projek ini ditender mengikut Tender Terbuka? Terima kasih.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Dato' Yang Dipertua, projek-projek ini sebahagiannya dalam proses pelaksanaan iaitu:

1. Projek Rumah Mampu Milik di Perasing, Jabor yang melibatkan kerja-kerja tanah dan pembinaan sedang bermula.
2. Projek Rumah Pangsa Ladang Gemilang, kerja-kerja telahpun sampai ke tingkat 2.
3. Projek Rumah Pangsa Mengabang Besar, Besut, kerja-kerja sedang berjalan setelah semua kerja tapak, menimbus tanah di kawasan paya telahpun selesai.
4. Projek Rumah Mampu Milik Bukit Gasing, kerja-kerja tanah hampir disiapkan.
5. Projek Rumah Mampu Milik Pekan Ajil, kerja-kerja baru bermula.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada tertinggal pada jawapan tu. Apakah projek-projek ini ditender secara terbuka?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kelima-lima projek ini adalah merupakan projek rundingan terus. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan. Saya tengok Batu Burok yang bangun dulu. Jadi Batu Burok bagi laluan, Yang Berhormat silakan. Soalan tambahan Yang Berhormat, ya. Jangan berucap panjang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak berucap. Dato' Yang Dipertua takut benar saya berucap, pasal apa tak tahu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak perbetulkan yang sebelum ini, tadi Yang Berhormat sebut soalan saya, saya tekankan soalan yang saya kena tolak 7 termasuk Bertulis, yang Yang Berhormat Dato' sebut tadi hanya Soalan Lisan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya sebut Lisan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lisan saja, maknanya angka itu angka Lisan saja .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya perbetulkan maklumat takut Dewan ini keliru sebab Dewan kita tidak sahaja bincang soalan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tapi Yang Berhormat Dato' jawab begitu ia semakin keliru, itu yang saya perjelaskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya Yang Berhormat, saya kata soalan Yang Berhormat hari ini 4 Soalan Lisan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, tapi saya sebut 7 daripada 9 termasuk Soalan Bertulis, jadi saya perbetulkan kekeliruan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wak'I Ladang):**  
Dua-dua betullah. ....(Dewan gelak) ...

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):**  
Tak, Yang Berhormat Yang Dipertua, isu Perumahan Rakyat ini isu yang besar dan insyaAllah hari inipun kita akan bincang peruntukan tambahan yang diperlukan. Saya nak mintak penjelasan berhubung dengan Rumah Kos Rendah, Rumah Mampu Milik ini dari segi agensi-agensi pelaksana dan yang keduanya dari segi pemantauan pasal banyak sangat sungutan dari segi kualiti rumah yang dibina. Jadi kalau boleh diberi penjelasan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertamanya, kerja-kerja ini adalah dipantau oleh JKR dan setelah projek ini siap diserahkan kepada SEDC untuk menguruskannya termasuk mengutip bayaran sewa bulanan dan sebagainya. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tambahan, sila Batu Burok.

**YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):**  
Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya ingin merujuk secara spesifik satu surat Setuju Terima Tender yang dikeluarkan kepada Syarikat Keep Structure Sdn. Bhd. bagi membina dan menyiapkan 290 unit Rumah Teres Mampu Milik yang mana surat Setuju Terima Tender ini saya ingin mendapat penjelasan ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dan apakah surat Setuju Tender ini boleh ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar? Tidak adakah Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan kita untuk mengeluarkan surat Setuju Tender yang sedemikian ini dan ini adalah bertentangan dengan General Order yang ada dalam negeri kita. Mintak penjelasan?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebarang projek yang bernilai lebih daripada RM20 juta hendaklah ditandatangani oleh Menteri Besar kerana Pihak Berkuasa Kewangan Negeri adalah Menteri Besar, ini yang pertama. Yang kedua, surat itu menyatakan persetujuan runding terus dan ini tertakluk kepada Jawatankuasa Kewangan, JKR dan sebagainya yang akan membincangkan tentang harga dan sebagainya. Persetujuan runding terus ini bukan bermakna ketetapan harganya ditetapkan oleh Menteri Besar, itu harus difahami. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):  
Soalan tambahan lagi, bolehlah satu lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu lagi Yang Berhormat sebab soalan asal daripada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):  
Jumlah projek ini disebut RM166 juta, RM170 jutalah lebih kurang. Apa rasionalnya projek ini diberi secara runding terus, di manakah yang dikatakan ketelusan (transparency) dalam pembahagian projek kepada kontraktor-kontraktor? Peraturan sudah ada kenapa tidak diikut saja supaya lebih terbuka, lebih transparency dan lebih diketahui oleh umum, yang baik kita pilih daripada tender itu. Mintak penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua. Dia ada dua kategori, satu Tender Terbuka dan satu lagi Rundingan Terus. Kedua-duanya diizinkan dalam peraturan. Ini mesti difaham. Kita tidak boleh buat di luar bidang kuasa kita tanpa berperaturan, itu jelas dari segi Arahan Kewangan. Dan kita memikirkan bahawa sebahagian projek telahpun ditender dan oleh kerana kita nak mempercepatkan proses pembinaan Rumah Rakyat ini sebahagiannya kita bersetuju untuk dibuat rundingan terus oleh pihak Kerajaan Negeri demi untuk mempercepatkan permintaan rakyat negeri ini dan tidak lebih daripada itu dan harganya dirunding secara terbuka dan melalui jawatankuasa yang terdiri daripada; Pegawai Kewangan, UPEN, JKR dan juga SEDC yang menguruskannya. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Jadi kalau andaian mengatakan tak transparency, tak apalah, saya secara terbuka mengatakan bahawa insyaAllah, tidak ada penyelewengan dan sebagainya, kalau ada silakan buat laporan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):  
Yang Dipertua, se lagi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, cukup Yang Berhormat, 4 soalan tambahan dah saya beri, nanti kalau ada ruang yang lain Yang Berhormat. Saya jemput Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Sila nyatakan jumlah Stesen NGV (Natural Gas Vehicle) dan di manakah Stesen NGV di negeri ini?*

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA** (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan. Terima kasih di atas soalan daripada Wakil Sura maklumat yang diperlukan berkaitan dengan jumlah Stesen NGV dan di manakah stesen itu diwujudkan.

Yang sebenarnya stesen itu hanya ada sebuah sahaja Stesen NGV di Terengganu ini dan ianya terletak di Teluk Kalong, Kemaman. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila Wakaf Mempelam.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT** (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya merasakan Stesen NGV ini dalam satu seginya boleh memberi manfaat kepada rakyat atas dasar gas ini lebih menjimatkan daripada petrol, tambah-tambah lagi harga minyak bertambah naik. Kita hanya ada satu sahaja itupun di Teluk Kalong, Kemaman. Dalam negara kita ini dijangka nak buat 200 stesen, hak ada dah beroperasi 144. Lembah Klang ada dah 86, Johor 28, 11 di Negeri Sembilan tapi Terengganu ada 1 di mana pusat pengeluaran gasnya ialah Terengganu. Jadi apakah usaha Kerajaan dalam untuk nak membantu rakyat supaya kita ke arah untuk nak memperbanyakkan stesen supaya rakyat boleh diberikan sedikit keringanan dari segi kos perjalanan kerana gas itu lebih murah dalam jangka masa panjang. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA** (Wakil Cukai): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Memang di dalam perancangan Petronas ada dicadang untuk ditambah 1 – 2 lagi stesen ini di Terengganu, antara satunya ialah di Kertih di mana dan yang 2 lagi ialah di sekitar Kuala Terengganu. Jadi memang ada perancangan walaupun kos pembinaannya lebih tinggilah berbanding dengan pembinaan bagi stesen biasa. Walaupun kita tahu ia lebih murah dan lebih untung untuk dipakai tapi kita juga kena lihat dari segi penggunaannya. Kebanyakan penggunaan ialah digunakan oleh teksi atau kereta sewa, jadi penggunaan kepada kereta biasa masih kurang dipakai. Jadi kalau dibuat di tempat yang tidak banyak teksi atau kereta sewa ini mungkin stesen itu tidak akan dapat untung jugak. Perbandingan minyak dengan gas memang berbeza lebih kurang 3 kali gandalah, 68 sen 1 liter bagi NGV, RM1.85 sen bagi Ron 95 ini, harganya murah tapi penggunaannya kurang. Kereta biasa masih banyak yang tak pakai lagi, yang biasa pakai ialah teksi, penggunaan bagi teksi di Terengganu ini masih kurang kalau kita bandingkan dengan teksi-teksi di Lembah Klang dan di sebelah sana. Sebab itulah kita lihat pembangunan Stesen NGV ini masih kurang di sini sebab penggunaannya kurang. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Exco jawab kegunaannya kurang, bukan soal kurang tapi tak ada langsung ni. Ada satu saja. Kalau tidak takkan bertambah dari segi permintaan walaupun ianya untuk kegunaan teksi, teksipun boleh menafaat, rakyatpun boleh menafaat pasal dia ada dua alternatif, boleh guna gas dan boleh guna petrol.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Maksud Yang Berhormat tadi, pengguna tu kurang. Maksudnya kalau kereta Yang Berhormat, Yang Berhormat kena pasang khusus NGV tu, jadi pengguna tu takdok lagi, tak ramai di sini.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maksud saya dah takdok jual gas nak pasang buat apa? Itu logiknya begitu jadi tak bolehlah nak beri alasan begitu. Soalnya sekarang, tadi dikatakan ada pertambahan, sekurang-kurangnya perkembangannya baik dan kosnya rendah. Di sebelah Pantai Barat banyak bertambah dengan peningkatan yang begitu mendadak. Jadi kalau kata nak tambah dua lagi tu agak-agaknya bila tu, saya nak khabor ke orang teksi tu supaya boleh selepas pada ini jimat sikit?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai):** Tadi disebut cadangannya nak dibuat dua buah lagi di Kuala Terengganu dan satu lagi di Kertih. Petronas sedang mencari tapak dan Kerajaan Negeri sedang membantu mereka untuk mencari tapak ini untuk di Kuala Terengganu sebab sekarang ini dalam bandar memang susah nak cari, jadi kita sedang membantu. Pihak UPEN sedang mencari tanah untuk membantu Petronas membina stesen ini.

Jadi saya nak tambah sikit hak yang tadi tu. Kos bagi kereta walaupun minyak itu murah tapi kalau kereta ini kalau kita tukar dari sistem pemasangan untuk guna gas ini jugak akan jadi lebih mahal sebab kena ada dua tempat minyak dan gas ini memakan space dan kosnya akan lebih tinggi, hanya teksi sahaja yang menggunakan dua sistem ini. Jadi untuk kereta persendirian ini masih kekal dengan penggunaan minyak biasa ini sebab penggunaannya kurang, orang tak pakai banyak sangat dan dari segi kos jangka panjangnya mereka menggunakan minyak Ron 95 ini sudah mencukupi. Sebab walau bagaimanapun, sebagaimana saya katakan tadiyah Kerajaan Negeri jugak sedang membantu Petronas, sebab kita tahu untuk teksi perlu kita buat sebab itu kita ada perancangan ini, dah lama dah Petronas nak buat ini cuma masa sahaja mementukan sebab nak cari tanah ini aje. InsyaAllah, kalau dapat tanah nanti tapi kalau Wakil Wakaf Mempelam ada tanah di kawasan Wakaf Mempelam bagilah kita boleh buat satu di Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Berapakah jumlah kes ibu mengandung yang datang ke Hospital Besut untuk melahirkan anak tetapi terpaksa dihantar ke Hospital USM Kubang Kerian bagi tahun 2007, 2008 dan 2009?*

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil media, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian. Terima kasih kepada Wakil Kota Putera, yang mengemukakan soalan yang berbunyi: "Berapakah jumlah kes ibu mengandung yang datang ke Hospital Besut untuk melahirkan anak tetapi terpaksa dihantar ke Hospital USM Kubang Kerian bagi tahun 2007, 2008 dan 2009?"

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk jawapan kepada Wakil Kota Putera dan kepada sidang Dewan. Pada tahun 2007, seramai 2,726 kes ibu mengandung telah datang untuk bersalin ke Hospital Besut dan daripada jumlah tersebut sebanyak 560 kes iaitu 20.5% dirujuk ke Hospital Kubang Kerian (HUSM). Pada tahun 2008, seramai 2,608 kes yang datang bersalin ke Hospital Besut dan daripada jumlah itu sebanyak 386 kes iaitu 14.8% telah dirujuk ke Hospital USM Kubang Kerian. Dan pada tahun 2009, seramai 2,525 kes yang datang ke Hospital Besut dan daripada jumlah ini 377 kes telah dirujuk ke Hospital Kubang Kerian (HUSM).

Selain daripada Hospital Kubang Kerian, kes-kes yang berisiko tinggi dan kes-kes berkomplikasi bersalin juga dirujuk ke Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kota Bharu dan juga ada kes-kes yang dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah di Kuala Terengganu. Secara keseluruhannya, untuk tahun 2007 sehingga 2009, jumlah kes bersalin yang pergi ke Hospital Daerah Besut dan terpaksa dirujuk ke Hospital Berpakar ialah 1,417 kes daripada 7,859 kes iaitu dalam 18.8% yang dirujuk ke Hospital Berpakar. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan Kota Putera. Sila.

**YANG BERHORMAT HAJI MUHAMAD PEHIMI BIN YUSOF** (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, daripada suara rakyat Besut, saya ingat ke banyak tetapi alhamdulillahlah. Tetapi walau bagaimanapun, 18% itu angkanya masih ada yang mana banyak masalah yang dihadapi oleh warga Besut terutamanya apa sahaja mereka melahirkan di hospital di Kelantan sama ada Kota Bharu ataupun HUSM maka i.c.nya akan menjadi '03'. Maka untuk makluman Yang Mulia Dato' Yang Dipertua, walaupun dia berada di Kota Bharu sehari ke dua hari ke tetapi dia dah jadi warga Negeri Kelantan. Ini suara dan rungutan yang dikeluarkan oleh 18% yang terlibat tadilah. Dan saya ingin mengetahui adakah perancangan yang dibuat oleh Kerajaan melalui kerjasama daripada Kerajaan Pusat bagi menaik tarafkan Hospital Besut itu menjadi Hospital Berpakar. Terima kasih Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR** (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Y.B. Kota Putera. Saya percaya bahawa isu ini hangat diperbincangkan di Daerah Besut khususnya kerana masalah rakyat Negeri Terengganu yang i.c. '03'lah. Dan ini alhamdulillah, Hospital Daerah Besut pada tahun 2009 kita telahpun dapat menggunakan bilik bedah, walau bagaimanapun bilik bedah itu hanyalah digunakan untuk kes-kes pembedahan elektiflah maknanya pembedahan yang kecil. Jadi memandangkan perkara ini menjadi isu utama kesihatan di Besut, saya masih ingat bahawa di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Besut pun ada dibangkitkan penggunaan OT ataupun bilik bedah sekiranya kalau boleh diadakan pembedahan-pembedahan bersalin di Hospital Daerah Besut. Dan saya telahpun rujuk kepada Jabatan Kesihatan Negeri dan memang Jabatan Kesihatan Negeri telahpun memohon supaya Hospital Daerah Besut untuk diadakan perkhidmatan Doktor Berpakar (Residen) di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 nanti. Dan itu terpulang kepada Kementerian Kesihatan sama ada untuk meluluskan permohonan yang dipohon. Cuma untuk makluman Dewan, selagi kita tidak ada Doktor Berpakar asas di Hospital Daerah Besut seperti Doktor Pakar New Natal, Dr. Pakar Bius, Dr. Pakar Bersalin yang residen di Hospital Daerah Besut selagi itulah kita tidak dapat mengadakan operation ataupun melaksanakan kes bersalin berisiko tinggi di Daerah Besut dan sehingga itulah kita terpaksa merujuk kes-kes yang berisiko tinggi ini atau kes-kes yang bermasalah ini ke hospital-hospital yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI** (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Pendek saja Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Dato' Yang Dipertua Dewan, mengapakah Kerajaan mengambil masa terlalu lama untuk menaiktarafkan dewan bedah, saya duk kira, duk hitung lebih kurang 8 tahun baru nak memohon dengan Kementerian. Dah beribu yang bersalin di Kota Bharu dan juga di HUSM, apalah salah kiranya pihak Kerajaan Negeri mewujudkan dasar dan peraturan, ibu-ibu daripada Besut yang tidak boleh bersalin secara normal di Hospital Daerah Besut dibawa ke Kuala Terengganu di Hospital Nur Zahirah, kalau dia bersalin dalam vanpun tak apa kerana dalam Negeri Terengganu lagi ....(Dewan gelak).....

Jadi kita melihat ini sebagai isu yang serius Dato' Yang Dipertua Dewan. Saya memohon jasa baik Jabatan Kesihatan mengambil langkah yang segera untuk mengelakkan daripada ibu-ibu kita dihantar ke Hospital Kubang Kerian dan Kota Bharu, bawalah ke Kuala Terengganu kalau katakan mengambil masa yang lama lagi. Ini isu besarlah bukan isu kecil. Anak buat di Terengganu tetapi jadi rakyat Kelantan, ini pelik. Ini cerita betul, buat anak di Terengganu tapi jadi rakyat Kelantan .....(Dewan terus gelak).... Jarang buat anak di Kelantan jadi rakyat Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut):** Terima kasih Y.B. Jabi tapi saya rasa Y.B. tak ramai anakkan?

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Dato' Yang Dipertua, mak hak ni tak ramai, mak hak seorang lagi tak tahu lagi ....(Dewan terus gelak) ....

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Jabi macam perli ke Hulu Besut nampak?

**YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut):** Bukan masalah kita lambat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk kita memohon Hospital Berpakar cuma macam saya maklumkan tadi Hospital Daerah Besut itu bilik bedah itu baru tahun lepas kita dapat guna kalau tak silap saya bulan Ogos tahun 2009 dan memang untuk bersalin ini kalau rakyat di Besut kita tanya nak ke mana, ke Hospital Nur Zahirah ke ataupun nak ke Kubang Kerian ataupun nak ke Hospital Raja Perempuan Zainab?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Rakyat Terengganu di Besut Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut):** Ya, Ya. Sebab pada pandangan sayalah jarak itu dekat ke Hospital Kubang Kerian, ramai yang memilih ke Hospital USM Kubang Kerianlah. Jadi kalau Kementerian boleh meluluskan Hospital Berpakar memanglah Y.B. Jabi, Y.B. Kota Putera memang mengharapkan supaya disegerakan

Hospital Berpakar di Daerah Besut cuma itu bergantung kelulusan Kementerian, kita dah pohon dah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, bukan soalan tambahan ni, cuma mencelah sahaja. Saya minta pihak Hospital di Besut jangan tanya pesakit, orang nak beranak ni dia dok kira dah, dia nak lepas aje dia dok kira dah, dia kira nak senang aje tetapi dia tak tahu pak da, mak da, pak su, mak su ni dia dok tahu kesan kepada anak dia, selepas lahir tu baru dia tahu. Jadi kita mintak doktor di Besut tak payah tanyalah bawa sahaja ke Hospital Nur Zahirah begitu aje, itulah maksud saya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Sedikit tambahan lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi kita di Hospital Nur Zahrahpun dalam construction bangunan tambahan untuk maternity unit. Jadi di Hospital Nur Zahrahpun memang kita tengah cramp, saya rasa dari segi keselesaannya kalau tuan-tuan pergi ke hospital itu memang kalau boleh nak pergi ke hospital yang lainlah ke hospital yang lebih selesa. InsyaAllah, apabila siap nanti akan dapat menyelesaikan masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksudnya ia untuk keselamatan yang mana lebih selamatlah dan pastikan yang lebih baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita dah lewat, saya berhajat nak bagi ke Kemasik satu soalan lagi tetapi saya tengok soalan Kemasik serupa sebagaimana dijawab oleh Telemong sebentar tadi mengenai pembangunan sukan. Jadi saya tangguhkan dulu mesyuarat kita ini untuk minum pagi. Kita masuk semula selepas .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya ingin membawa Usul Di Bawah Fasal 30, menurut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Dewan Undangan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok

memohon mencadangkan bahawa Persidangan Dewan ini hendaklah ditangguh mengikut Fasal 30 Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu Perbelanjaan Luar Biasa yang amat menghairankan sepanjang pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari tahun 2008 sehingga Ogos 2010.

Dato' Yang Dipertua, isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana telah berlaku suatu perkara yang boleh menggugat kestabilan Negeri Terengganu yang terkenal dengan kesantunan budaya serta hasil mashul minyak dan sumber gas. Tindakan salah urus, miss management dengan izin, sumber kewangan negeri adalah amat dikesali dan menzalimi rakyat Terengganu yang mengharapkan pembelaan Kerajaan Negeri terutamanya golongan berpendapatan rendah seperti pengayuh beca, petani dan nelayan yang hidup kais bagi makan pagi, kais petang makan petang.

Negeri ini yang sepatutnya sudah dapat memastikan kemakmuran dan kekayaan terhasil dikecapi oleh setiap lapisan rakyat. Negeri yang sepatutnya sudah lama dapat merapatkan jurang antara yang kaya dan yang miskin serta mengatasi ketidak seimbangan perbelanjaan tahunan tetapi malangnya ini semua gagal dan terbantut akibat pengurusan Kerajaan Negeri yang tempang dan penuh dengan keraguan serta tidak mendahului kepentingan rakyat ramai dan ini amat dikesali.

Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai kerana salah urus sumber kewangan negeri ini akan menghilangkan lagi keyakinan rakyat Terengganu terhadap pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta kredibiliti pemimpin negeri. Malahan Bajet Tahunan Negeri Terengganu untuk dua tahun terakhir telah mencecah lebih RM2 bilion, saya ulang lebih RM2 bilion. Manakala Bajet Tahun 2010 ini sahaja mencecah hampir RM1.9 bilion dan Dewan yang mulia ini akan sekali lagi meluluskan peruntukan tambahan menjadikan ianya mencecah lebih RM2 bilion. Ini menjadikan Bajet Negeri Terengganu adalah yang tertinggi di seluruh Semenanjung Malaysia bagi tiga tahun berturut-turut, saya ulang ini menjadikan Bajet Negeri Terengganu adalah yang tertinggi di seluruh Semenanjung Malaysia bagi tiga tahun berturut-turut. Amat wajar Dewan yang mulia ini membincang serta membahas kembali sebagai contohnya peruntukan-peruntukan seperti pembelian serta pengagihan pakaian sekolah, pembelian serta pengagihan atap biru, pembelian serta pengagihan buah kurma dan air zam-zam, kelulusan tender-tender pembinaan Rumah Mampu milik, pemberian tender-tender hasil balak di Negeri Terengganu yang bernilai ratusan juta ringgit yang kesemuanya bercanggah dengan kaedah pengecualian sebut harga untuk perolehan yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan Negeri sendiri. Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh perlanggaran hak rakyat dan Negeri Terengganu. Apa relevannya perbelanjaan tahunan mencecah lebih RM2

bilion setiap tahun kepada rakyat Terengganu sedangkan rakyat marhain di Terengganu kini menjadi pelarian di bumi sendiri.

Sesungguhnya memantau ketelusan perbelanjaan negeri adalah tanggungjawab kita semua sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih dan diamanahkan oleh rakyat Terengganu Darul Iman. Dato' Yang Dipertua, maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan orang ramai serta perlu disegerakan untuk dibahas di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Bentara silakan dapatkan usul itu.

[Bentara mengambil Kertas Usul daripada Y.B. Wakil Batu Burok dan menyampaikan kepada Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan]

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima Usul Di Bawah Peraturan Fasal 30 daripada Wakil Batu Burok sebagaimana yang dibacakan sebentar tadi. Dan saya tangguhkan dulu mesyuarat kita ini sehingga kita masuk semula ke Dewan pada pukul 11.15 pagi.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.55 PAGI.**

## PUKUL 11.15 PAGI

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum sidang kita ditangguhkan sebentar tadi kita telah menerima satu Usul Di Bawah Fasal 30 daripada Batu Burok. Setelah saya membuat penelitian daripada Usul yang dibangkitkan dan dibacakan oleh Yang Berhormat Batu Burok, saya dapati perkara ini adalah perkara tertentu, juga melibatkan kepentingan orang ramai dan perkara yang perlu disegearkan boleh saya simpulkan bahawa pertamanya perkara-perkara ini juga akan dibahas segera lagi. Kemudian perkara-perkara yang telah dibangkit soal tahun yang lepas itu telah dibahas dan diluluskan oleh Dewan ini maka tidak perlulah saya meluluskan Usul ini Di Bawah Fasal 30 dan saya teruskan Persidangan kita. Terima kasih.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Perkara berikut dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul Yang Telah Diberi Notis. Dipersilakan Yang Berhormat Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, Wakil Seberang Takir mengemukakan usul.

**YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

"Bahawa menurut Seksyen kecil (3) kepada Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi Tahun 2010 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini :-

<b>JADUAL</b>		
<b>MAKSUD</b>	<b>TAJUK</b>	<b>TAMBAHAN (RM)</b>
P.02	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	127,096,700.00
P.19	Pengarah Tanah dan Galian	30,000,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>157,096,700.00</b>

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Kepada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap saya alu-alukan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Alhamdulillahir rabbil alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pejawai Kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, tuan-tuan, puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin melafazkan rasa syukur atas hidayah dan inayah-Nya kerana disediakan ruang dan peluang untuk saya memulakan Perbahasan Usul bagi meluluskan Tambahan Peruntukan Yang Pertama dari Kumpulan Wang Pembangunan Untuk Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Terengganu Bagi Tahun 2010. Terlebih dahulu saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas Kurniaan Darjah Bintang Kebesaran Negeri Terengganu yang membawa gelaran Dato' Seri.

Dato' Yang Dipertua, dalam kehidupan seharian kita tidak terlepas dari membuat janji sama ada antara seorang sahabat, rakan sekerja, pekerja dengan majikan dan antara pemerintah dengan rakyat. Malah mungkin juga di antara dua golongan yang bermusuhan dan sebagainya. Islam sendiri sebenarnya tidak menghalang umatnya membuat janji dengan sesiapapun asalkan janji itu ditepati dan ditunaikan terutama perkara-perkara yang menuju kepada kebaikan dan jugak perkara-perkara yang untuk kebajikan. Hari ini kita dapati arus media, arus perdana kita sudah muak telinga mendengar begitu banyak bumi yang diamanahkan kepada pihak yang bertentangan dengan aspirasi Kerajaan Barisan Nasional melupakan janji-janji pilihan raya mereka. Mereka suatu ketika dahulu dengan rakus menabur janji dan dengan lantang mempersoalkan kebajikan yang ditaburkan oleh Kerajaan Barisan Nasional namun hari ini mereka menggigit lidah sendiri kerana kebanyakan janji-janji pilihan raya mereka hanya wujud umpama embun dini hari, selepas matahari muncul mereka mula menghilang tanpa bayang dan yang tinggal hanya rakyat yang suatu ketika begitu terpesona dengan janji lunak dan merdu mereka termanggu melihat segala kepalsuan janji mereka. Cuba kita usul dan kita tanya berapa ramai rakyat miskin yang telah kita keluarkan dari garis kemiskinan, yang kita dengar tidak lain dari hanya kerakusan mereka menidakkannya hak

bumiputera untuk terus bertapak dengan selesa di bumi mereka ini. Di samping kita dengar kerakusan mereka memijak dan menakluk segala hasil bumi tanpa mempedulikan nasib orang lain. Berapa ramai pula pemilik gedung-gedung perniagaan telah diturun sewanya seperti janji mereka. Kalau nak bariskan di sini makin banyak sebenarnya pembohongan yang sangat nyata.

Alhamdulillah, janji Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Menteri Besar tidak pernah tidak ditunaikan. Malah dengan beberapa tambahan Bajet ini saya yakin ianya telah melebihi janji-janji kita semasa pilihan raya dahulu. Yang jelas janji Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dengan slogan Pentadbiran Kerajaan Negeri iaitu 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' telah dijelmakan dengan cukup jelas, tepat, bersungguh dan bersepada. Walau ditidakkan kebaikan dan kebijakan untuk rakyat oleh pihak Pembangkang pada sepanjang masa maka saya mengajak mereka itu memikirkan kembali apa yang telah tersirat dan tersurat melalui Surah Al-Aaraf ayat 179 yang bermaksud: "Mereka ada hati tapi tidak merasa dan mereka ada mata tapi tidak melihat dan mereka ada telinga tapi tidak mendengar."

Dato' Yang Dipertua, pembentangan Bajet 2010 pada sidang yang lalu memperuntukkan sebanyak RM1.881 bilion yang merupakan Bajet terbesar setakat ini di Negeri Terengganu. Pembentangan yang meliputi keperluan yang cukup besar bagi menampung keperluan rakyat dari yang di atas sehingga yang di bawah, inilah Kerajaan yang sentiasa menyelami nasib rakyat, menyelami hati nurani rakyat dan bukan setakat bermain politik sepanjang masa serta menjaya modal politik yang mengkesampingkan nasib bangsa walau diinjap dan dicerca dengan rakus pada masa kini. Hari ini nasib rakyat kita, hati nurani rakyat atau nadi kehidupan rakyat yang sejahtera dibela lagi dengan pertambahan peruntukan dalam pelbagai bidang. Antara yang dinyatakan dengan jelas tadi adalah bagi memenuhi keperluan perumahan rakyat sama ada Rumah Kos Rendah atau Rumah Mampu Milik. Sejumlah lebih RM94 juta yang diperuntukkan ini menunjukkan betapa caknanya Kerajaan Negeri dalam membela nasib rakyat jelata tanpa mengira fahaman politik. Ditokok tambah lagi dengan peruntukan dalam bidang pembangunan luar bandar begitu juga pertambahan bagi mendirikan masjid dan surau di seluruh Negeri Terengganu. Di samping itu juga didapati pertambahan begitu banyak untuk program-program pendidikan negeri. Ini menjelaskan kepada pihak yang bertentangan aspirasi dengan Kerajaan Barisan Nasional di Terengganu bahawa inilah Kerajaan yang hati nuraninya adalah untuk menyelami dan bersama rakyat baik pada ketika jaga maupun ketika tidur. Inilah Kerajaan yang sentiasa menujarai kehidupan rakyat, sentiasa menujarai pembelaan nasib rakyat, sentiasa menujarai pembangunan untuk rakyat, sentiasa menujarai di barisan hadapan membela isu dan masalah rakyat, sentiasa menujarai dengan meletakkan rakyat sebagai keutamaan 'Nombor 1'.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, yang cerdik menilik, yang pandai menilai, yang pintar ikhtiar, yang bijak bertindak. Dato' Yang Dipertua, tidak sempurna rasanya perbahasan usul saya ini kalau saya tidak membawa sedikit pandangan dan jugak rayuan rakyat di kawasan saya ke Dewan yang mulia ini. Dato' Yang Dipertua, rakyat Kuala Berang sebenarnya amat mahu dan jugak kalau boleh lebih banyak lagi peruntukan pembangunan diluluskan di Kuala Berang supaya kita lihat di suatu masa nanti di Kuala Berang akan tidak ketinggalan umpama kalau pada hari ini jika dibandingkan dengan Kuala Terengganu, Kuala Berang umpama langit dengan bumi. Saya mencadangkan supaya satu bajet khusus diluluskan juga untuk penyusunan semula Bandar Kuala Berang antaranya kita harap dapat diluluskan bajet untuk pembangunan pejabat-pejabat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang telah usang dan jugak lusuh. Juga yang keduanya, saya berharap dapat diluluskan peruntukan untuk pembinaan bangunan-bangunan kemudahan orang ramai, dewan orang ramai, pusat-pusat sukan, pusat-pusat rekreasi dan sebagainya. Begitu juga kita berharap Kerajaan Negeri dapat memikirkan untuk membuat penambahan bilangan unit-unit kedai, ruang-ruang perniagaan. Kita jugak meminta supaya bank-bank tempatan dapat membuka cawangan mereka di Kuala Berang kerana pada masa ini di Kuala Berang hanya ada Maybank dan jugak Agro Bank di samping bank budak-budak sekolah Bank Simpanan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita harap jugak dapat diluluskan peruntukan untuk penyusunan semula laluan trafik yang sesak, jam yang teruk kadang-kadang sebagaimana Dato' Seri sendiri telah pergi ke Kuala Berang melihat bagaimana sesaknya di Kuala Berang apabila satu-satu program berlaku. Saya juga pernah pada suatu masa dahulu, pada persidangan yang lalu telah mendengar sendiri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar meluluskan satu Bajet untuk mengatasi masalah banjir melalui jalan raya antara Kuala Berang dan Ajil tapi saya dimaklumkan sehingga kini Yang Amat Berhormat Dato' Seri masih belum berlaku apa-apa perubahan dan kita bimbang mungkin banjir yang akan datang tidak lama lagi akan juga kita alami masalah banjir yang sebagaimana yang berlaku pada tahun yang lalu. Kalau boleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri meluluskan segera peruntukan pembinaan sebuah jambatan baru di Kuala Berang sebagaimana jawapan dalam sidang Dewan yang lalu di mana peruntukan telah diangkat kepada Kerajaan untuk diluluskan. Begitu jugak Yang Amat Berhormat Dato' Seri berkaitan dengan pembinaan 'Satu DUN Satu Masjid' setiap tahun tapi untuk makluman Dato' Seri, sehingga kini sejak daripada tahun 2008, 2009, 2010 dan sehingga kini tidak ada lagi sebuahpun masjid baru yang dibina di dalam DUN saya. Begitu jugak Yang Amat Berhormat Dato' Seri kita berharap supaya lebih banyak pusat-pusat IPTA dan IPTS dapat dibina di Kuala Berang pada masa kini kerana kita hari ini kita hanya ada satu kolej swasta iaitu Kolej KIST dan jugak Cawangan Politeknik yang menumpang di bangunan Majlis

Daerah Hulu Terengganu dengan kapasiti pelajar hanya 272 orang. Di mana kita tahu pada tahun 2007 yang lalu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri telah membuat pecah tanah dan juga meluluskan pembinaan Politeknik Hulu Terengganu tapi sehingga kini kita dapat ....

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT** (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak tanya Yang Berhormat Kuala Berang ini dia bahas tu atas butir mana tu? Dia pergi sampai ke luar .... hak butir mana dari segi usul yang dibentangkan?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL** (Wakil Kuala Berang): Kita bahas untuk kepentingan rakyat bukan kita bahas untuk mengelirukan rakyat.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak apa Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL** (Wakil Kuala Berang): Jadi kita bawa hasrat rakyat di dalam Dewan ini untuk diluluskan bajet kena fahamlah tu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh teruskan sebagai Penyokong Usul.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL** (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita juga berharap dapat juga direalisasikan hasrat Dato' Haji Razali Ismail bekas Timbalar Menteri Pelajaran yang dahulu yang telah kembali ke Rahmatullah di mana semasa hidup dahulu beliau juga mahu merealisasikan pembinaan sebuah Kolej Matrikulasi di Hulu Terengganu. Tapi sehingga kini kita belum nampak usaha-usaha ke arah pembinaan tersebut.

Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membangunkan Tasik Kenyir. Cuma saya berharap dan memohon supaya satu kajian dibuat. Sebenarnya apakah program pembangunan ini dapat dirasai nikmatnya ataupun tidak kepada rakyat di bawah. Ini adalah kerana sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri saya ulang apa yang telah saya perkatakan dahulu, sebenarnya orang Hulu Terengganu ini telah banyak berkorban untuk program-program Kerajaan terutamanya Tasik Kenyir di mana kalau kita tahu bahawa kita telah hilang ratusan ribu ekar tanah untuk pembinaan empangan dan di samping itu juga kita telah hilang ratusan ribu ekar tanah untuk kemudahan pembangunan sama ada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Begitu jugak kita telah hilang ratusan ribu ekar kawasan balak, kita hilang pekerjaan, hilang hasil hutan dan juga industri berdasarkan kayu dan balak. Kita juga telah hilang flora dan

fauna, kita jugak hilang binatang-binatang buruan, kita jugak hilang galian dan kekayaan, kita jugak hilang kejernihan air, airnya umpama rasa payau tetapi tidaklah rasa macam air laut.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** 3 minit lagi Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon satu kajian dibuat kerana saya telah mendapat maklum akibat daripada pembinaan dam Kenyir ini didapati ada tanah-tanah di beberapa tempat di Daerah Hulu Terengganu telah berubah kedudukannya. Rasanya ini mungkin belum lagi dapatkan yang ditemui kerana kita mendapat laporan daripada rakyat di bawah, padang bola telah berubah keadaannya begitu juga dengan struktur bangunan-bangunan mungkin akibat daripada takungan air yang begitu lama 30 tahun lebih air yang bertakung di Tasik Kenyir. Kita berharap supaya kajian dibuat, kita bimbang satu malapetaka besar akan berlaku dan kita mintak dijauhi oleh Allah Taala perkara ini berlaku. Kita berharap satu kajian dibuat supaya kita dapat mencari satu jalan alternatif supaya masalah ini tidak akan mengakibatkan satu malapetaka besar kepada rakyat. Begitu juga baru-baru ini kita terdengar satu gempa yang dikatakan berukuran 2.4 skala richter, benar ataupun tidak ia berlaku? Dan apakah tindakan Kerajaan dalam menangani perkara ini. Begitu juga kita dapat pencerobohan di Tasik Kenyir yang berleluasa dan kita berharap supaya dapat dibina satu ataupun dua kem tentera untuk mengawal selia Tasik Kenyir.

Meneliti kepada perkara di atas dicadangkan jugak supaya TNB (Tenaga Nasional Berhad) dapat menyegerakan bayaran Cukai Taksiran kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu kerana kita menunggu peruntukan ini untuk kita membangunkan dan rakyat di bawah tertanya-tanya: "Kenapa TNB nak berkira sangat, you dapat untung yang banyak, you pun dapat CEO yang dikatakan terbaik di Malaysia." Kita harap bantulah kami dan dengan duit ini kita harap dapat membantu rakyat yang di bawah, rakyat yang miskin dan lemah macam kami. Tak baik, Tuhan Maha Kaya kerana doa orang-orang yang teranianya ini amat berkat.

Jadi saya rasa itulah harapan saya pada hari Dato' Yang Dipertua, dan saya juga di sini berharap supaya Kerajaan mengambil kira, Kerajaan mengambil prihatin, Kerajaan dapat mempastikan kita Hulu Terengganu tidak akan ketinggalan dengan daerah-daerah lain, insyaAllah. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat sekalian, saya rasa yang pertamanya Yang Berhormat Kuala Berang sebagai Penyokong, kemudian betul teguran Wakil Wakaf Mempelam tadi. Jadi saya harap kepada pembahas seterusnya selepas ini kita lebih

tumpukan kepada P.02 dan P.19 sebagaimana usul yang dibentangkan. Jadi saya jemput Ahli Yang Berhormat seterusnya. Sila Wakaf Mempelam, 10 minit Yang Berhormat. Silakan.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut berbahas Usul yang telah dikemukakan. Cuma Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ini tidak berlaku adil sikit, sepatutnya ditegur kalau sekiranya perbincangan yang dibuat itu lari daripada tajuk kerana kita membincangkan khusus kepada kepala-kepala yang telah ditentukan. Jadi saya berharap kalau saya terlajak atau terkeluar sikit itu jangan ganggulah jugak.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Saya akan tegur Yang Berhormatlah.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Hak ni yang kata tak berlaku adil ni.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bila teliti permohonan tambahan ini saya dapati peruntukan tambahan ini khususnya untuk bina rumah ini, saya nak sentuh hak untuk bina rumah dulu, Rumah Kos Rendah, Rumah Perpindahan Mampu Milik, Rumah Mampu Milik yang berjumlah RM94 juta. Ini satu angka peruntukan tambahan yang besar. Dan saya sebut tadi semasa soal jawab tadi, soal siapa yang pantau dan apa jaminan untuk nak pastikan pembinaan rumah untuk rakyat ini dibina dengan sempurna dan rakyat puas hati. Pasal itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang berlaku di negeri kita ini terkenallah pasal kes runtuh-runtuh ni, bina stadium runtuh, masjid boleh runtuh, dewan sekolah runtuh, Menara Telekomunikasi runtuh, Pusat Akuatik bocor, Masjid Kristal bocor. Jadi munasabah kalau mantan Exco Infra itu ditukar ke menjaga wanita tapi jaga wanita inipun saya tak tahu lah boleh berjaya ke tidak ni pasal itu ubi gadung .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat yang ini saya kena tegur Yang Berhormat, tak ada kait mengait.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Haa .... deras tegur tu. Deras Yang Berhormat tegur tu bila saya nak lari sikit deras ditegur tu, hak belah nun senyap aje. Saya nak kaitnya pasal kesnya, soal ini integriti, soal perbelanjaan duit rakyat, soal peruntukan yang besar. Saya menyentuh perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak apalah kawan saya Pengkalan Berongan ni dia jaga wanita sekarang ini dapat peruntukan RM2 juta katanya untuk ubi gadung kerana nak besarkan payu dara, benda apa tak tahu lah, munasabahlah ni biar jaga hak gitulah senang .... (Dewan Gelak) .....

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, isu penyelewengan Projek Perumahan Rakyat ini sudah lama berlaku di Terengganu dan saya nak kod bila Laporan Ketua Audit Negara untuk Negeri Terengganu terhadap satu kajian khas dan Laporan Audit ini diberikan kepada Ahli Dewan pada tahun 1998, Laporan Audit untuk Terengganu 1997 kalau tak silap saya. Di mana Laporan Ketua Audit untuk Negeri Terengganu terhadap satu kajian yang dibuat pada bulan Mei 1997 siap dengan gambar, ini yang telah saya fotostat berhubung dengan ini kes rumah juga tapi Rumah PPRT di bawah Kementerian Luar Bandar bukan duit Negerilah, duit Pusat tapi yang saya nak sebut ini yang berlaku, Program Pembangunan Rakyat Termiskin pun berlaku penyelewengan, hak Bukit Besi yang Menteri terlibat, lepas itu Ketua Setiausaha kena ke mahkamah itu saya takmboh sentuh yang itu. Tapi walaupun ada kriteria sesuatu bantuan kewangan untuk baiki rumah atau bina rumah ada kriteria untuk memberi bantuan, ada syarat pendapatannya. Pada waktu itu tiga kriteria penting yang disebut oleh Ketua Audit Negara dalam laporan khas ini, yang pertama mempunyai pendapatan RM42.50 sebulan pada waktu itu atau RM212.50 bagi keluarga, mana dhaifnya rakyat Terengganu pada waktu itu. Yang keduanya, kriterianya ialah tidak mempunyai rumah. Dan yang ketiganya rumah yang dipunyai sudah uzur. Ini laporan yang dibuat tetapi apabila pemohon diberi bantuan dan dia hendaklah menggunakan bantuan wang tunai, disebut wang tunai kena ikut syarat yang telah ditetapkan dan wang itu tidak boleh diguna untuk perkara lain. Dan bagi mempastikan Program Bantuan Membalik dan Membina Rumah dilaksana secara berkesan dan mematuhi garis panduan ditetapkan satu kajian dibuat oleh Audit Negara 1997. Saya nak sebut penemuan hasil daripada lawatan ke beberapa buah kampung yang penduduknya menerima bantuan di bawah PPRT, didapati program ini tidak dilaksanakan dengan teliti, maklumat peribadi dan penempatan pemohon tidak ditapis dan disah kesahihannya, ini semata-mata bergantung kepada perakuan ketua keluarga atau JKKK. Inilah dikatakan hak rakyat pun menjadi mangsa dah. Mekanismus tertentu bagi menapis ketetapan maklumat tidak diwujud di Pejabat Daerah berkenaan. Jadi hasilnya disebut, satu, hasil daripada pertemuan oleh kerana bantuan individu yang memperolehi bantuan ini bukan daripada golongan rakyat termiskin tapi orang-orang yang ada kepentingan yang dapat. Itu penyelewengan rakyat belum lagi hak agensi dan juga

hak lain, kontraktor dan sebagainya, itu satu penemuan yang dibuat. Ada satu keluarga di Saujana, Setiu telah diberi bantuan RM7,000 bagi mendirikan rumah, didapati telah mempunyai rumah yang selesa, ada rumah dah tapi dapat bantuan. Dan bantuan tersebut telah digunakan bagi membina satu lagi rumah, kini rumah asal milik individu itu telah disewakan bagi sumber pendapatan tambahan. Dapat buat rumah, hak rumah asal dia beri sewa, itu satu ini dari Laporan Audit. Yang kedua, di Kampung Beting Lintang. Besut bantuan sebanyak RM2,500 bagi membaiki rumah telah digunakan bagi mendirikan sebuah rumah yang kosnya dianggar RM12,000. Siasatan Audit mendedahkan pemilik rumah ini mempunyai pelaburan di dalam ASB dan menggunakan sebahagian simpanannya untuk membina rumah. Pitih dia banyak, ini tidak termasuk dalam kategori kemiskinan. Yang ketiga, seorang ketua keluarga di Kampung Belara, Kuala Terengganu yang menerima bantuan RM2,500 bagi membaiki rumah telah berbelanja RM8,000 semata-mata bagi membesarkan dapur rumahnya. Yang keempat, seorang ketua keluarga telah menggunakan nama isterinya bagi mendapatkan Bantuan Membina Rumah, bantuan RM7,000 itu digunakan bagi membesarkan rumahnya, siap dengan gambar Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Ini terdapat dalam Laporan Audit, cuba check. Saya sebutkan perkara ini sebagai peringatan. Dan disebut jugak di dalam Laporan Audit ini, oleh sebab itu terdapat satu keluarga yang betul-betul miskin yang mendiami rumah yang uzur tetapi tidak diberi bantuan. Sebagai contoh satu ketua keluarga di Kampung Masjid Haji Kadir, pendapatannya RM80 sebulan tidak mendapat bantuan, gambar rumah orang miskin yang tidak dapat bantuanpun ada. Ini Laporan Audit 1997.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, waktu tahun 1997 JKKK ambil kesempatan, lening tak tahulah perkara itu masih berulang ataupun tidak. Ini 13 tahun yang lalu. Jadi bila bercakap soal perumahan, sekarang ini timbul pulak isu Rumah Mesra Rakyat yang dibina oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad, syarikat milik penuh Menteri Kewangan diberbadankan, yang sekarang ini bina rumah banyaklah, pakai duit Terengganu tetapi Yang Amat Berhormatpun mengaku, saya tanya soalan di Parlimenpun jawapan diberipun serupa. Rumah 3 bilik tidur, 2 bilik air, keluasan lantainya antara 700 hingga 1000 kaki persegi. Biasa Rumah Mesra Rakyat ini dianggap sebagai kos sederhana, kalau keluasan 700 kaki persegi harganya lebih kurang RM43,000 atau RM42,000 sebuah/seunit dan nilaiannya lebih kurang kalau nak kira kaki dalam RM56 sekakilah dia punya kos. Tapi di dalam Laporan Audit jugak pembinaan Rumah Mesra Rakyat ini terlalu tinggi sampai mencecah RM100 sekaki persegi, ini macam subsidi untuk kontraktor pulak.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Mintak laluan Yang Dipertua, laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Laluan? Yang Berhormat Dato' sanggup tambah masa tak, kalau tak saya takmboh beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak beri laluan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak ada masalah tapi Yang Berhormat Dato' tambah masa saya, saya nak perhabis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Berilah sikit. Sila Ajil.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua, terima kasih Wakaf Mempelam. Hak nak cakap pulak ni hak tahun berapa pulak ni? Kalau hak tadi 1997, hak nak khabor pulak ni tahun berapa pulak ni? Khabor awallah. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allah ..... Hak nipun gaduhnya teh, dok khabor lagi tanya dah .... (Dewan Gelak) .... dengarlah dulu. Lepas itu barulah kita .... Saya mudah aje, saya terbuka .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penggulungan Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau ada benda, apa-apa, you correct me if I'm wrong. Kalau saya salah tolong perbetulkan. Ini fakta yang nak saya kemukakan supaya saya takmboh peruntukan yang kita luluskan ini berlaku benda yang sama bertahun-tahun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi ini berhubung dengan Rumah Mesra Rayat ini sebagai contoh. Ianya terlalu tinggi tetapi selepas siap bina aje jadi masalah selalu dan ini pulak berlaku Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di kawasan Kemaman, ini kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri ni kawasan Kemaman, baru duduk tak sampai setahun rumah ini yang dimiliki oleh seorang suri rumah Faridah Jaafar di Kampung Geliga, rumah baru tapi kayu railing untuk atap genting sudah reput dimakan anai-anai. Ini masalah kualiti sehingga dia terpaksa cari duit lain

walaupun tiap-tiap kena bayar tetapi dia terpaksa cari duit lain untuk nak baiki rumah dia kerana dalam keadaan bimbang takut runtuhan atap genting. Dan ini yang dilaporkan, ini adalah sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soal Syarikat Perumahan Negara berhubung dengan pakai duit Terengganu sampai sekarang tak bayar itu insyaAllah kita bincang lain kali pulaklah. Tapi apa yang saya nak sebutnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan semacam kerja-kerja pembinaan rumah ini trend sepertimana yang disebutkan tadi banyak yang diberi secara 'direct nego' dan kontraktor pulak dia pegang harga sekarang ini yang jadi mangsa rakyat, dari segi kualiti dari segi apa itu tak tahu lagi tu. Dan saya teringat kepada satu ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Kedua pada 13 April 2009 yang mencadangkan supaya ditubuh Syarikat Perumahan Negeri khusus bagi mengendalikan perumahan di negeri ini dan kalau boleh ianya dikaji dan dikuatkuasakan. Jadi saya nak tanya apa pertimbangan, apa sikap dan pandangan Kerajaan dengan cadangan yang telah dikemukakan yang disebut di dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2009. Yang ketiganya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jugak tengok senarai .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Gulung Yang Berhormat, ya.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Eh .... belum lagi ni, baru bahagian rumah ni.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila gulunglah.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Saya tengok senarai yang dikemukakan berkait dengan permohonan bajet tambahan untuk dibelanjakan ini. Ada dalam senarai ini sama ada di Besut, di Gong Nering, Pasir Akar, ada yang sepatutnya siap dah 2009 ini, ada dijangka siap bulan 5, 2010, ada dijangka siap 2011 tapi salah satunya dan tadi telah disebut oleh Yang Amat Berhormat RKR Perasing Jaya, Kemaman yang dijangka siap 31.1.2012, kalaularah 2012 dijangka siap dan tadipun disebut projekpun baru bermula takkan mintak peruntukan tambahan dah, kemukakanlah hak bajet tahun hadapan untuk perbelanjaan tahun hadapan, ini baru start, siap 2012 dah mintak peruntukan tambahan, macam ada benda yang tak kena aje. Hak yang ini saya nak mintak penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Saya nak sebut ada satu lagi berhubung dengan kes peruntukan P.02 Kod 16919 – Pembangunan Projek-Projek Kecil Seluruh DUN. Peruntukan Dalam Anggaran RM7 juta, Tambahan Yang Dikehendaki RM2.6 juta dan disyorkan Lulus RM2.6 juta. Dalam penjelasan di bawah itu disebut, dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, peruntukan ini kepada

ADUN dibuat sebanyak 3 kali pengagihan dengan setiap agihan RM3.2 juta. Keperluan peruntukan tambahan sebanyak RM2.6 juta adalah untuk menampung baki pengagihan tersebut. Kalau lahir peruntukan kepada ADUN yang diberi sebanyak 3 kali pengagihan, setiap kali agih RM3.2 juta maknanya seorang ADUN dapat RM100,000, maknanya setahun 3 kali satu ADUN diperuntukkan ikut permohonan yang dibuat ini sebanyak RM300,000 bagi setiap DUN yang diwakili. Tadi saya check dengan kawan-kawan saya di sebelah sini ni ADUN belaka jugak ni tak boleh peruntukan itu .... Yang Dipertua anguk dah tu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tidak sama kot ADUN sebelah sana dengan yang sini.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Ya, betullah seolah-olah kami ni tidak diiktiraflah walaupun permohonan peruntukan ini atas nama ADUN. Dan saya mendapat maklumat walaupun sekarang ini tidak dibagi dah, dulupun di peringkat awal katanya ada jugak ADUN Barisan tidak boleh jugak pada peringkat awalnya, hak Parlimen teruk lagi, macam saya DUN dan Parlimen dua-dua dia baham belaka, dia beri kepada Ketua UMNO Bahagian, hak inilah benda-benda dari segi itunya, sebab saya sebut perkara ini biar rakyat tahu benda-benda macam ini, biar rakyat tahu, perjelaskan hak negeripun dia tak bagi dia kontrol belaka. Dia mintak permohonan peruntukan daripada ADUN tapi dia lantik Penyelaras DUN untuk belanja peruntukan ADUN. Tapi tadi disebut oleh Yang Dipertua takdok Penyelaras DUN, dah takdok Penyelaras DUN benda apanya? Pasal saya mendapat maklumat Penyelaras DUN ini elauinya lebih besar daripada ADUN.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Gulung Yang Berhormat. Sila habiskan ayat Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Saya bila pagi ini dalam keadaan begini ni saya banyak yang nak diperkatakan Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak apa kawan-kawan kita hak ada lagi tu Yang Berhormat boleh edarkan.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Tapi bagi chance kepada saya dulu, itu hak saya untuk berucap. Dahlah soalan kena potong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi berilah peluang kepada saya, saya nak benda ini kerana saya bercakap atas dasar prinsip soal nak bagi, tak nak bagi itu bab lain tapi sekurang-kurangnya saya nak beritahu waktu Yang Berhormat Rhu Rendang menjadi Menteri Besar, kami memerintah, ada empat orang ADUN UMNO (Barisan Nasional) kami bagi RM100,000. Ajil boleh ingat, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Telemong waktu itu, Wakil Seberang Takir dan juga Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi Yang Berhormat tapi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Eh .... bagi, lepas itu dia rompak duit roayti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat sebab terlibat dengan saya. Saya nak mintak tolong duduk sekejap. Yang Berhormat Wakaf Mempelam dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mengakui waktu itu saya sebagai ADUN ditawarkan untuk berbelanja tapi syaratnya mestilah ditunjuk dan dibenarkan oleh JSR dan juga anggota-anggota yang berkenaan. Ramailah JSR berkunjung ke rumah saya dan ADUN-ADUN yang tiga orang lagi pun barangkali. Jadi saya rasa tidak wajarlah sebagai anggota ADUN maknanya nak pancing. Jadi Yang Berhormat saya rasa tak payah panjanglah sebab terlibat dengan saya. Yang Berhormat sila gulung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, ada satu, sikit lagi. Jadi patut Kerajaan jawab, Yang Berhormat Dato' tolong jawab, tak apalah. Saya nak sebut sikit lagilah dalam masa dan keadaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebabnya Yang Berhormat dalam Wakil Kerajaan tidak ada yang terlibat dalam empat orang itu, itu yang saya jawab tadi, minta maaflah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya timbulkan perkara ini supaya dia jawablah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila gulung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau kata saya tak betul .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat habiskan masa macam itu, jadi saya tak benarkan lagi dah. Sila.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini satu lagi peruntukan Kod Projek: 03906 – Pembangunan Pelancongan. Peruntukan Dalam Anggaran telahpun diluluskan RM7.2 juta. Tambahan yang diperlukan RM10,496,700. Peruntukan Tambahan ini diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan pelancongan seperti pembinaan dan penambahbaikan bot rivercruise Sungai Terengganu serta pembinaan bot penambang dari Seberang Takir ke Kuala Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau daripada peruntukan asal RM7.2 juta tambah pulak dengan cadangan yang hendak dikemukakan dengan tambahan RM10 juta lebih bermakna nilai projek ini akan menjadi RM17,696,700, lebih daripada RM7 juta. Saya nak mintak pihak Kerajaan itemized-kan dengan izin, senaraikan semua perbelanjaan bagi membiayai projek pembangunan pelancongan di Sungai Terengganu seperti mana yang disebut. Oleh kerana saya mendapat maklumat baru-baru ini satu rombongan ke Thailand, ke Bangkok katanya pergi tengok untuk beli bot secondhand yang telah di-recond untuk dijadikan bot rivercruise Sungai Terengganu dengan harga RM2.5 juta tapi katanya tidak dipersetujui oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Jabatan Laut tidak setuju dan akhirnya dibatalkan, hak itu tak beli. Dan bagi pembinaan bot penambang dari Seberang Takir ke Kuala Terengganu saya dimaklumkan hanya 2 buah sahaja yang telah ditempah dan katanya telah siap dan tunggu masa untuk dilancarkan saja. Sebuah sahaja kosnya RM247,500 kalau dua buah hanya RM495,000 tak sampai setengah jutapun tapi ini RM17 juta lebih nak buat apa? Jadi saya mintak biar jelas sikit penjelasan berhubung dengan peruntukan tambahan yang diperlukan yang begitu banyak supaya kita pastikan ianya betul-betul menaafat untuk pelancongan dan akhirnya untuk rakyat Negeri Terengganu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Sudah dah ke saya?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Lebih daripada pembawa Usul dah, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):  
Terima kasih Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Saya jemput  
Yang Berhormat seterusnya. Ya, Manir. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bismillahir Rahmanir  
Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang  
Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan, hadirin dan  
hadirat sekalian.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan sesuatu di dalam Anggaran  
Pembangunan Tambahan. Saya dapat tambahannya lebih banyak daripada peruntukan asal.  
Peruntukan asal RM106 juta tambahan yang dikehendaki RM127 juta. Saya selalu  
memperingatkan bahawa apa yang rancangan yang hendak kita adakan hendaklah sampai  
kepada sasaran. Walaupun Negeri Terengganu sudah lama menikmati hasil petroleum dan gas  
tapi masih terdapat ramai daripada anak-anak Terengganu yang belum mempunyai rumah.  
Maka kita mengesyorkan supaya Kerajaan membanyakkan projek-projek perumahan ini. Dan  
nampaknya pada kali ini Kerajaan telah mengadakan banyak rancangan perumahan tetapi  
yang selalu diperkatakan oleh rakyat dia tidak sampai kepada sasaran, yang sepatutnya boleh  
tetapi tidak boleh, itu dari sudut pengagihan. Saya dapat di sesetengah dalam kawasan saya  
ada Rumah Mampu Milik Batu Hampar, peruntukannya Dalam Anggaran RM3 juta tambahan  
RM10 juta memanglah kita mengalu-alukan projek dan rancangan seperti itu tetapi rumah  
belum sudah lagi, baru start buat, dah bagi dah borang, ini bukan borang nak dapatkan  
rumah tetapi borang nak masuk UMNO mereka bagi borang dulu sebelum isi borang nak  
dapatkan rumah isi borang jadi Ahli UMNO dulu. Saya ingat Yang Amat Berhormat tahu tentang  
perkara itu atau dia tidak tahu saya tak tahu. Dan inilah satu perkara yang dilakukan sejak  
dahulu sehingga kini yang menyebabkan sasaran tidak dapat maknanya dia layak terima  
rumah itu tetapi tidak dapat dipertimbangkan kerana tidak bersedia untuk menjadi Ahli UMNO.  
Jadi seolah-olahnya rakyat Terengganu ini mestilah jadi Ahli UMNO maknanya orang PAS,  
orang parti lain tak ada harapan. Seolah-olahnya rakyat yang berfahaman politik lain selain  
daripada UMNO tidak membayar cukai, tak bayar hasil tanah, tidak bayar cukai pendicikan dan  
sebagainya. Dan ini dari sudut pengagihan adalah sangat lemah yang menyebabkan sasaran  
tidak sampai dan apa yang dibelanjakan oleh Kerajaan adalah hilang begitu saja, tidak sampai  
kepada sasaran. Kemudian saya harapkan supaya pengagihan ini biarlah sampai kepada

sasaran supaya rakyat Negeri Terengganu dapat menikmati hasil Negeri Terengganu ini walaupun mereka berlainan politik dengan pihak Kerajaan.

Yang keduanya, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tambahan peruntukan ini adalah lebih banyak daripada peruntukan asal, apakah peruntukan asal itu tidak dikaji dengan teliti ataupun berlaku sesuatu di dalam perjalanan projek ini? Yang saya khuatir dan saya bimbang ialah pungutan tol daripada projek ini, ada orang yang dapat kutipan tol daripada projek ini, projek RM10 juta tolnya RM2 juta maka yang RM2 juta itu hilang begitu saja tidak dapat dimanfaatkan di dalam pembinaan rumah yang lebih sempurna. Sebagaimana berlaku kepada stadium, ke kompleks sukan, belanjanya banyak tapi kompleks tidak jadi kompleks jadi runtuh sebab tidak cukup duit nak belanja untuk pembinaannya kerana duit sebahagiannya sudah dibayar tol. Saya ingin memberi pandangan di sini supaya Kerajaan hendaklah betul-betul berhati-hati di dalam perkara ini. Tol ini boleh nampak kadang-kadang, ia boleh nampak dalam kawasan itu orang-orang tertentu itu nampak mewah sangat, dia tidak boleh projek, tendernya boleh ke orang lain tetapi dia banyak duit, takut ada tol dan perkara sebegini boleh dikaji.

Saya takmboh cakap panjang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mengingatkan tol itu berbahaya dan merugikan rakyat dan kualiti rumah yang kita bina adalah rendah. Sekian.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih, Manir. Saya beri peluang lagi. Sila Tepoh.

**YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. *Alhamdulillah hilqaail. Yaa-ayuhallazi na-amamu kutiba-alaikeumussiya. Kamakutiba-alallazi naminqabilikum la-allaqum tattaqun. Assalatuwassala-mu-alarasulillah Sayyidina Muhammad wa-ala alihu wa-ashabihi wamantabi-ahu-wawallah.* Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sidang Pemerhati yang dirahmati Allah S.W.T. sekalian.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberikan ruang juga untuk saya turut berbahas bagi membincangkan tentang Usul yang telahpun dikemukakan oleh Wakil Kerajaan sebentar tadi berkaitan dengan Tambahan Peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Pembangunan Terengganu 2010. Dan juga telahpun disertakan jadual-jadual sebagaimana lampiran-lampiran yang telahpun diberikan kepada setiap rakan-rakan Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam melaksanakan program-program pembangunan di Negeri Terengganu sebenarnya pada saya Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa yang khusus sebagaimana seksyen kecil (3) kepada Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri. Justeru itulah saya kira sebenarnya segala projek-projek yang hendak dilaksanakan yang sekiranya mempunyai kepada keperluan untuk ditambah peruntukan tambahan maka Dewan ini sebagaimana biasa mempunyai bidang kuasa untuk meluluskannya. Dan saya kira apa yang dibawa oleh Kerajaan bagi maksud untuk meluluskan perbelanjaan peruntukan tambahan ini merupakan suatu perkara yang perlu dilakukan bagi maksud untuk tidak menjadikan seluruh projek-projek ataupun program pembangunan Kerajaan terbengkalai sebenarnya. Atas sifat yang demikianlah saya melihat kepada maksud yang telahpun dikemukakan iaitu P.02 dan juga P.19 yang secara keseluruhannya memerlukan kepada tambahan RM157,096,700 sebenarnya. Cuma sebelum itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebelum perbelanjaan ini diluluskan saya melihat ada sedikit perkara yang mungkin perlu untuk dibetulkan di sini, mungkin kepada Jadual (Tajuk) iaitu:

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2010  
Perbelanjaan 2010

	Anggaran Harga Projek (RM)	Dari Kumpulan Wang Negeri (RM)	Yang Diganti (RM)	Pinjaman Pusat (RM)
Anggaran Pembangunan	1,142,180,880.00	1,085,580,880.00		56,600.000.00
Tambahan Pertama				
P.02	127,096,700.00	127,096,700.00		
P.19	30,000,000.00	30,000,000.00		
	<b>1,299,277,580.00</b>	<b>1,302,677,580.00</b>		<b>56,600,000.00</b>

Anggaran Harga Projek RM1,142,180,880.00 dan seterusnya ke bawah (seperti di jadual di atas) saya rasa tidak ada masalah. Tetapi saya merujukkan kepada yang 'Dari Kumpulan Wang Negeri' yang mana sebenarnya Kumpulan Wang yang asal ialah RM1 bilion .... saya nak sebut kadang-kadang tak reti jugak ni, RM1,085,580,880.00 dicampur dengan RM127,096,700.00 dicampur dengan RM30,000,000.00 di situ sebenarnya kepada saya setelah saya hitung tadi keseluruhan jumlahnya bukannya RM1,302,677,580.00, saya tak tahu lah dan saya rasa yang lebih betul ialah RM1,242,677,580.00. Saya ingat perkara ini perlu

dilihat kalau-kalau nanti yang dibimbangkan bila kita luluskan angka yang diambil daripada Kumpulan Wang Negeri dicampur secara keseluruhannya menjadi RM1,302,677,580.00. Saya ingat mungkin Dato' Pegawai Kewangan tengok perkara ini. Walaupun mungkin tidak ada kesan yang lain tapi saya kira angka ini boleh menjadi suatu benda yang agak boleh mengelirukan sebenarnya. Tak tahu lah saya duk kira-kira tadi tidak RM1,302,677,580.00 sebenarnya.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya ingin meneruskan sedikit perbahasan yang pastinya perbahasan untuk berkaitan dengan ini tidaklah saya mengambil masa yang panjang, tidak sepertimana perbahasan dalam soal maknanya pembentangan bajet yang lalu. Begitu juga perbahasan dalam soalan yang berkaitan dengan Titah Perasmian dan seumpamanya. Cuma bila merujuk kepada apa yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan secara keseluruhannya tambahan peruntukan ini diperlukan untuk beberapa projek yang antara lainnya adalah melibatkan soal-soal untuk pembinaan dan menyiapkan masjid/surau itu sendiri serta peruntukan tambahan untuk setiap DUN menjadikan keseluruhannya RM9.6 juta untuk seluruh DUN. Dan begitu juga sebenarnya saya lihat kebanyakannya ialah untuk meneruskan projek-projek membina Rumah Mampu Milik dan jugak Rancangan Rumah Pangsa Mampu Milik itu sendiri. Tapi apa yang saya lihat dalam 15 projek perumahan ini pada saya sebenarnya suatu benda yang cukup baik sebab di negeri kita khususnya Negeri Terengganu kita memerlukan kepada lebih banyak rumah-rumah untuk dimiliki oleh kalangan rakyat negeri sebab itulah langkah Kerajaan Negeri sebenarnya membina Rumah-rumah Mampu Milik kalau dalam senarai ini sebanyak 15 projek dan saya difahamkan ianya lebih banyak daripada ini yang secara keseluruhannya Kerajaan menganggarkan untuk mendapat 10,000 unit lebih rumah-rumah mampu milik ini di seluruh Negeri Terengganu. Sekiranya program ini berjalan dengan baik, saya yakin di antara isu yang besar kepada rakyat Negeri Terengganu termasuk dari kalangan anak-anak muda paling tidaknya pada hari ini mungkin dari kalangan anak-anak muda yang baru berkahwin, yang ada mempunyai anak seorang atau dua orang yang sebenarnya mereka yang seumpama ini kalau nak diberikan Bantuan Rumah PPRT kepada saya bukanlah merupakan suatu cara yang baik. Mereka ini tidak layak untuk mendapat rumah PPRT sebab mereka ini bukanlah miskin tapi mereka ini hanyalah dari kalangan yang baru mula bertatih untuk hidup, mereka baru berkahwin, mereka mungkin baru untuk dapatkan pekerjaan kalau dapat pekerjaan pun, pekerjaan yang agak pendapatannya tidaklah tinggi. Jadi mereka amatlah memerlukan kepada rumah-rumah, justeru itu langkah Kerajaan Negeri sebenarnya kepada saya membina Rumah Mampu Milik seumpama ini adalah merupakan satu langkah yang cukup baik kerana ia telahpun memberikan suatu perkara yang besar kepada rakyat kerana rumah adalah suatu keperluan asasi kepada rakyat khususnya di kalangan anak muda. Sebab itu saya cukup menyokong program Kerajaan Negeri untuk membina lebih

banyak lagi Rumah-rumah Mampu Milik kepada rakyat. Dan kalaularah setiap projek itu memerlukan kepada tambahan peruntukan berdasarkan kepada peruntukan ataupun bajet yang sedia ada, saya kira itu merupakan suatu perkara yang patut untuk kita sokong bersama kerana ia merupakan satu langkah untuk memastikan seluruh rakyat di Negeri Terengganu dari masa ke semasa mempunyai rumah sendiri untuk tempat tinggal kepada mereka. Cuma dalam rancangan yang ada ini, dalam tambahan ini saya tidak nampak sebenarnya kelulusan untuk nak membina rumah di kawasan saya, kalau boleh kita mintaklah sebab kita telah mencadangkan iaitu di kawasan Banggol Tok Jiring, Bukit Berangan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri supaya ia dapat diteruskan projek perumahan ini yang saya kira dalam Laporan Akaun Awam Negeri Terengganu 2009 yang telah dibentang oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri memang ada dinyatakan tentang peruntukan tersebut dan ianya belum lagi berjalan dan kita mintak sebenarnya walaupun ia tidak melibatkan soal peruntukan tambahan tetapi bila berbincang tentang soal Rumah Mesra Rakyat, rumah untuk rakyat maka saya melihat bahawa rakyat di kawasan saya dalam DUN saya jugak memerlukan kepada rumah-rumah seumpama ini. Apalah salahnya cadangan yang telah diberikan lebih awal iaitu Rumah Mesra Rakyat Banggol Tok Jiring, Bukit Berangan yang sekira-kiranya 300 unit itu dapat diluluskan dan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri.

Demikian juga sebenarnya saya melihat kadang-kadang dalam konteks anak-anak FELDA mungkin di sebelah Pembangkang mereka melihat dan mengatakan tentang soal kedudukan FELDA menggunakan isu politik untuk nak mengatakan tentang beberapa perkara yang berlaku dan kelemahan FELDA dan pada masa yang sama cuba untuk merendahkan peranan FELDA itu sendiri yang telahpun meningkatkan kedudukan seluruh rakyat khususnya bumiputra. Saya melihat Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, yang menjadi sedikit masalah kepada FELDA ialah kepada anak-anak peneroka FELDA yang kita sebutkan sebagai generasi kedua ataupun generasi ketiga.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Penjelasan Dato' Yang Dipertua, sekarang ini perbincangan tentang FELDA, boleh ke saya sambung nanti tentang FELDA, turut bincang bersama tentang FELDA, ada dimasuk dalam ini ke ataupun di luar tajuk perbincangan kita? Mintak Yang Dipertua perbetulkan lah.

**YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kekanda saya Ladang dia sebenarnya dia rasa terkilan sebab hak dia berkait FELDA tadi mungkin ditolak. Saya bukan nak bincang soal FELDA tapi saya nak sebutkan rakyat, anak-anak FELDA yang jugak sebenarnya memerlukan kepada rumah. Jadi sebenarnya saya tak nak pergi kepada FELDA yang besar itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, yang sebenarnya saya tidak ada masalah nak bincang soal FELDA ke, FELCRA ke .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kawasan dia ada di Belara.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Cuma saya nak tanya, tajuk mana kita bincang sekarang?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh, boleh, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab dia ada di Belara.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, boleh bahaslah kekgi .... (dengan nada tinggi)....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa, tak apa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia mintak kawasan baru, maksudnya perumahan ini jugak di Belara.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ya, ya. Saya nak sambung sikit Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Dalam keadaan begini mungkin kita buat Rumah Mampu Milik ini kita katakan bahawa dia adalah untuk umum seluruh rakyat tetapi mungkin kepada kita Wakil-wakil Rakyat yang turut terlibat dengan anak-anak peneroka FELDA ini kita rasakan satu benda yang cukup penting. Dan saya kira sebenarnya insyaAllah kalau Kerajaan boleh katakan bahawa kita sanggup untuk membina bagi maksud untuk keperluan anak-anak FELDA insyaAllah saya cuba untuk mencari kepada Kerajaan dan mencadangkan kawasan yang sepatutnya. Kalau dalam kawasan/DUN saya FELDA Belara, FELDA Belara adalah satu-satunya FELDA yang ada dalam bandar raya, di seluruh Malaysia takdok FELDA lain. Jadi saya nak sebutkan bahawa kalau boleh kita cari satu kawasan di sekitar dekat dengan FELDA Belara untuk kita bangunkan Rumah Mampu Milik antara yang

kita beri keutamaannya ialah kepada anak-anak peneroka yang kita katakan sebagai generasi kedua, generasi ketiga ini yang sebenarnya dia adalah rakyat kita yang sama tapi bila jadi begini seolah-olah mereka ini macam terpencil. Apa salahnya Kerajaan Negeri mengambil langkah bagi maksud kita membinanya dan sekiranya dipersetujui begitu mungkin Yang Amat Berhormat Dato' Seri juga bersetuju begitu insyaAllah saya tidak ada halangan kita bincang dengan Pentadbir Tanah untuk kita check kawasan yang sesuai untuk kita bina 200 ke 300 unit, insyaAllah kita boleh selesai dan mungkin di kawasan lainpun demikian juga sebenarnya.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya kira itulah sebenarnya di antara perkara-perkara yang hendak saya sebutkan bagi maksud sedikit bagi membahaskan usul kepada Tambahan Perbelanjaan Pembangunan untuk Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu ini dan mudah-mudahan apa yang kita bincangkan ini sebenarnya bukan untuk tujuan yang lain tapi lebih kepada untuk kita memastikan supaya rakyat kita menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan dan juga pentadbiran negeri kita. Dan tidak sepertimana yang disangka-sangkakan oleh kalangan rakan-rakan kita dari Pembangkang yang sebenarnya lebih kepada sengaja untuk menimbulkan perkara yang boleh mengelirukan Dewan dan juga mengelirukan masyarakat di luar. Dan mudah-mudahan kita sama-sama bersama dengan Ramadhan pada tahun ini dalam keadaan yang lebih baik dan kita menjadi hamba Allah yang lebih berusaha untuk mendekatkan diri kepada Allah di dalam bulan Ramadhan yang akan datang ini. InsyaAllah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sekian, terima kasih. Dan saya turut menyokong usul yang telah dibentangkan ini. Terima kasih. Assalamualaikum.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Tepoh. Saya bagi lagi peluang. Ya, Ladang.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Bismillahir Rahmanir Rahim.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ladang yang terakhir, nanti selepas ini kita gulunglah, ya. Sila Ladang.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan pegawai-pegawai yang dikasih sekalian. Alhamdulillah, bersyukur dapat kita bersama-sama pada pagi ini dan saya memohon untuk mengambil bahagian untuk membahaskan usul ini.

Pertamanya, nak ucap dan merakamkan ucapan tahniah dululah dalam Dewan ini kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri baru, Dato' Seri Menteri Besar. Keduanya, nak ucap tahniah juga ke atas penganugerahan Darjah Kebesaran DPMT yang membawa gelaran Dato' kepada Dato' Osman Muda, PTG. Rasanya takdok dah, dua tu saja dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada, ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Seorang lagi takdok dalam Dewan ini iaitu Pengelola Istana.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Yang Berhormat, nanti sampailah kepada dia tu. Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tahniahlah. Yang keduanya, saya nak ucap simpati, kalau tadi tahniah yang ini simpati pulak kepada Wakil Kuala Berang sebab katanya dia mengeluh sebab pembangunan yang berlaku sekarang ini berbanding Kuala Terengganu dan Kuala Berang seperti langit dan bumi, jauhnya beza. Nak khabor maknanya selama ini perancangan yang dibuat oleh Kerajaan tak betul. Nak khabor begitu mo'oh? Sebab kalau betul sudah tidak berlaku langit dengan bumi. Speaker duduk di Kuala Berang sepatutnya tidak berlaku begitu kalau betul-betul perancangan rapi dibuat sepatutnya tidak berlaku seperti itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia Ladang dengan Bandarpun berbeza. Inikan Kuala Terengganu dengan Kuala Berang, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itupun mengaku jugak lagi, Speakerpun mengaku maknanya masalah dengan perancangan sehingga Kuala Berang ketinggalan jauh. Begitulah lebih kurang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi kita tolong-tolong tengoklah Kuala Berang itu supaya sahabat saya tu tidak mengeluh lagi lah lain kali.

Kemudian saya juga nak merujuk kepada peruntukan yang terlalu banyak yang diminta lebih daripada peruntukan yang asal. Apakah ini menggambarkan ada yang tidak kena dengan perancangan kita. Mengapa tengah berjalan baru diminta, kenapa tidak diminta lebih awal dan membuat perancangan rapi lebih awal supaya tidak berlakunya permohonan tambahan yang begitu banyak. Apakah kerana berlakunya banyak pertukaran pegawai-pegawai ataupun pertukaran SUK ataupun bagaimana? Ataupun kerana Wakil-wakil Rakyat daripada Kerajaan ataupun Exco tidak memberikan cadangan awal supaya tidak berlakunya penambahan yang begitu banyak yang terlalu ketara.

Saya juga ingin bertanya tentang Rezab Kewangan Negeri sekarang ini, banyak mana ada sekarang ini? Dan setakat ini adakah Kerajaan Negeri telah menerima dan berapa banyakkah telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan sama ada dalam bentuk apa sekalipun Dana Khas ke, apa ke, banyak mana dah kita terima dan apakah masih berbaki wang untuk kita belanjakan tahun ini?

Saya juga nak menyatakan, tadi tahniah, simpati, dan yang ketiganya keliru. Saya keliru sikit tentang pembinaan jalan baru, Pembinaan Jalan Dan Jambatan Dari Jeram ke Kampung Tokkong ke Bukit Guntong, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Saya keliru pertamanya, signboard tentang projek ini tidak diletakkan di Kampung Bukit Guntong tapi diletakkan di Kampung Banggol Tuan Muda, pasal apa begitu? Mengapa signboard oleh JKR, saya ada gambarnya di sini, saya melawat ke kawasan ini walau bukan kawasan saya, saya minta maaflah tapi saya pergi tengok. Projek ini ataupun label ini ataupun tak tuluhlah apa disebutnya diletakkan di Banggol Tuan Muda, kenapa? Kemudian saya juga nak merujuk kepada Ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan projek ini, dalam Utusan Malaysia pada 19.6.2010 dan juga rencana dalam Suara Cakna Terengganu Nelang. Saya mohon untuk membacanya sikit: Kuala Terengganu, 18 Jun. Menteri Besar Dato' Ahmad Said berkata pada awalnya Pulau Sekati merupakan laluan asal pembinaan jambatan tersebut namun ia diubah (maknanya telah membuat keputusan) setelah kajian semula dilakukan. Sebelum itu jambatan ini dibina menghubungkan Tanjung Sabtu melalui Banggol Tuan Muda sekarang kita ubah laluan melalui Losong ke Bukit Datu dan terus ke Persimpangan Semarak di Bukit Tunggal. Apakah ini bermaksud bahawa keputusan telah dibuat oleh Kerajaan yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Mohon penjelasan tentang soal itu? Dalam Terengganu Suara Cakna, Khamis – 17 Jun dengan tajuk: Jambatan Baru Losong – Bukit Datu Dibina Tahun Depan. Kerajaan Negeri memutuskan (membuat keputusan) membina jambatan baru dari Losong ke Bukit Datu yang menghala ke Persimpangan Semarak, Bukit Tunggal bermula tahun depan. Menteri Besar, Dato' Ahmad Said berkata laluan itu merupakan alternatif terbaru yang diubah daripada cadangan asal pembinaan jambatan sebelum ini iaitu dari Losong melalui Pulau Sekati dan Tanjung Sabtu melalui Banggol Tuan Muda. Jadi saya

nak mintak penjelasan daripada Kerajaan, daripada Yang Amat Berhormat bagaimana sebenarnya kedudukan projek ini? Dan saya juga diberitahu oleh penduduk kampung di situ projek yang sekarang ini dibuat tanpa pengambilan balik tanah dibuat, yang saya ketahui ada cadangan pengambilan balik tanah untuk di kawasan itu. Dan ada tuan-tuan tanah dan tuan-tuan rumah terasa tergugat kerana alignment katanya melalui rumah mereka, melalui kebun-kebun mereka yang pengambilan balik belum dibuat dan belum diwartakan dan belum dibuat bayaran. Cuma kontraktor pergi pujuk bayar sikit-sikit kepada tuan tanah dan juga kepada tuan rumah dan projek ini adalah projek Dana Khas. Mengapa perkara-perkara begini boleh berlaku semacam *bulldoz* saja, rasa nak buat buat aje tak consult Kerajaan Negeri dulu. Saya mintak supaya Yang Amat Berhormat memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, insyaAllah.

Kemudian saya juga nak menyentuh tentang Pembahagian Atap Biru. Saya diberitahu oleh penduduk-penduduk sebahagian besarnya di Ladang Sahat di depan hospital, dia kata: "Ku, nak atap ambillah," dia kata. Saya kata: "Atap benda?" Dia kata: "Atap Biru." Saya kata: "Sebab apa?" Dia kata: "Sebab atap itu, bangun tidur aje Dato' dah ada bawah rumah, ada di tepi rumah, saya tak mintakpun." Ada banyak, saya boleh sebut nama-nama dan rumah-rumah di mana berlaku itu. Dan Kerajaan juga sudah tahu bahawa kampung di situ akan terlibat dengan pengambilan balik tanah untuk pembangunan akan datang tapi atap masih diberi dan tidakpun dimohon tapi dihantar.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat, takut dia kias kot atap itu sebagai isteri ke, apa ke?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Saya perlu jawab ke soalan tu? Kawan kata tak payahlah.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Takut dia kias Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Boleh jadilah tu, terpulang kepada penafsiran Speakerlah yang ariflah. Tapi memang begitu banyak didapati di tepi rumah, tidak dipakai dan ada yang sudah pecah dan mereka tidak memohon, saya ulang, mereka tidak memohon.

Saya juga nak menyentuh tentang pengambilan balik tanah sedikit. Banyak permohonan dibuat untuk pengambilan balik tanah, kita sedia ketahui bahawa pengambilan balik tanah ini dibuat melalui Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 dan dia ada 3A dan 3C. Apakah wang sebanyak ini diambil juga untuk pengambilan balik melalui 3C maknanya untuk tujuan perniagaan, perdagangan dan sebagainya. Saya nak merujuk contoh pengambilan balik

Kampung Tok Pelam. Apakah wang ini juga wang Kerajaan atau ..... sebab ini dibuat di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, 3C maknanya wang itu mestilah dibayar oleh agensi yang mengambil balik itu bukannya Kerajaan. Jadi saya nak tahu apakah Kerajaan juga terlibat dengan pengambilan tanah di bawah ini dan membayarnya daripada duit Kerajaan.

Saya juga nak menyebut tentang cadangan Pembangunan Semula Bandar Baru Kampung Tiong. Pengambilan di sini telah digazet/diwartakan. Saya difahamkan diserahkan kepada satu syarikat YTL namanya. Boleh kita tahu justifikasi mengapa Kampung Tiong ini diserahkan kepada YTL, saya nak tahu sebabnya, kalau boleh Dewan ini nak mengetahui mengapa diserahkan kepada YTL dan apakah kriteria yang digunakan untuk menyerahkannya kepada YTL dan berapakah kos pengambilan balik untuk tujuan itu?

Baru-baru ini kita dikejutkan oleh berita bahawa FDI (Foreign Direct Investment / Pelaburan Langsung) untuk negara merosot tahun 2008 berbanding dengan 2009, tahun 2009 kita menerima 81% kurang daripada yang tahun sebelumnya itu berlaku di Federal, apakah ini juga berlaku kepada Negeri Terengganu kemerosotan yang begitu ketara? Kalau dulu tahun 2008 investment yang masuk lebih kurang RM23 bilion dan dia merosot pada tahun 2009 cuma RM4 bilion lebih sahaja. Apakah fenomena ini berlaku kepada Negeri Terengganu? Dan kalau boleh kita tahu berapa sebenarnya FDI yang masuk ke Terengganu dengan perbandingan 2008 dan 2009 dan kalau boleh 2010 setakat ini. Mohon jawapan tentang itu.

Kemudian, tadi tentang Rumah Mampu Milik. Yang Amat Berhormat ada menyebut tentang pembinaan yang diserahkan secara langsung (runding terus) kepada semua kontraktor-kontraktor yang telah diberi. Dan kata Yang Amat Berhormat ini tidak bercanggah dengan peraturan, saya bersetuju. Kalau tender juga tidak bercanggah dengan peraturan sebenarnya bukan bercanggah dengan peraturan, dua-dua tidak bercanggah dengan peraturan. Yang Amat Berhormat, Kerajaan boleh guna yang mana suka tapi mana yang lebih baik di mana ketelusan yang lebih telus kalau nak dilihat, rakyat ingin melihat mengapa dipilih kontraktor A, mengapa tidak kontraktor B, atas alasan apa, apakah kita telah membuat kajian bahawa yang B ini lebih mahal daripada A atau tidak efisyen daripada A atau bagaimana? Provision untuk tender-tender itu diberikan dalam peraturan supaya dilihat lebih telus, lebih terbuka dan mampu bersaing antara syarikat-syarikat yang terlibat. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat apakah dasar ini akan diteruskan untuk projek-projek yang lain juga, atas alasan apapun saya fikir tender terbuka adalah lebih baik daripada runding terus. Saya ulangi, atas alasan apa sekalipun tender terbuka adalah lebih baik daripada pemberian secara langsung.

Sedikit tentang Ladang, walaupun Ladang takdok kelapa sawit, takdok getah tak apalah.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Hujunglah Yang Berhormat, sila gulunglah lepas pada ni.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Hujunglah ni. Tentang pembinaan rumah bertingkat di Ladang, tahniah dan terima kasih kerana Kerajaan telah siap membinanya dan telah diduduki dengan bayaran RM300 sebulan sewanya dan yang mahal itu dibayar RM800 sewa sebulan, yang mahal itu kalau nak dijual dengan harga RM300,000 seunit. Saya nak mintak kepastian tentang rumah yang disebut RM300 sewanya tadi, apakah Kerajaan bercadang untuk menyewa dan menjadikan sewa itu sebagai sewa-beli yang akhirnya dapat dibeli ataupun adakah Kerajaan bercadang untuk menjual terus bagi mereka yang ingin membeli unit-unit rumah ataupun rumah bertingkat di Ladang ini? Mohon penjelasan rakyat nak tahu tentang itu. Sebab katanya, alasannya dia kata kalau kita terima wang yang banyak daripada Kerajaan, bayar rumah, bayar tanah, wang itu kalau unit atau rumah dijual kita boleh ambil wang ini dan beli terus, kalau tunggu lama nanti pitihpun habis dokdang nak beli pulak. Ramailah yang bersungut kepada saya berkait dengan perkara ini sebab dia kata kita ni kalau kaya sekejap ini bolehlah beli kalau Kerajaan nak jual tapi Kerajaan takmboh jual katanya. Mintak penjelasan.

Sedikit lagi tentang masjid. Saya nak rujuk kepada Masjid Raja Kampung Bukit Besar walaupun diprotes tapi akhirnya dibina dan pembinaan itu berjalan rancak kemudian berhenti dan sampai sekarang tidak dibuat. Di manakah silapnya, adakah salah kontraktor, salah sub-kontraktor, tak ada duit ke bagaimana? Mohon penjelasan untuk diketahui oleh rakyat saya di Ladang ini.

Tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian, Dato' Yang Dipertua, saya fikir itu saja yang saya nak sebut untuk round pertama, maknanya round pertama itu ada lagilah nak bercakap lepas inilah. Jadi saya mintak izin untuk duduk dulu dan terima kasih kepada Yang Dipertua kerana tidak mengganggu saya kecuali sikit tadi Allahu'alam. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Ladang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita telah memberi peluang kepada 5 orang Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap dalam usul ini. Jadi sekarang saya jemput untuk penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):  
Saya ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lepas inilah Yang Berhormat, kita ada lagi Enakmen, saya beri peluang kepada Yang Berhormat dululah. Silakan pihak Kerajaan untuk menggulung kepada usul yang telah dibuat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan. Masalah ini, Perbekalan Peruntukan Tambahan ini ialah usul, yang Enakmen itu atas tajuk lain pulak tu pasal benda yang diminta itu benda lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, saya mengurus waktu ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):  
Yalah, kalau nak kejarpun nak kerja ke mana, puasa lambat lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah. Saya mintak pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua terus menghadkan penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk membincangkan peruntukan ini, sedangkan peruntukan ini peruntukan yang besar dan melibatkan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya faham Yang Berhormat tapi saya .... mungkin saya dah umum tadi .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):  
.... Kita masih ada waktu yang panjang untuk kita berbahas dan berbincang, banyak benda yang kita nak bincang dalam Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjangpun takkan habis Yang Berhormat sebab itu saya kata tadi keutamaan kita beri kepada perkara-perkara yang ..... Saya rasa Pembangkang kita telah beri 3 orang Yang Berhormat, Wakil Kerajaan 2 orang, itu saya rasa dah lebih dan kita ada tiga lagi Enakmen untuk dibahas, masa kita singkat Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya juga rasa simpati kepada Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Kerajaan!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua! Saya nak menggunakan Peraturan 60 (1) dan (2), Dato' Yang Dipertua boleh merujuk kepada Peraturan bagi motion dengan izin, *"That a Bill be now read a second time," and if seconded, a debate may arise but shall be confined to the principles and merits of the Bill.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak merujuk kepada peraturan ini untuk saya berucap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tidak sebut dalam peraturan itu 'Usul' Yang Berhormat. Untuk usul dimestikan semua berucap, tidak ada.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini bukan usul. Saya mintak merujuk kepada Peraturan 60 (2) untuk saya berucap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, duduk dulu Yang Berhormat beri peluang kepada saya bercakap pulak.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mengurus masa Yang Berhormat Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... Di bawah Peraturan 60(2) untuk saya berucap sebab saya nak bawa ucapan saya dan terus menolak peruntukan tambahan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya menjemput Kerajaan. Pihak Kerajaan, sila. Kalau tidak ada saya teruskan kepada undian. Yang Amat Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya nak menggunakan Peraturan 60(2) boleh ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, sayapun menggunakan peraturan yang sama jugak, mengurus Persidangan Dewan ini ialah Yang Dipertua Dewan dan kita ada masa yang singkat untuk Enakmen yang lebih banyak lagi. Saya rasa dah buat pertimbangan yang cukup tadi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak di bawah peraturan ini supaya peruntukan tambahan ini ditolak dengan menggunakan peraturan 60 (1) atau (2).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila dengar penggulungan dulu Yang Berhormat, yang itu kemudian, selepas pada ini. Saya beri peluang kepada pihak Kerajaan dulu selepas perbahasan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Sila duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apabila penggulungan/jawapan telah diberi kita tak boleh nak itu dah. Soalnya sekarang ini kita diberikan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat telah diberikan peluang untuk bercakap tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu saya tapi kawan-kawan saya masih ada perkara yang dalam keadaan kita nak hadkan masa ni apa benda tujuan ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Yang Berhormat sedang membazirkan masa, saya ingat dah cukup.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah nak gi mana, Yang Dipertua nak gi mana ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca buku Peraturan ni, saya dah buat pertimbangan yang lebih kepada perbahasan dan rasa dah cukup, kemucian perlu penggulungan lepas itu kita teruskan dengan agenda-agenda yang telah kita susun. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak menggunakan Peraturan 60 (2) di mana saya nak buat *amendments to the question permissible shall be one postponing the second reading.* Sebelum daripada *the second reading*, saya nak buat amendmend kepada bajet tambahan dibawa ke dalam Dewan ini sebelum jawapan yang diberikan. Mintak Dato' Yang Dipertua merujuk kepada peraturan ini, dari segi *debate to the Bill*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah rujuk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Cuba baca betul-betul 60 (2), hak yang ada kepada setiap Ahli Yang Berhormat untuk menolak ataupun *postpone the second Bill* dengan izin. Ini hak saya sebagai Ahli Yang Berhormat untuk menolak atau *postpone the second Bill* dan Dato' Yang Dipertua perlu membenarkan saya berucap untuk menolak *Bill* ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bacalah peraturan yang lain.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): 60 (2).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi saya mengurus sidang ini dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak dirujuk 60 (2) sebab *very specific* dengan izin, membenarkan setiap Ahli Yang Berhormat untuk menolak atau *postponing the second Bill*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok duduk sekejap! Duduk, duduk, bagi peluang kepada saya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya nampak ada perkara lain yang dibawa oleh Batu Burok ini, saya tangguh dulu Dewan ini sementara. Kita masuk dalam 5 minit lagi sehingga pukul 12.50 tengah hari. Bentara kita tangguh dulu.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PADA PUKUL 12.45 TENGAH HARI.

DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA PUKUL 12.50 TENGAH HARI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sidang kita diteruskan kembali. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita menerima daripada Batu Burok menggunakan perkara/fasal 60, Peraturan Dewan. Saya mengambil kesempatan untuk menghormati Batu Burok, setelah diteliti fasal 60 ini sebenarnya adalah khusus digunakan untuk perjalanan Rang Undang-Undang (Bills), sekarang ini kita membahaskan Usul, tidak berkaitan dengan perkara 60. Jadi dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Amat Berhormat untuk menggulung dalam Usul ini. Sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kakitangan Kerajaan, para Pemerhati yang dihormati sekalian. Sukacita saya menyatakan bahawa tambahan peruntukan yang diperlukan di bawah P 02 – Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri dan P.19 – Pejabat Tanah dan Galian Terengganu berjumlah RM157,096,700 adalah bagi memenuhi keperluan semasa bagi melaksanakan dan memastikan projek-projek yang dilaksanakan dapat diteruskan dan disiapkan mengikut jadual. Sebagaimana yang disebut oleh sesetengah Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi mengenai Projek Perumahan Rakyat yang sedang dibina sebanyak 18 projek. Pada ketika ini sebagaimana kita sedia maklum bahawa ada setengah projek itu *progress* (kemajuannya) adalah mengatasi jadual yang menyebabkan kita perlu tambahan peruntukan untuk membuat pembayaran. Yang kedua, ada projek yang peringkat awalnya dimasuk sebagai projek token RM10 tapi atas keperluan semasa disegerakan pembinaannya, sebagai contoh Rancangan Rumah Murah Mampu Milik Pekan Ajil dimasukkan dalam senarai asal Anggaran 2010, RM10 tapi dilaksanakan dan memerlukan peruntukan tambahan RM6 juta bila pelaksanaan dilakukan. Yang ketiga, sebagaimana kita sedia maklum projek-projek yang dilaksanakan pada hari ini berasaskan kepada Arahan Perbendaharaan, dulu setiap projek bermula apabila tapak atau *site office* dibina dan *material on site* Dato' Yang Dipertua dengan izin, dihantar dan bayaran 15% hendaklah diberikan kepada kontraktor. Tetapi sekarang dengan arahan terbaru 25% perlu dibayar kepada kontraktor dan ini menyebabkan berlakunya tambahan peruntukan daripada jadual sebenarnya. Di samping itu, kita sepatutnya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana usaha Kerajaan untuk meningkatkan keperluan Rumah Rakyat sehingga kini sejak puluhan tahun yang lalu hanya ada berapa ribu rumah sahaja yang dapat dibina oleh Kerajaan Negeri sejak dulu. Tapi dengan program yang dirancang ini insyaAllah, menjelang tahun 2013 sekurang-kurangnya 10,000 unit Rumah Mampu Milik dan Rumah Kos Rendah Rakyat boleh dilaksanakan. Dan sehingga tahun ini sahaja sebanyak 6,000 lebih telahpun dibina. Ini bermakna rakyat akan menikmati segala peluang untuk mendapat rumah yang selesa dan sebagainya. Kenapakah kita merasa bimbang dengan pertambahan rumah ini sedangkan

ianya atas keperluan rakyat. Di samping itu, sebagaimana yang saya sebutkan tadi ada beberapa cara yang telah kita gunakan dan Yang Berhormat Wakil Ladang sebagai seorang bekas pegawai tinggi Kerajaan yang pernah menjadi PTG (Pengarah Tanah dan Galian) dan juga pernah sebagai Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri sudah tentu tahu prosedur-prosedur dan peraturannya. Dari segi tender terdapat tiga kaedah yang digunakan:

1. Tender Terbuka.
2. Tender Terpilih.
3. Rundingan Terus.

dan ketiga-tiganya ini mempunyai kelebihan dan kekurangannya masing-masing berasaskan kepada rekod pencapaian kontraktor sebenarnya. Sebagai contoh, ada projek-projek yang ditender tapi gagal yang terpaksa ditender beberapa kali dan jelas sebagai contoh hari ini berlaku kepada Lebuh Raya Pantai Timur hampir keseluruhan projek-projek yang ditender itu terpaksa ditender semula. Tapi projek yang melibatkan rundingan terus, MTD dapat dilaksanakan dan insyaAllah akan siap menjelang akhir tahun ini. Begitu juga dengan projek pembinaan Stadium/Kompleks Negeri Terengganu ditender secara terbuka tetapi menimbulkan masalah harga meningkat hampir sekali ganda dan juga berlakunya runtuhnya sedangkan bangunan Wisma Darul Iman ini termasuk Dewan yang mulia ini adalah merupakan projek rundingan terus dan dapat bertahan sehingga hari ini. Jadi sebab itulah saya katakan tadi kaedah-kaedahnya bergantung kepada keperluan dan sebagainya. Apatah lagi kita mengharapkan Projek Perumahan Rakyat ini dapat dilaksanakan dengan segera kita target menjelang tahun 2013 kita dapat menyediakan sekurang-kurangnya 10,000 unit rumah untuk rakyat Terengganu. Dan sekiranya berlaku ketirisan dan kebocoran, saya katakan tadi bahawa ia berlaku secara telus, ia melibatkan pegawai-pegawai rundingan JKR dan semua pihak yang terlibat dan kalau merasakan bahawa ada apa-apa penyelewengan kita persilakan melaporkan kepada pihak yang berwajib supaya dibuat siasatan. Kita tidak perlu melindungi sesiapa dan kita tidak mahu wujudnya syak wasangka di pihak-pihak yang tertentu. Kita harap perkara ini dapat memberikan kesan yang baik kepada rakyat. Begitu juga sebagaimana disebut oleh ADUN Ladang sebentar tadi yang pernah menjadi Pengarah Tanah dan Galian Terengganu seolah-olah merasakan ‘pelik bin ajaib’ bila projek pembinaan Jalan Tanjung Tokkong ke Banggol Tuan Muda, masuk dulu tak bayar dan sebagainya. Ini juga mengikut peraturan dan undang-undang tanah iaitu dengan menggunakan Borang I – Kemasukan Segera, diizinkan dan kemudian barulah perbicaraan dilakukan, ini bukan suatu perkara yang pelik, ini adalah prosedur-prosedur biasa .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Boleh saya mencelah. Berkenaan projek itu telah diberitahu oleh penduduk kampung bila kontraktor masuk diminta borang yang relevan Borang I dan juga borang-borang yang berkenaan, bila start masuk pihak kontraktor tidak dapat bagi, maknanya tidak ada berlaku pengeluaran Borang I untuk projek itu, itulah yang saya diberitahu.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mungkin Yang Berhormat diberitahu oleh orang-orang yang tertentu yang tidak senang dengan projek tersebut dan sebagainya tapi apa yang berlaku ia berjalan sekarang, saya dahpun melawat ke projek itu dan apabila ada sedikit-sedikit yang terkena itu tuan tanah berkenaan bersedia menerima pampasan/ganti rugi daripada pihak kontraktor dan yang lain-lainnya menunggu masa untuk mengadakan perbicaraan dan sebagainya dan proses itu berjalan. Jadi saya haraplah kalau ada se-dua barangkali kes-kes yang terpencil yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Kalau boleh diizin mencelah sikitlah. Nak tanya projek ini telah diambil balik atau tidak tanahnya, telah digazet atau tidak lagi?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, gazet telahpun dilaksanakan dan perbicaraan sedang menunggu masa dan sebahagiannya telah menerima persetujuan tuan tanah untuk menerima pampasan daripada pihak kontraktor. Begitu jugak apa yang disebut tadi, ditunjukkan gambar katanya projek ini di Tanjung Tokkong, Jeram tapi labelnya di Banggol Tuan Muda, dia serupa aje dia bermula dari Tanjung Tokkong dan terbit di Banggol Tuan Muda. Jadi kontraktor dan sebagainya bubuh di depan jalan besar, takdok masalah label tu, dia menggambarkan dan memberi makna yang sama A ke Z, Z ke A, Dato' Yang Dipertua.

Begitu juga saya dapati bahawa sebagaimana disebut tadi projek di Perasing Jaya, katanya

.....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Minta maaf Yang Dipertua. Tak saya yang keliru itu bukan apa, bukan kerana labelnya cuma dikatakan ada alternatif baru jalan tu, itu yang saya tak faham. Itu mungkin boleh dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itu dikatakan tadi dulu projek asal dicadangkan dari Jeram Tokkong sampai ke Banggol Tuan Muda lepas itu merentasi sampai ke Losong dan Pulau Sekati. Tetapi dengan

adanya cadangan baru yang dikemukakan semasa kita bermesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri iaitu cadangan baru melibatkan Losong – Bukit Datu terus ke Semarak, apakah lagi ada rancangan untuk menjadikan kawasan Kuala Nerus ini sebagai satu daerah baru dan kawasan berhampiran stadium itu dijadikan pusat pentadbiran baru dan ini boleh mengundang dan mendekatkan lagi jarak perjalanan antara utara dan selatan di samping diberitahu bahawa kos pembinaannya lebih rendah kerana Jalan Bukit Datu telahpun ada boleh tambah 2 lorong saja lagi menjadikan 4 lorong.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Minta maaflah kena tanya sikit sebab tak berapa faham ni. Saya merujuk kepada ucapan Yang Amat Berhormat: Kerajaan Negeri memutuskan membina jambatan baru dari Losong ke Bukit Datu. Dan katanya lagi, laluan itu merupakan alternatif terbaru yang diubah daripada cadangan asal pembinaan jambatan sebelum ini iaitu dari Losong melalui Pulau Sekati dan Tanjung Sabtu, maknanya cadangan jambatan yang asal itu tak jadi diganti dengan jambatan yang baru?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Begitulah jawapannya. Dan kosnya lebih murah hampir RM50 juta, itulah penjimatan yang berlaku. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu juga dengan persoalan mengenai Perasing Jaya – Jabor tadi, sebagaimana saya sebut projek perumahan baru sahaja bermula tetapi diminta tambahan dan sebagainya. Kita mesti ingat bahawa apa yang berlaku di Terengganu ini projek-projek perumahan hampir keseluruhannya melibatkan kerja-kerja tanah, tidak ada projek ibarat kata orang kita tolak bersih dan terus buat rumah. Jadi bila melibatkan tanah hampir RM5 – 6 juta sesuatu projek digunakan untuk kerja-kerja membuang *unsuitable material* dengan izin Dato' Yang Dipertua, dan masuk tanah baru, ia melibatkan kos. Dan bila projek bermula tapi kos yang melibatkan pembangunan itu telahpun banyak bukan sahaja 25% bayaran pendahuluan setelah *site office* didirikan tetapi menyebabkan kerja-kerja tanah RM5 – 6 juta lagi sebab itu diperlukan tambahan peruntukan yang kita maksudkan dan jadual-jadual yang telah kita sebutkan kepada 18 projek ini. Sebagai contoh lagi termasuk kawasan yang terbaru yang kita buat di Kampung Batin, Seberang Takir. Kawasan terlibat ialah di Paya Nipah, kita terpaksa bersih kawasan itu, masuk tanah dan sebagainya. Dan dalam masa bersih itu kosnya sahaja dah melibatkan RM5 – 6 juta, inilah yang berlaku Dato' Yang Dipertua. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat faham tentang proses perjalanan dan sebagainya. Dan saya nak maklumkan juga bahawa sebagaimana disebut tadi ada projek-projek yang kita laksanakan ini adalah merupakan semua projek demi kepentingan rakyat yang perlu disegerakan.

Saya juga ingin menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tepoh sebentar tadi mengenai Projek Perumahan Rakyat di Baruh Tok Jiring. Sebenarnya kita bersedia untuk melaksanakan projek ini tetapi setelah berlakunya di isu banjir besar-besaran tahun lepas, kita tangguhkan dahulu sehingga kajian selesai dibuat oleh JPS dan usaha untuk membuat seolah-olah sungai baru di kawasan berkenaan kerana bila kita bina rumah murah di kawasan berkenaan, pada peringkat awal mungkin rakyat suka bahawa mereka dapat memiliki Rumah Mampu Milik tetapi bila berlaku banjir besar mereka akan marah kepada Kerajaan buat rumah dalam paya. Sebab itulah kita tangguhkan projek ini terlebih dahulu supaya segala kajian mengenai masalah kawasan tadahan air ini dapat kita atasi dan sistem perparitan sempurna dapat kita laksanakan bukan melibatkan Projek Rumah Mampu Milik di Baruh Tok Jiring ini sahaja tetapi termasuk juga permohonan-permohonan membina rumah dan juga tanah di kawasan ini kita bukukan buat sementara waktu sehingga masalah ini dapat kita atasi. Di samping itu, saya tidak tahu kenapa Pembangkang merasa bimbang dengan projek-projek dan peruntukan yang kita mintak ini, saya kira soal ketirisan tidak timbul, soal kebimbangan rasuah kita tidak bimbang kerana ada agensi yang sepautnya kalau menerima laporan dia buat siasatan tapi saya percaya bahawa kebimbangan ini berasaskan ketakutan Pembangkang kepada pengaruh Barisan Nasional.

**YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):**  
Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat. Isunya bukan dalam konteks yang Yang Amat Berhormat sebut, isunya rasional yang disoal dan ditanya oleh seluruh rakyat Malaysia sekarang. Terengganu tahun 2008, 2009, 2010 ini bajetnya mencéeah RM2 bilion yang tertinggi di Semenanjung Malaysia. Apakah faedahnya kepada rakyat Negeri Terengganu yang rata-rata miskin, rata-rata susah, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Dan Yang Amat Berhormat menyebut bahawa tidak ada ketirisan, ketirisan berlaku di mana-mana, atap biru tiris, kalau saya dibenarkan untuk berucap saya boleh bagi satu persatu, kurma dan air zam-zampun tiris berjuta-juta ringgit, baju sekolah yang nilainya hampir RM8 juta tiris dan berlakunya penyelewengan dalam apa yang diberikan. Kalau lahir ini terus menerus berlaku dengan begitu mudah kita mengambil bajet tambahan, sekarang ini kita mengambil hampir RM150 juta lagi, apa rasionalnya dan kekuatan kita di dalam Dewan yang mulia ini? Kita melaksanakan program-program yang sedemikian ini yang merugikan rakyat Negeri Terengganu dan saya yakin Yang Amat Berhormat, rakyat Negeri Terengganu akan menghukum Yang Amat Berhormat dalam pilihan raya yang akan datang.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya kira kalau dihukum tak apalah, tapi takut diterima itu yang takut sangat tu.

Sebab bila bagi atap rumah orang dapat faedah, bagi pakaian sekolah orang dapat faedah, bagi Dana Remaja orang dapat faedah, bila dapat e-Book rakyat suka. Rakyat tak marah, yang kurang selesanya parti Pembangkang sebab itu timbul macam-macam ketirisan dan sebagainya. Kalau tiris silalah report Yang Berhormat, kenapa bercakap dalam Dewan ini, kita ada BPR dipersilakan. Saya mintak Yang Berhormat bertanggungjawab mana-mana (penyelewengan/ketirisan) projek report kepada BPR biar dia siasat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: SPRM, Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya, SPRM.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Amat Berhormat kita ada Dewan, sekurang-kurangnya di Dewan ini kita berbincang dulu. Saya bagi contoh spesifik kalau saya nak bawa Yang Amat Berhormat kepada *Select Committee*, tahun 2008 Yang Amat Berhormat kata sepanjang Yang Amat Berhormat menjadi Menteri Besar tidak ada satupun kawasan balak yang diluluskan, saya ada bukti Yang Amat Berhormat meluluskan kawasan balak semasa Yang Amat Berhormat menjadi Menteri Besar pada tahun 2008. Dan Yang Amat Berhormat dengan izin, *have deceived* Dewan yang mulia ini, ini berlaku. Kalau saya senaraikan kawasan-kawasan balak yang diberikan kepada kroni Yang Amat Berhormat, saya boleh senaraikan di Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok!

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, 2008 tidak ada, kita keluar bermula 2009. Tadi Yang Berhormat bercakap dalam Dewan soal ketirisan, soal rasuah, soal penyelewengan, Yang Berhormat nak guna Dewan ini untuk tarik perhatian rakyat seolah-olah Yang Berhormatlah yang hebat, Yang Berhormatlah yang pandai, Yang Berhormatlah yang telus tapi nak kemuka di luar Dewan tidak berani. Kalau lauh betul ada ketirisan bertanggungjawab sila laporkan, kita heret mereka yang bersalah ke muka pengadilan. Bercakap berdegar-degar, tahi lekat celah pagar.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ada dokumen tahun 2008 kawasan balak yang diluluskan. Saya ada dokumennya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Boleh kita buat satu ruling untuk bawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Dewan yang mulia ini ke Select Committee, saya ada dokumen.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok! Sila duduk, mintak duduk dulu .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... Bertarikh 12 Oktober 2008.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ..... Hormat Dewan Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat, saya ingat teruskan penggulungan, kita dah lewat. Tadi saya hormat Batu Burok dengan fasal yang diberi, kalau saya salah buat keputusan saya takut saya silap, saya tangguhkan Dewan, masa berjalan tapi perkara yang dibangkitkan itu tidak .... ini. Saya ingat tak usah layan yang tidak perlu Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat teruskan dan kita selesaikan urusan ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di samping itu kita memerlukan tambahan RM30 juta lagi untuk pengambilan balik tanah kerana kita sedar bahawa harga tanah sekarang ini adalah mahal menyebabkan kos yang diperlukan terlalu tinggi dan kita perlu membuat pengambilan balik. Sebagaimana disebut oleh ADUN Ladang sebentar tadi, kita sedar ada 31(A),(B) dan (C) dan bila kita ambil 31(C) kita ada dua, Kerajaanpun boleh mengambil di bawah 31(C) untuk penyusunan semula dan sebagainya. Keduanya, agensi. Dan sebagaimana contoh apabila berlaku di Ladang Tok Pelam yang diambil di bawah 31(C) adalah diambil oleh Lembaga Amanah Tabung Warisan Negeri Terengganu. Jadi semuanya mengikut peraturan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Jadi saya percaya bahawa semuanya ini adalah mengikut peraturan dan soal ini tidak timbul sama sekali berlakunya ketirisan, berlakunya penyelewengan. Ini merupakan bahawa pandangan-pandangan yang negatif dari pihak Pembangkang yang cuba mengelirukan orang ramai dan sebagainya. Sekian sahaja Dato' Yang Dipertua. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar perbahasan serta penggulungan oleh pihak Kerajaan sebentar tadi. Sekarang saya dengan segala hormatnya membuka untuk undian –

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USULINI TERIMA.**

DEWANINI DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.15 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

### **RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Perkara berikut dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Rang Undang-Undang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang berikut:-

#### **ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2010**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Bismillahir Rahmarir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati sekalian. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat, Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2010 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Maksud-Maksud Yang Tertentu Bagi Tahun Itu.**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 2010 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2010.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, jadi saya buka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk perbahasan. Kepada sesiapa yang ingin berucap, saya persilakan. Ya, Batu Burok.

**YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebarang usaha untuk mendapatkan perbelanjaan tambahan yang kita perbincangkan di Dewan pada hari ini adalah perbelanjaan Bekalan Tambahan yang nilainya lebih daripada RM60 juta. Ianya wajar diasaskan kepada amalan urus tadbir baik dan tidak semata-mata kerana kita mampu untuk berbelanja. Tadi telah Dewan ini meluluskan Bajet Tambahan berjumlah RM157 juta dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi menampung perbelanjaan tambahan 2010. Apa yang saya ingin penjelasan di Dewan ini ialah Perbelanjaan Bekalan Tambahan ini adalah suatu yang begitu tinggi dan amat menghairankan, anggaran perbelanjaan ataupun bajet kita bagi 2010 sebagaimana yang ulang kali saya sebut telah mencecah lebih daripada RM2 bilion. Persoalannya apakah ini amalan urus tadbir kewangan yang berhemah dan bijak. Hujah yang selalu diutarakan oleh pihak Kerajaan adalah untuk 'mengupsahkan' ataupun dari segi perbelanjaan tambahan ini kerana keperluan pengurusan dan pembangunan tetapi persoalannya apabila ianya tidak mampan serta tidak cukup untuk melayakkan kita bergelar sebagai pengurus kewangan yang baik maka akan berlaku ketempangan dari sudut pengurusan kewangan di Negeri Terengganu ini sendiri. Contoh yang terbaik Dato' Yang Dipertua, kita perlu sedar bahawa lebih daripada 90% dengan izin, *Revenue Income* Negeri Terengganu ini bergantung kepada sumber minyak dan gas asli serta sumber hasil kayu-kayan yang ada di dalam Negeri Terengganu ini. Tetapi sampai bila ianya boleh kekal dalam suasana keperluan ataupun perbelanjaan yang terlalu boros dan berlebihan ini.

Dalam pembentangan Bajet 2009 dulupun Kerajaan Negeri telah berbelanja lebih daripada RM2 bilion, apakah Bajet 2009 suatu Bajet yang bijak dan bertanggungjawab sedangkan rakyat di Negeri Terengganu tertanya-tanya apa rasionalnya Negeri Terengganu berbelanja dengan perbelanjaan yang tertinggi di Semenanjung sedangkan pulangan GDP/GMP yang ada kepada negara jauh kita tertinggal daripada negeri-negeri yang jauh lebih maju seperti Selangor, Johor, Pulau Pinang dan sebagainya. Persoalan yang timbul di sini Dato' Yang Dipertua kita boleh melihat secara spesifik sebagai contohnya, Bantuan Pakaian Sekolah Dan Alatan, keperluan tambahan RM5 juta. Ini merupakan suatu jumlah yang begitu besar sedangkan pengagihan kepada pakaian sekolah yang ada di Negeri Terengganu ini menimbulkan terlalu banyak persoalan-persoalan. Syarikat yang diberikan tender iaitu Hamie Enterprise mengeluarkan jenama pakaian sekolah yang bernama Ganu Kita tetapi kualitinya, cara pengedarannya dan sampainya kepada golongan yang miskin menimbulkan terlalu banyak persoalan yang berlaku. Sehinggakan telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagaimana pakaian-pakaian dan peralatan sekolah, berlakunya stok yang berlebihan yang disimpan di dalam stor-stor Pejabat Pelajaran Daerah, sebagai contohnya di Hulu Terengganu sehingga akhir tahun ini pakaian sekolah, kasut, baju kurung, kain tudung dan sebagainya berlambak-lambak yang berada di dalam stor Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Terengganu. Ini sebagai suatu contoh yang ada.

Satu lagi yang kalau kita melihat tambahan yang dipinta sebanyak RM25 juta dari sudut tambahan Program E-Book yang berkali-kali saya sebut di Dewan ini dengan izin, *is not a viable project* yang merugikan kita sebagai sebuah Kerajaan untuk membina sebuah kilang dan membahagi-bahagikan kepada rakyat di Negeri Terengganu dalam suasana kita tidak menyediakan prasarana dan persediaan yang cukup. Bukan kita menolak untuk diberikan komputer-komputer laptop kepada anak-anak sekolah, kita tidak menolak itu tetapi bagaimana persediaan-persediaan yang perlu kita lakukan kerana *pioneer project* yang kita lakukan ini tidak ada di negeri-negeri lain malah di negara-negara lain hanya negara-negara yang *develop country* sahaja yang melaksanakan projek-projek yang sedemikian ini. Saya mendapat tahu bahawa Kementerian Pendidikan tidak akan melaksanakan projek ini kerana kosnya yang terlalu tinggi serta ianya melibatkan kepada suatu program latihan khusus kepada guru-guru yang memerlukan jugak kos dan penampungan kos yang begitu tinggi dari segi *short run* tapi dari segi jangka panjang dengan kajian-kajian yang boleh kita lakukan maka ianya mungkin dengan izin, *an applicable programme ataupun project*.

Dato' Yang Dipertua, apa yang boleh kita lihat dalam penambahan peruntukan-peruntukan yang kita bincang dan kita luluskan setakat ini dan jugak Tambahan Peruntukan Bekalan lebih daripada RM63 juta ini, saya ingin bertanya sekali lagi di Dewan yang mulia ini apa relevannya peruntukan sebesar ini kepada Negeri Terengganu dan rakyat Terengganu sedangkan

pulangannya untuk kepentingan rakyat adalah terlalu minimum. Apa bentuk kajian yang telah dibuat bagi kita menjamin dengan izin, *a sustainable budget and spending* bagi Negeri Terengganu ini. Dan sampai bilakah Kerajaan Negeri Terengganu akan terus bergantung kepada *Deficit Budget* di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita melalui satu proses di dalam Dewan yang mulia ini Dato' Yang Dipertua bukan untuk kita *compete*, bukan kita di Dewan ini nak menunjuk kita sebagai hero tetapi suatu tanggungjawab kita sebagai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih oleh rakyat Negeri Terengganu untuk kita menjelaskan satu persatu sebarang bentuk salah urus pentadbiran yang berlaku di bawah Kerajaan dan pentadbiran yang ada. Saya beri contoh yang spesifik, salah urus dari segi pengurusan pemberian tender baju/pakaian sekolah dan alatan yang dipinta tambahan RM5 juta perlu kepada penjelasan kerana dari segi pentadbiran dan urusan tadbirnya adalah amat-amat meragukan. Kalau kita sambung kembali apa yang berlaku dalam pemberian dan kelulusan Bajet Tambahan Tahun 2009 yang lepas, saya sebut di Dewan ini dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat lainpun menyebut di Dewan ini, persoalan yang besar timbul dari segi salah urus tadbir kewangan pembelian air zam-zam dan jugak buah kurma yang jugak menjadi persoalan besar di kalangan rakyat di seluruh Negeri Terengganu. Apatah lagi kalau saya menyebut tentang salah urus tadbir yang lebih besar, pemberian tender-tender projek-projek Perumahan Mampu Milik yang ada di seluruh Negeri Terengganu ini jugak menimbulkan persoalan yang besar. Dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita dapat melihat bagaimana Negeri Terengganu ini pergantungannya, 90% pergantungan bajet ataupun sumber kewangan Negeri Terengganu kita bergantung kepada hasil sumber minyak, gas dan sumber hasil kayu-kayan yang ada dalam Negeri Terengganu. Persoalannya, sampai bila kita boleh mempertahankan ataupun *sustain revenue income* yang ada ini dengan perbelanjaan yang sebegini besar. Kalau kita menyenaraikan sebagai contoh, saya senaraikan dari segi pembahagian kelulusan balak oleh Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat sepanjang 2 tahun ini suatu yang amat-amat mengejutkan, ada orang yang bernama Ustaz Mastura Muhammad mendapat kawasan balak yang boleh kita rujuk kepada kawasan PHNT.Bil.(116) dlm. PHNT.60/SK1 Bhg. 2, ada orang yang di bawah Syarikat Dasar Bahagia, Ahli Lembaga Pengarahnya, Chiah Keng Meng, Lee Chang Fook, Rahimah binti Abdullah, rujukan PHNT.Bil.(129) dlm.PHNT.60/Sk dan banyak lagi senarai-senarai yang ada ini yang boleh saya sebutkan di Dewan yang mulia ini. Persoalan yang ada sekarang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di mana *accountability* yang ada kepada kita dalam pengurusan sumber hasil kekayaan yang ada dengan kita berbelanja sebegini besar tanpa kita melihat kepada masa depan sumber kewangan yang ada di Negeri Terengganu sendiri. Apa yang akan jadi dengan izin, *within the next 10 – 20 tahun* yang akan datang. Kita boleh datang ke Dewan ini untuk memohon peruntukan Perbekalan Tambahan,

Perbelanjaan Bekalan Tambahan setiap kali sidang Dewan diadakan. Dewan ini, tahun ini kita telah meluluskan RM1.888 bilion dengan tambahan pulak lebih daripada RM150 juta. Saya bimbang sekiranya amalan ini diteruskan negeri ini akan terus menerus menanggung suatu bebanan yang begitu berat dari segi jangka panjangnya. Punca yang ada, adalah apabila kita tidak merancang dan mengawal perbelanjaan, berbelanja sesuka hati, amalan boros yang berlaku mesti diberhentikan.

Dato' Yang Dipertua, demi rakyat Terengganu, kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan terus supaya dinilai dan dikaji balik peruntukan Perbelanjaan Bekalan ini khususnya dalam Program E-Book nilainya RM25 juta dan Program Pakaian Sekolah Dan Peralatan nilainya RM5 juta, saya mencadangkan supaya ditarik balik peruntukan ini yang lebih merupakan suatu pembaziran yang besar kepada Negeri Terengganu dan rakyat Terengganu secara keseluruhannya. Dan inilah suatu tanggungjawab yang besar kepada kita semua sebagai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri tanpa mengira parti politik dan fahaman, kita berbesar hati mengambil tanggungjawab yang besar ini. Kepada siapa kita nak bertanya ataupun kepada siapa nak kita pertanggungjawab dalam persoalan yang ada ini sehinggakan perbelanjaan yang begitu besar ini tidak mampu untuk kita menjawab kepada seluruh rakyat Terengganu, malahan rakyat Malaysia seluruhnya bertanya kepada kita, pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai di peringkat Persekutuan bertanya kepada saya dan ramai lagi saya yakin suatu persoalan yang besar, kenapa Negeri Terengganu berbelanja begitu besar, apa pulangannya kepada rakyat Negeri Terengganu ini sedangkan kita berbelanja secara besar dan secara boros.

Dato' Yang Dipertua, perlu kita menyedari akan tuntutan yang ada ini dalam suasana kita berbelanja ini, kita perlu menyedari bahawa kita perlu merenung akan peringatan Allah S.W.T. dalam Suratul Yusuf ayat 46 – 48 yang memberi peringatan keras bahawa akan ada 7 tahun yang makmur tetapi akan disusuli 7 tahun yang gersang. Kebimbangan saya kita akan mewarisi 7 tahun yang gersang anak-anak Terengganu, anak-cucu kita akan mewarisi 7 tahun yang gersang, perbelanjaan yang begitu besar kita dapat melihat bagaimana apa yang kita laksanakan ini akan menjadi suatu persoalan yang akan dibebankan kepada rakyat. Rakyat sekarang ini menanggung bebanan kenaikan harga barang yang begitu berat, mereka hidup dalam keadaan yang begitu tersepit, apatah lagi di Negeri Terengganu sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi adalah suatu yang amat malang. Tahun ini saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sepatutnya kita menjuruskan peruntukan yang lebih besar untuk kita membina kembali generasi muda dan anak-anak muda di Negeri Terengganu ini. Saya melahirkan rasa dukacita saya sebagai anak Terengganu apabila Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Negeri Terengganu, saya kod dengan izin, Sub. Roslan Abdul Wahid menyatakan hasil Mesyuarat Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik seluruh negara yang

diadakan di Bukit Aman pada awal bulan ini mendapati Terengganu mencatatkan angka penagih dadah yang tertinggi di Malaysia dengan 10,000 tangkapan dilakukan tahun lepas diikuti dengan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Dari segi jumlah penduduk Terengganu yang berjumlah 1.2 juta orang ini, nisbah penagih dadah di Negeri Terengganu adalah seorang daripada 100 orang penduduk. Sepatutnya inilah yang perlu kita berikan tumpuan bagaimana kita hendak mengatasi masalah masa depan remaja, anak-anak muda yang ada di negara kita. Apatah lagi kalau kita bercakap soal anak-anak yang berlakunya gejala anak luar nikah yang begitu berleluasa di Negeri Terengganu ini sendiri. Malang Dato' Yang Dipertua, 10 tahun ataupun 5 tahun yang lalu kita jarang mendengar persoalan ini tetapi ini menjadi suatu fenomena penyakit yang perlu kita mencari jalan penyelesaian yang besar. Sepatutnya peruntukan dihalakan bagi kita menyelesaikan gejala yang begitu menggerunkan ibu bapa serta generasi anak-anak Terengganu yang akan datang.

Saya memohon supaya Dewan yang mulia ini sekali lagi menolak peruntukan Perbelanjaan Bekalan Tambahan ini, kita bersama-sama melihat dan menilai kembali keutamaan-keutamaan yang perlu kita berikan, pembangunan insan yang perlu kita berikan keutamaan. Melihat kepada penyelesaian masalah-masalah gejala jenayah serta sosial yang begitu berleluasa di Negeri Terengganu, kita juga perlu memberikan perhatian yang khusus. Dato' Yang Dipertua, saya memohon supaya diberikan perhatian khusus kepada apa yang saya cadangkan ini. Sekian. Wallahuwa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Walaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin berucap. Ya, Jabi. Sila.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Saya menyokong Perbelanjaan Bekalan Tambahan Kali Yang pertama 2010 bagi Kerajaan Negeri Terengganu seperti dalam Lampiran A. Jika menilai, melihat apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Burok tadi, samalah kalau kita ingat nostalgia 10 tahun dahulu masih kita ingat Yang Berhormat Rhu Rendang selalu di pentas-pentas, Yang Berhormat Wakaf Mempelam selalu di pentas-pentas ceramah menyatakan pada masa itu kereta Proton Saga, kilang yang dibina oleh Kerajaan Malaysia yang dibuat ilhamnya oleh Tun

Mahathir Mohamad, pihak Pembangkang telah menyeru rakyat supaya boikot memakai kereta Proton Saga tetapi 10 – 20 tahun ke hadapan sampai sekarang kita tengok rakyat Malaysia menerima Proton Saga bahkan pimpinan PASpun pakai Proton Saga, Proton Perdana, Proton Wira dan sebagainya. Itulah yang berlaku apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. mengenai E-Book, kilang yang dibina di Terengganu .....

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT** (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Jabi sedar ke tidak yang duk kata Proton Saga, Proton Perdana, hak Kerajaan pakai tu dah tukar pulak, tukar ke Mercedez pulak dah, tak pakai dah Perdana-Perdana tu.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI** (Wakil Jabi): Adalah kes-kes terpencil, macam bini kitalah, ada kena sakit stroke, ada kena lumpuh dan sebagainya begitulah sebab itu kita bini dua-tiga tu. ....(Dewan gelak).

Dato' Yang Dipertua Dewan, rakyat Negeri Terengganu menyambut baik apa yang telah dibuat oleh Kerajaan mengenai E-Book ini. Dalam Program E-Book yang telah diberi oleh Kerajaan yang diilhamkan oleh Menteri Besar beberapa tahun yang lepas telah diterima baik cuma ada kelemahan-kelemahan yang tertentu yang boleh dinaiktaraf dan dibaiki kelemahan tersebut. Oleh itu, kita memohon supaya pihak Pembangkang pun menyokong kerana diberi E-Book ini kepada seluruh rakyat tanpa mengira fahaman politik. Dan orang-orang PASpun gembira juga sama seperti orang UMNO menerima E-Book ini. Dan saya kira apabila pelaksanaan E-Book ini secara menyeluruh di peringkat negeri dan hasilnya meningkat maka negeri-negeri lain boleh membeli E-Book daripada kita. Dan pelaburan kita pada masa akan datang pun akan dapat menampung apa yang telah kita laburkan pada masa kini. Oleh itu, marilah sama-sama untuk kita menyatukan pemikiran supaya kita boleh membina generasi masa depan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Dan saya percaya rakyat menunggu daripada pihak Kerajaan tahun-tahun yang akan datang ini pemberiannya secara menyeluruh di peringkat sekolah menengah dan tidak mustahil pada masa hadapan Kerajaan mampu untuk memberi laptop kepada semua pelajar di sekolah menengah kerana perubahan masa dan keadaan pada masa itu. Oleh itu, kita jangan gentar dan takut dengan pandangan-pandangan serong dan perasaan yang syak wasangka itu kerana kita yakin mudah-mudahan Allah S.W.T. akan memberi petunjuk dan rahmat kepada pimpinan kita untuk melaksanakan program-program yang lebih baik pada masa-masa yang akan datang.

Begini juga merujuk kepada B.32 – 42908. Bantuan Am. Kita rasa gembira apabila Kerajaan mencadangkan agar penambahan peruntukan sebanyak RM25 juta untuk memberi bantuan

kepada orang-orang kurang upaya, warga emas dan juga ibu-ibu tunggal yang perlu kepada bantuan. Dan bantuan ini yang dikendalikan oleh pihak Kebajikan Masyarakat setiap daerah melalui DUN-DUN, saya percaya penerimanya hampir 1,000 orang setiap DUN dan tanpa memilih fahaman politik, semua dibagi asalkan cukup syarat dan kriteria yang telah ditetapkan maka mereka juga berpeluang untuk menerima bantuan bulanan kepada tiap-tiap keluarga yang telah disyorkan oleh Yang Berhormat Kawasan masing-masing. Dan tahniah kepada Kerajaan kerana sangat prihatin kepada kebajikan, terutama kepada Exco yang baru Exco Kebajikan, insyaAllah. Saya merasa yakin dan percaya penambahbaikan ini akan dilaksanakan daripada semasa ke semasa. Dan oleh itu janganlah pihak Pembangkang ada syak wasangka kerana usaha nilai murni yang baik ini akan diberi kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu dan rakyat menerima limpah kurnia yang sama rata.

Selain daripada itu, Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah. Kerajaan memperuntukkan bantuan tambahan sebanyak RM5 juta kerana kita yakin bantuan-bantuan ini diberi kepada keluarga-keluarga anak-anak pelajar yang miskin. Dan anak-anak pelajar ini disyorkan oleh guru-guru di peringkat sekolah tanpa melihat kepada fahaman parti politik dan kita yakin bahawa guru di sekolah mengesyorkan yang terbaik yang mana kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pelajaran dan juga pihak sekolah. Maka tidak ada pilih kasih dan rakyat menerima bantuan secara terus daripada Kerajaan. Oleh itu, Program Pendidikan Terengganu Terbilang iaitu Program (PPTT). Inilah program yang telah menaikkan kecemerlangan UPSR kita sehingga 9 tahun berturut-turut kita berjaya menjadi peneraju nombor 1 dalam negara kita. Dan saya kira inilah program yang telah dapat dirasai oleh seluruh rakyat jelata dalam Negeri Terengganu kita. Apa salah kiranya diperuntukkan tambahan seperti ini bagi kepentingan dalam pendidikan. Oleh itu, janganlah Pembangkang melihat secara prasangka, melihat perkara-perkara yang tidak baik kerana Kerajaan berniat untuk menolong dan kita rasa perkara ini perkara yang perlu diberi perhatian utama kerana rakyat memerlukan pendidikan dan kita melihat bahawa Terengganu sudah mencapai tahap pencapaian dari segi UPSR, PMR, SPM dan STPM. Oleh itu, saya yakin dan percaya usaha Kerajaan usaha yang murni, usaha yang baik untuk menaiktarafkan rakyat Negeri Terengganu ini. Cuma kekurangan-kekurangan itu kita sama-sama perbaiki, sama-sama kita memberi pandangan (idea) dan jangan sekali-kali kita prasangka. Dan saya mohon menyokong Enakmen ini. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Jabi. Saya jemput lagi mananya Yang Berhormat untuk berucap. Sila Bukit Tunggal.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang

Dipertua, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pejawai Kerajaan dan semua yang hadir pada petang ini.

Alhamdulillah. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang untuk saya mengambil masa sedikit untuk membahas berkenaan dengan Bekalan Tambahan B.32. Apa yang saya nak rujuk di sini ialah di bawah Maksud Kecil 42908, Aktiviti 300101 – Bantuan Am. Pertama *impression* ataupun penafsiran saya seolah-olah bajet yang dibentangkan 2010 itu *copy-paste* sahaja, tiru bajet yang sebelum itu kerana pada Bajet 2009-pun Kerajaan meletakkan di bawah Bantuan Am inipun RM25 juta, lepas itu belanja-belanja tidak cukup duit, bawa ke Dewan mintak tambah bajet. Perbelanjaan tahun 2009 RM63 juta lebih, jadi bakpelah gi bubuh bajet RM25 juta, tahu doh kita belanja RM63 juta-kan. Dia seolah-olah tidak *responsive* pada perbelanjaan kita dari semasa ke semasa. Itu perkara yang saya nampak jelas. Kelemahan penyediaan Bajet 2010 yang lalu.

Yang kedua, yang saya jadi keliru dan sangat mengelirukan saya dikatakan orang miskin di Terengganu semakin kurang, miskin tegar semakin kurang, jadi bila semakin kurang orang miskin, bantuan Kerajaan semakin kuranglah sepatutnya. Tetapi tiba-tiba Bantuan Am ini ditambah pulak RM25 juta, jadi tak *consistence* antara orang miskin dikatakan kurang, kemiskinan tegar dalam negeri kitapun, tetapi peruntukan ditambah. Ia tak *balance*, ada sesuatu yang tidak kena di sana. Seterusnya dari sudut perbelanjaan pulak, dah kita tahu dah kita lulus RM25 juta, belanjalah ikut bulan, bulan ini RM2?, bulan ini RM2? ke, menjelang akhir tahun habislah RM25 juta, yang kita pergi belanja lebih tu buat apa? Seolah-olah kita tidak jujur dalam buat bajet dan kita tidak jujur dalam berbelanja, kita boros. Kita dah tahu gaji kita berapa ribu, belanja bulanan ikut gaji kitalah. Tiba-tiba tidak sampai setengah tahun pendapatan sudah habis, bawa ke Dewan mintak bajet tambahan. Ataupun persepsi saya yang berikut ini ialah saja dia nak letak dalam bajet itu comel, dapat RM1.881 bilion belanja RM1.881 bilion, walhal Kerajaan dah tahu awal peruntukan ini tidak cukup, nak tunjuk dunia aku hebat buat bajet tetapi bila mari bulan 8 mintak tambah peruntukan, defisit 10% besar tu bukan satu defisit yang kecil, RM200 juta lebih defisit sahaja. Perkara ini sepatutnya menjadi pertimbangan pihak Kerajaan bila buat bajet dan adakah bajet B.32 – Bantuan Am ini nak bahagi air zam-zam pulak, nak bahagi kurma pulak yang banyak timbul kontroversi dan saya kira tak perlu dan rakyatpun tak berkeperluan sangat kurma dengan air zam-zam bulan puasa, mereka boleh beli, tak bagipun rakyat tak merungut tak jatuh prestasi Kerajaanpun. Ataupun tahun ini nak beli unta pulak, buat korban unta? Tak tahu lah itu Menteri Besar punya idea. Ataupun bagi saya termasuk yang Menteri Besar umum nak bagi geran buat kajian ubi gadung bagi membantu kaum wanita, saya tak mahu sebut ayat tu, dalam surat khabar ada sebut dengan terang tapi saya ingat tak payah sebut dalam Dewan. Oleh kerana projek ubi gadung gagal, tak boleh dipasarkan nak bagi RM2

juta satu universiti buat kajian konon-konon, takut-takut boleh buat ubat membesarkan yang, yang ..... itulah. Ataupun di Terengganu ini mempunyai masalah pengecilan ... (dalam gelak) .... sehingga terpaksa kita membuat satu kajian untuk membesarkan benda itu. Saya rasanya perkara ini tidak penting, tidak perlu, kalau inilah perkara-perkara yang kita fikir dalam kepala kita, mintak bajet tambahan untuk perkara-perkara yang remeh bagi saya ini yang rakyat tidak mengharapkan sangatpun cuma kita mengada-ada sebab duit dah banyak, jadi mengada-ada. Banyakpun bukannya banyak sangat, yang hasil negeri RM163 juta aje, hak lain harapkan Kerajaan Pusat 92% lagi, kalau Kerajaan Pusat tidak bagi tak ada duitpun, royalti tak dapat, berunding banyak manapun tak tahuolah, kena kecek sokmo, saya rasa dok boleh sampai sudah dah. Kerajaan Pusat tak ada pitih, Dato' Seri Idris Jala sendiri yang sebut kalau bajet macam ini Kerajaan Pusat 9 tahun lagi 2019 akan bankrup. Defisit setiap tahun, duit semakin berkurangan maka dicadangkan potong subsidi rakyat, dalam masa 5 tahun dia nak potong RM100.3 bilion, setiap tahun RM20 bilion lebih. Kita nak mintak lagi dengan Pusat, Pusat pun tak ada duit, akhirnya naik harga minyak semua orang kena, naik harga gula, naik gas memasak dan sebagainya.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat penjelasan sikit. Bukan naik tu dia penstrukturuan subsidi, tak naik .... tak naik.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Betullah, memang tak naik tapi kita beli mahal aje, itu ajelah. Kita pergi isi minyak, minyak mahal, tak naik harga tapi minyak mahal. Gulapun tak naik harga tapi harganya kena bayar lebih. Inilah Yang Berhormat, rakyat ini selalu di'polek' (tipu) dengan slogan-slogan, kata-kata yang nampaknya indah tapi hakikatnya beban jatuh atas kepala kita semua. Di sini tak nampak di mana Kerajaan nak dapat duit selain daripada pergi mintak sedekah, tadah tangan dengan Kerajaan Pusat, akhirnya menimbun-nimbul hutang kita, Kerajaan pulak tak ada duit dipotongnya subsidi, semua seluruh negara pulak kena bayar dengan harga yang lebih. Sedangkan kita belanja benda-benda yang kurang penting bukan saya kata tidak perlu bagi tapi kurang penting, utama kepada yang pentinglah. Bajet kita RM1.881 bilion pandai-pandai belanjalah dengan sekadar itu, tahun depan buat bajet lain pulak. Ini tiba-tiba di tengah jalan mintak, takut bulan 12 kegii mintak pulak. Jadi inilah sikap Kerajaan yang saya rasa kurang bertanggungjawab dalam urus tadbir kewangan Kerajaan, nampak macam nak bantu rakyat tapi di sebaliknya rakyat akan menerima beban komplikasi daripada tindakan boros kita berbelanja ini. Itu baru saya sebut satu item, RM25 juta yang lulus, RM25 juta mintak tambah 100%, nampak komang benar kita, komang sangat. Jadi oleh itu hati-hatilah buat bajet supaya tidak acap kali mari ke Dewan ini, mari bersidang dua hari kerana nak bajet tambahan saja, apa benda sidang dua hari, bajet

tambahan ni, takdok idea lain ke nak bersidang. Baik buat macam Peraklah senang buat 15 minit.? jam aje senang selesai masalah. Kalau bajet kita betul-betul okey, tak payahlah bajet tambahan, sidang? jam cukup.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Okey Yang Berhormat, bajet masa 2 minit lagi, Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK** (Wakil Bukit Tunggal): Sayapun takmboh cakap banyak doh, cuma mesej saya nak sampainya buat bajet biarlah betul, berhemat, responsive terhadap belanja tahunan kita dan bila lulus banyak itu, cubalah *adjust* belanja sebanyak itu, barulah nampak kita Kerajaan yang hebat, gemilang, terbilang, jangan terbuang sudahlah. Saya rasa itulah mesej yang saya nak sampai supaya kita tidak mari buang masa kita di sini, hanya nak baca, hak ni Usul Tambahan, hak ni Bajet Tambahan, maknanya duit belaka. Akhirnya, Allahuwa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Bukit Tunggal. Saya buka lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas. Ya, sila Ladang.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR** (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam membicarakan soal Perbelanjaan Bekalan Tambahan Pertama ini. Saya pernah bertanya kepada seorang bekas Menteri Kabinet, Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, ketika datang bercakap tentang royalti di Terengganu. Saya tanya beliau: "*What's wrong with Malaysia?*" Apa yang tak kena dengan Malaysia, zaman Pak Lah? Dia jawab: "*Miss manage.*" Tak pandai urus. Salah pengurusan. Pak Lah tak pandai urus negara. Kemudian zaman Datuk Najib, kebetulan datang sekali lagi Tengku Razaleigh Hamzah, saya bertanya sekali lagi: "*What's wrong with Malaysia?*" Apa dok kena dengan Malaysia ini? Dia kata ada krisis keyakinan. *Confident crisis* kepada kepimpinan negara. Jawapan itu menunjukkan bahawa ada tidak kena dengan kepimpinan negara ketika itu. Saya bimbang kalau-kalau di sini juga kalau ditanya: "*What's wrong with Terengganu?*" Apa yang tidak kena dengan Terengganu? Takut-takut nanti ada orang kata salah tadbir, tak pandai urus dan sebagainya. Saya tidak mahu itu berlaku, saya sayang Terengganu dan saya tidaklah mahu ada orang mencerca Terengganu sampai sebegini.

Tadi ada disebut tentang integriti, tentang *transparency*. Yang Amat Berhormat sebut bahawa ada tiga kaedah ditender, Tender Terbuka, Tender Terpilih dan Pemberian Langsung. Yang Amat Berhormat pilih yang nombor 3, Pemberian Langsung. Mengapa yang dipilih yang itu, mengapa tidak dipilih yang dua lagi. Saya bimbang kalau-kalau nanti ada orang kata: "Ya, *legally right yes but morally wrong.*" Dari segi moralnya tidak bagus. *Legally* bagus tapi moralnya tak kena untuk kita bandingkan LPT, stadium yang runtuh dengan Rumah Mampu Milik, saya rasa tak kena, perbandingan itu tidak tepat buat rumah takkan sama dengan stadium, nak banding itu biarlah molek sikit, biarlah betullah perbandingan itu.

Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua dan tuan-tuan sekalian. Bercakap tentang *Electronic Book* (E-Book), saya juga setelah acap kali sebenarnya bercakap tentang E-Book ini dan masih lagi kedengaran penyelewengan penggunaan E-Book. Masih ada sekolah-sekolah yang dia kata cikgu khabor ke anak murid bawa buku ke sekolah senang tak payah pakai E-Booklah, E-Book lambat, E-Book ini tak cukup bateri, habis buang masa. Bila saya sebut begitu dalam sidang lepas ada Pegawai Pelajaran pergi terus ke sekolah khabor ke cikgu pakai semulalah, boleh sambung plug sekolah biarlah lebih sikit peruntukan tapi sebelum pada itu marah nak sambung sebab bil elektrik melambung naik. Bagus jugak respon tu cepat pergi, Pegawai Pendidikan terus pergi ke sekolah, saya boleh sebut sekolah tu sebab saya bangkit di sini sekolah tak bagi sambung plug nak caj E-Book. Itu berlaku dan masih berlaku sebenarnya. Yang kedua, saya nak sebut tentang E-Book ini saya nak tahu dari Kerajaan, di mana Kerajaan menyebut pernah E-Book ini diberi tak tahu secara percuma atau dibeli oleh negara-negara luar yang katanya untuk mengkaji tentang keberkesanan penggunaan E-Book untuk pembelajaran. Saya mohon supaya Kerajaan bentangkan hasilnya dan apakah ada kajian dibuat dan apa respon daripada mereka dan berapa unit telah diorder daripada kita? Tentang E-Book lagi, saya diberitakan oleh kawan, ini mungkin tak betullah dia kata harga E-Book ini di China murah aje, dia kata RM200 aje. Saya kata tak betul tu, dia kata: "Dok, sungguh." Saya kata: "Ya ke?" "Marilah gi ke China", dia kata. Saya kata: "Takdok pitih nak gi, suruh Kerajaan pergilah tengok betul ke tidak." Harganya terlalu murah di sana dan di sini katanya RM900 lebih kurang begitu kosnya. Tolong checklah, bukan nak tuduh tapi nak khabor sungutan orang begitu. Kemudian, tentang E-Book lagi ialah kita sama-sama tengok nantilah apakah dengan Program E-Book ini prestasi pendidikan Negeri Terengganu akan bertambah baik ataupun sebaliknya. Ada yang menyebut kemungkinan akan merosot kerana kelekaan pelajar-pelajar dengan E-Booknya bukan belajar di sekolah tapi duduk main game di rumah dan jugak di sekolah. Takut ada kelekaan begitu sehingga nantinya merosot pembelajaran ataupun nantinya standard kita akan menurun. Minta juga dibuat kajian dan ialah kita doakan supaya ia bertambah baik tapi keimbangan itu tetap ada.

Kemudian tentang tambahan untuk Top IT berkenaan Pembangunan Program TB Kids. Ini tidak dijelaskan program yang sebagaimana, apa yang telah diputuskan oleh Exco pada 28 Oktober 2009, apakah ini program baru ataupun program yang dulu ada RM100,000 aje tapi sekarang ini sampai RM4 juta tambahan. Mengapa begitu terlalu banyak, apakah ini program baru yang difikir-fikir buatlah lepas itu kita mintak pulak kelulusan di Dewan. Jadi kitapun nak tahu sebenarnya apa dia TB Kids sehingga perbelanjaan begitu besar. Saya fikir itulah sahaja yang saya nak sebut untuk kali ini. Yang Dipertua tak payahlah tegur saya, saya berhenti dulu. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sama-sama. Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap?

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura):** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Allah Taala menyebutkan dalam ayat 41, Suratul Anfal (yang bermaksud): "Dan ketahui oleh kamu hanya sa-nya harta Ghanimah yang kamu perolehi daripada sesuatu yang secikit maka bahwasanya bagi Allah satu perlimanya bagi Rasul dan yang empunya kerabat can anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang-orang yang terputus perbelanjaan perjalanan." Yang membawa maksud bahawa dari perbelanjaan harta negara dan negeri ada golongan sasar yang mesti diberikan perhatian. Sebahagian daripada Bekalan Perbelanjaan Tambahan dipohon dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari ini membabitkan Bantuan Am, Program *Electronic Book (E-Book)*, Program Bantuan Pakaian Sekolah Dan Alatan, Program Pendidikan Terengganu Terbilang dan Pengurusan Pembangunan Masyarakat yang berjumlah RM63 juta lebih. Tentulah kita melihat dari perbelanjaan ini ada yang telahpun dibangkitkan dahulu bagaimana perbelanjaan Bantuan Pakaian Sekolah Dan Alatan ini yang bertimbun-timbun tidak diagihkan melibatkan suatu jumlah yang agak besar, tiba-tiba peruntukan Perbekalan Tambahan ini diminta pula dalam jumlah RM5 juta. Oleh itu, saya mintak supaya pihak Kerajaan berhati-hati kerana ini melibatkan perbelanjaan Negeri yang sepatutnya sampai kepada golongan sasar yang disebutkan. Kerana perkara yang sangat penting kalau Kerajaan tidak berhemah dalam perbelanjaan ini sebahagian daripada golongan sasar fakir miskin, anak yatim akan disisihkan kerana berlaku dalam pengagihan borang Dana Wang Ehsan yang sebahagian mengadu walau bagaimana mereka ini sangat miskin dan susah tetapi borang itu tidak mereka dapat. Ini melibatkan mungkin di bawah Bantuan Am, sebab itu saya mintak

supaya Kerajaan benar-benar berhati-hati dalam pengagihan ini. Begitu juga kita lihat bagaimana kadang-kadang program-program penyampaian E-Book, Bantuan Am, Bantuan Peralatan Sekolah dan lain-lain ianya adalah peruntukan Negeri, mengapa kadang-kadang Ketua Bahagian UMNO yang diberi peluang untuk berucap dalam majlis seperti Program Bantuan E-Book di DUN Sura, Ketua Bahagian Dungun yang berucap. Apa kena mengena dengan negeri ini, ini program Kerajaan, peruntukan yang nak mintakpun terpaksa melalui Dewan dan yang malangnya ucapan-ucapannya berbaur politik, diajar kepada kanak-kanak sekolah yang sedih lagi pulak Menteri Besar yang bersama dalam majlis terikut-ikut dengan Ketua Bahagian Dungun pulak, ugut pengundi dalam DUN Sura dalam majlis penyampaian itu. Jadi saya mintak ini program Kerajaan, profesionallah dalam kita menyampaikan ucapan kita menerangkan dasar-dasar pendidikan negeri dan lain-lain, Dasar Pendidikan Negara ini apa yang negeri nak bantu tapi jadi majlis politik. Kadang-kadang jadi Majlis Juara Rakyat menggunakan peruntukan yang dipohon tapi jadi program parti, ini sangat malang. Jadi saya harap diberikan perhatian. Dan jugak malang, soalan yang saya kemukakan ditolak apabila saya tanya soalan apa penglibatan Dewan Perpustakaan Awam Dungun yang saya mintak supaya ada satu majlis oleh kerana satu kolej mintak untuk nak berikan penerangan kepada pelajar-pelajar lulusan SPM dan peluang-peluang pembelajaran yang ada di kolej mereka. Kita berikan persetujuan atas asas untuk sponsor makan tengah hari. Di situlah pihak kolej ini mintak supaya bersama dalam majlis itu dan kalau boleh sampaikan ucapan perasmian. Bila ditolak tak apa, tidak ada masalah tapi nak menyampaikan sumbangan peribadi kepada pelajar-pelajar yang berjaya dalam SPM pun tidak dibenarkan masuk dewan bagaimana akhirnya terpaksa agihkan kepada wakil untuk sampaikan sumbangan. Sampai nak masuk dewan pun tak boleh. Kita bercakap tentang pendidikan cemerlang, pendidikan terbilang tetapi politik begini rupa yang berlaku dalam negeri kita. Sebab itulah saya harapkan supaya diberikan perhatian kepada apapun perbelanjaan yang kita pohon benar-benar sampai kepada golongan sasar kerana golongan sasar ini penting kerana kita libatkan semua peruntukan tambahan ini adalah untuk kepentingan mereka. Kita yang ada dalam Dewan ini golongan minoriti yang dipilih oleh rakyat dan mereka adalah majoriti yang ramai. Sebab itu tanggungjawab kita ialah memberikan teguran kepada Kerajaan supaya pembahagian yang hendak disampaikan ini benar-benar sampai kepada rakyat yang berhak, Bantuan Amnya, Program Electronic E-Booknya, Bantuan Pakaian Sekolah dan alatannya mestilah menerangkan dasar-dasar Kerajaan Negeri dan sampai kepada golongan sasar. Jangan jadikan majlis-majlis tersebut majlis-majlis politik. Kalau daripada Perhimpunan Agung UMNO yang nak luluskan bajet ini tak apa, ini daripada negeri maka hendaklah kita berhati-hati dalam menyampaikan ucapan-ucapan dan begitulah jugak kepada golongan sasar yang menerima peruntukan-peruntukan. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Sura. Ada lagi Yang Berhormat? Ya, Bukit Payong. Sila.

**YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi wakafa salatanwassalamana alaabiyina-mustafa wa-ala alihia wa-ashabihi wamaniqtada. Ammaba'. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, serta Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawa-pegawai Kerajaan yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian.

Dalam kita membincangkan dan membahaskan tentang fasil B 32, Enakmen Perbekalan Tambahan, saya mahu menyebut tiga perkara bagaimana Kerajaan memperuntukkan dengan Perbekalan Tambahan sebanyak RM25 juta. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal meningkat atau menambah sebanyak 100%. Adakah Bantuan Am ini juga telah digunakan dalam membelanjakan program yang dianjurkan pada asalnya pada 16 September yang dikatakan 'Melayu Bangkit' yang kita dapat surat jemputan atas nama Institut Integriti Negeri yang akhirnya diminta oleh pihak Keselamatan agar program ini sama ada dibatal atau ditangguhkan kerana sebab-sebab yang tertentu yang membuatkan ramai di kalangan mereka yang terlibat di dalam membekalkan makan, minum dan seumpamanya terpaksa menanggung kerugian bahkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian dengan membelanjakan peruntukan besar bagi menjayakan program yang saya rasa sepatutnya Kerajaan nilai, sepatutnya Kerajaan mengkaji apakah program itu benar-benar memberi manfaat kepada rakyat. Di waktu yang sama program itu dianjurkan bersama dengan satu pertubuhan haram yang kita dengar namanya Gertak. Saya tidak tahu apa makna Gertak, sama ada nak gertak Melayu, nak gertak Cina ataupun nak gertak siapa sayapun tak tahu. Tapi program itu dijalankan semula pada tarikh tertentu dengan saya belum jelas dan kemungkinan pihak Dewan ataupun pihak Kerajaan boleh menjelaskan apakah program yang kedua itu juga mendapat peruntukan daripada pihak Kerajaan? Sepatutnya program yang kita dapat maklumat dianjur bersama oleh Gertak adalah merupakan satu pertubuhan haram yang tidak mendapat kelulusan daripada pihak Pendaftaran Pertubuhan. Malang sekali dan rakyat nilai bagaimana Kerajaan yang mahu menjaga perpaduan kaum boleh melahirkan isu ini di waktu Melayu sedang bangkit sebenarnya. Melayu sedang hebat di Terengganu sebenarnya, tiba-tiba isu ini diwujudkan di Negeri Terengganu. Oleh kerana suatu persoalan yang sangat tidak boleh diterima apabila Kerajaan bahkan Menteri Besar sendiri hadir dalam program itu yang dianjurkan bersama oleh Gertak yang sebenarnya pertubuhan yang tidak mendapat kelulusan oleh pihak Kerajaan. Ini sepatutnya ini dinilai dan saya mengharapkan agar Bantuan Am yang seterusnya digunakan dengan lebih telus, dipergunakan dengan lebih baik supaya tidak

berulang-ulang program yang seumpama ini dengan menghabiskan duit rakyat yang sebenarnya rakyat boleh menilai apa jawapan sekalipun.

Yang kedua, ialah mengenai Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah. Kemungkinan bantuan ini sudah lama diagih-agihkan kepada pelajar-pelajar yang memang layak ataupun tidak layak, kita tidak pasti tetapi data-data mereka yang layak menerima ataupun penerima-penerima bantuan ini sudah tersenarai pada pihak Kerajaan. Yang menjadi persoalannya ramai di kalangan rakyat mempersoalkan kenapa di bahagian-bahagian tertentu ataupun di kampung-kampung tertentu ada pengagihan dimonopoli oleh JKKK yang membuatkan pihak sekolah rasa nak beri tapi pihak JKKK tidak mahu memberinya pula. Saya pernah menyebut dalam Dewan ini bagaimana Sekolah Rendah Kedai Buloh, beg-beg sekolah masih ada/wujud di sekolah tidak diagihkan dengan baik kepada penerima-penerima kerana pihak sekolah mengatakan JKKK tidak menerima dan tidak mempersetujui untuk diberi kepada pihak-pihak tertentu. Alangkah baiknya dalam pengagihan bantuan ini Kerajaan menaruh keyakinan besar kepada pihak sekolah, kenapakah Guru Besar tidak ada powernya, tidak ada keyakinan, tidak ada kehebatan dalam memilih pelajar-pelajar mereka. Apakah guru-guru tidak kenal anak-anak murid mereka, pelajar-pelajar mereka? Serahkan kepada guru-guru, serahkan kepada pihak sekolah, pihak sekolah boleh memilih dengan adil, dengan baik kerana pihak sekolah adalah pegawai-pegawai Kerajaan yang diterima oleh seluruh rakyat.

Yang ketiga, saya melihat banyak Program E-Book walaupun dalam Dewan ini Yang Berhormat Jabi kata kita akan bagikan kepada seluruh rakyat dengan tidak mengira apa dia partinya. Tetapi ucapan ini di dalam Dewan, di luar kita mendengar aduan bahkan ramai di kalangan rakyat yang mengeluh. Di Sekolah Paya Resak, Menteri Besar yang sendiri turun, Menteri Besar bercakap bahawa sepatutnya kita bahagikan E-Book ini kepada keluarga-keluarga Parti UMNO sahaja. Ini adalah ucapan yang membuatkan kadang-kadang pemimpin-pemimpin Kerajaan berkata sepatutnya rakyat berterima kasih kepada UMNO kerana UMNO yang memberikan E-Book. Sebenarnya semua ini adalah milik rakyat, milik Kerajaan bukan milik UMNO. Milik Kerajaan, Kerajaan yang menerima cukai daripada seluruh rakyat, ambillah ucapan yang baik yang disebut oleh Zurkanain, apabila Zukarnain membina satu tamadun besar, Zukarnain tidak berkata ini kelebihan saya, ini kehebatan saya ‘hazarahmatun minrabbih’, ini adalah rahmat daripada Tuhan, ini adalah kurniaan daripada Allah. Kerajaan hanya bertanggungjawab mengagih, memberikan dan menyampaikan sumbangan. Bahkan kadang-kadang program-program Kerajaan, Perasmian Pasar Gelugor, Perasmian Klinik Desa Gelugor hadir programnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar tetapi bendera Negeri Terengganu tidak wujud yang wujud ialah bendera UMNO. Sikap Satu Terengganu, sikap patriotik terhadap Terengganu seolah-olah hilang kerana terlalu taksub dengan parti-parti tertentu sehingga lupa bahawa itu adalah milik Kerajaan, milik rakyat yang menjadi

tanggungjawab Kerajaan membahagikannya. Ambillah sebagai suatu nasihat yang baik daripada ucapan saya agar kita semua memberikan manfaat yang baik dalam kehidupan ini. Wassalamualaikum warahmatullah.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wassalamualaikum warahmatullah. Ada lagi Yang Berhormat yang ingin berucap? Tidak ada. Saya jemput pihak Kerajaan untuk menggulung. Dipersilakan.

**YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Mulia Dato', pertama sekali saya nak maklumkan tentang Tambahan Peruntukan berkait dengan pembayaran kepada TOP IT sempena Pembangunan Program TB Kids yang telah diputuskan. Sebenarnya dalam Bajet kita pada tahun ini memang ada disentuh dalam Program TB Kids. TB Kids ini bermaksud dengan izin, Terengganu Brilliant Kids iaitu program yang kita laksanakan untuk kelas-kelas tadika yang dijalankan di Tadika Yayasan Islam Terengganu, KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan juga Pra Sekolah Jabatan Pelajaran Terengganu serta tadika yang dikendalikan oleh Badan-badan Bukan Kerajaan atau NGO. Sebenarnya peruntukan untuk melaksanakan TB Kids ini bukan hanya kita bekalkan dari segi program dan program ini sebenarnya dihasilkan oleh anak-anak Negeri Terengganu sendiri dan program ini dibina oleh Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pengawasan TOP IT dan telah kita laksanakan pada tahun lepas (peringkat permulaan) di 66 buah tadika. Dan dalam pembekalan yang kita beri bukan hanya kepada program tetapi juga kepada peralatan komputer yang melibatkan kepada skrin sesentuh. Dan apabila melihat kepada kehebatan program ini dan keberkesanannya program yang kita laksanakan ini maka kita mendapat permohonan untuk dilaksanakan di 963 buah yang melibatkan tadika-tadika yang saya sebut tadi. Dan perbelanjaan dalam Peruntukan Tambahan ini adalah untuk kita nak melaksanakan program ini di 963 buah tadika yang saya maksudkan itu. Jadi saya harap tidak berbangkitlah tentang perkara ini kerana program ini memang telah kita laksanakan sebelum ini.

Berkait dengan Program E-Book ini, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ladang yang menyatakan harga E-Book di China lebih murah. Jadi kalau boleh beri makluman kepada kitalah sebab sayapun agak terkejut sebab tidak pernahpun kita lihat di negara kita dapat dijual

dengan harga semurah RM900 dengan E-Book seperti mana yang ada di Terengganu. Saya difahamkan oleh pembekal-pembekal komputer di Malaysia ini menyatakan bahawa E-Book kita lahir yang paling murah sekali. Jadi E-Book kita dengan harga RM1000 termasuk dengan program-programnya sekali jadi kalau kata hak RM900 hak kosong saja, sayapun tak tahu lah. Tetapi E-Book kita hak RM1000 itu adalah termasuk semua program yang telah kita masukkan dalam komputer ataupun E-Book tersebut.

Berkait dengan yang disebut oleh Y.B. Bukit Payong, katanya ada suara-suara, ini saya rasa tak boleh pakai sangat sebab setakat hari ini saya tidak pernah dengarpun *complaint* daripada mana-mana pelajar yang tak dapat E-Book ini kecuali ada pelajar yang baru saja bertukar ke Terengganu. Malah ada yang keluar daripada Terengganupun dia bawa sekali E-Book itu, kitapun tak sekat dan tak ambil balik. Tetapi ada yang cuma bertukar dalam sebulan-dua ini ada buat permohonan dan insyaAllah kita akan luluskan permohonan tersebut. Dan kalau ada Y.B. Bukit Payong boleh maklumlah kepada saya, kalau ada mana-mana pelajar yang sekolahnya telah bahagi E-Book itu, pelajar yang tidak terima itu tolong bagi tahu. Saya difahamkan bahawa kawasan-kawasan Yang Berhormatnya Pembangkang kita dahulukan, ini saya nampak satu kehebatan yang telah berlaku oleh Kerajaan di bawah pimpinan UMNO dan Barisan Nasional yang telah memberikan kelebihan kepada kawasan-kawasan Pembangkang untuk diedarkan. Dan banyak lagi sebenarnya kawasan-kawasan yang di bawah Yang Berhormat UMNO dan Barisan Nasional kita tak bahagi lagi tetapi setakat ini kawasan-kawasan yang saya sebut tadi semua dah bagi. Jadi harapan kita biarlah Yang Berhormat Pembangkang mengucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri kerana telah memberi keistimewaan dan keutamaan kepada kawasan-kawasan mereka. Dan berkait dengan salah guna dan sebagainya sekarang ini saya rasa sudah tidak timbul lagi. Dan insyaAllah esok ada soalan saya akan jawab soalan esok yang berkait dengan program-program yang sedang dan akan kita laksanakan berkait dengan E-Book. Jadi saya rasa berkait dengan perkara ini insyaAllah kita akan dapat perjelaskan di dalam soalan untuk besok. Jadi saya rasa itu saja. Terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Seberang Takir. Sila Yang Amat Berhormat.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi memberi sedikit penjelasan mengenai apa yang disebutkan oleh beberapa Wakil sebentar tadi iaitu sebagaimana yang didakwa oleh ADUN Batu Burok sebab dikatakan Terengganu tertinggal dan sebagainya berbanding Negeri Selangor, Johor dan negeri-negeri

lain. Sebab itulah saya nak sebut kerana tertinggallah negeri kita ini maka kita memerlukan peruntukan yang besar bagi mengejar negeri-negeri yang jauh majunya daripada kita. Yang Berhormat Batu Burok kata kita in: tertinggal maka oleh kerana tertinggal kita kena tambah speed kitalah. Larian kita mesti kena pantas barulah kita boleh kejar orang, kalau tidak dokrok sokmolah kita ni kohor tertinggal kohor jauh terutamanya masa tahun 2000 - 2004 kohor jauh tertinggal. Macam Yang Berhormat sebut tadilah 7 tahun yang bagus dan 7 tahun tak bagus sebab 5 tahun yang dulu tu tak bagus jadi kita kena tambah speedlah Dato' Yang Dipertua.

Yang kedua, jadi ADUN Batu Burok pulak susah mungkin orang dia tanya barangkali atau orang tertentu tanya. PAS tak perlu jawab, ini dia pulak susah hati dia kena jawab orang tanya. Dia bukan Kerajaan nak jawab bagi pihak Kerajaan, kita ni Kerajaan, kalau dia nak tanya biar dia tanya kita, kita jawablah. Kerajaan bertanggungjawab dan Kerajaan akan menjawab segala persoalan segala persoalan itu kalau berbangkit tak perlu ADUN Batu Burok susah hati, nak jawabpun susah, dia kata. Macam kita mintak dia tolong jawab, dia tebeng-tebeng nak jawab sangat. Hidung tak mancung pipi tensorong-sorong, Dato' Yang Dipertua.

Yang ketiga, kita menyediakan peruntukan tahunan berdasarkan kepada forecast harga minyak, kita tahu. Pendapatan negeri kita adalah bergantung kepada hasil atau pendapatan minyak, 80 – 90 peratus. Dan kita buat Bajet ini saya berbincang bukan setakat dengan kita-kita saja, kita berbincang dengan Tan Sri KSP, kita kata Bajet kita berdasarkan harga minyak USD60 per barrel sedangkan Kerajaan Pusat buat USD70 per barrel. Kita konservatif sebab Kerajaan Pusat dia banyak sumber lain lagi, kita hanya minyak saja sebab itu kita takut kalau kita buat silap perkiraan maka kita akan menghadapi masalah/kesulitan dari segi kewangan kita sebab itu kita buat konservatif USD 60 sedangkan harga minyak sekarang ini di antara USD75 hingga USD80 per barrel. Cuma tinggal lagi Kerajaan Pusat tidak bayar keseluruhannya kalau tidak kita tidak ada masalah. Kita menghadapi lebihan peruntukan sebenarnya sebab kita anggar dia dan kita tahu pendapatan Kerajaan Negeri sendiri daripada hasil balak, cukai tanah dan sebagainya RM300 juta, kalau paling tinggipun RM350 juta sebab itu kita buat Bajet di bawah apa yang sepatutnya kita buat bukan kita buat bahan rambang ikut reka-reka aje begitu. Kitapun belajar jugak, kitapun ada pegawai jugak dan masa zaman PAS pun pegawai yang sama jugak buat ini. Jadi kita fikirlah bukan semudah itu bercakap memang sedap Dato' Yang Dipertua.

Saya nak sentuh sikit berkenaan dengan E-Book. Katanya macam tadilah, memang ada hak RM200, iPod ada hak RM150 di China tapi bawa balik rosak selalu. Jadi kalau kitalah sebagai Wakil Rakyat nak kira hak China apa semua ini jadi payahlah kita, biar gok kita masuk dalam

Dewan ni biar ada kelas sikit bercakap tu. Sebab kita turut sama Kerajaan Negeri melalui TOP IT minta membekalkan sama komputer kita ini kepada Kerajaan Pusat. Orang kata ke Kerajaan Pusat macam-macam tapi sebenarnya Kerajaan Pusat ikut kita, sebenarnya Dato' Yang Dipertua sebagaimana didakwa oleh Wakil Pembangkang. Kita perkenalkan E-Book, sekarang Kerajaan Pusat memperkenalkan Netbook untuk sekolah menengah sebanyak 1 juta unit RM1 bilion untuk dibekalkan ke sekolah menengah, sebenarnya kita mendahului, kita ke sekolah rendah. Apa susahnya kita literasikan dari segi ICT ini kita mendahului daripada negeri-negeri lain, ini kita takut mendahului dari negeri-negeri lain. Jadi kita masih lagi mempunyai sikap konservatif, orang niaga goreng pisang bila nampak laku baru kita nak niaga goreng pisang, nampak orang niaga air tebu laku baru kita nak niaga air tebu, ini tidak boleh, kita mestilah mendahului. Dan apa yang kita lakukan ini terbukti, Kerajaan Pusat ikut lepas itu UMT telah buat kajian, Intel sendiri buat *study case*, tidak ada masalah. Kenapa kita bimbang? Kerana saya rasa PAS bimbang kita beri kepada pengikut dia. Kita namakan proses pendidikan tanpa mengira orang PAS ke, PKR ke, takdok parti ke, kita beri semua. Macam juga masuk universiti, UiTM UMNO buat tak boleh naikan, Kongres Ekonomi Bumiputera asalnya nama RIDA (*Rural Industry Development Authority*) Dato' Yang Dipertua, tukar ke nama MARA. UiTM 172,000 pelajarnya hari ini termasuklah orang PAS hak tentang dan kata ke kita macam-macam masuk universiti itu jugak. Dia bercakap sekular-sekular tapi anak dia masuk ke sekolah itu jugak. Inilah masalah PAS tinggal di bot sokmo ni. Sebab itu saya kata tadi, kita pendemokrasian sebab itu kita beri, takdok masalah. Tapi yang bimbangnya bila 25,000 beri kita pergi syarah pendemokrasian dalam UMNO, Kerajaan bertanggungjawab Pembangkangpun kita beri, dia bimbang takut orang dia terpengaruh ikut kita. Itu yang duk bangkit sangat ni. Kita nak tambah 25,000 lagi untuk pelajar darjah 4, tahun depan 50,000 lagi untuk darjah 3 dan darjah 4, kita akan mula seterusnya dari darjah 3. Guru-gurupun kita beri jugak, kita dah mulakan sebanyak 800 komputer diberi secara percuma oleh TOP IT. Tahun depan kita akan masukkan dalam bajet untuk 3,000 guru-guru darjah 6. Sekarang ini kita dah ada soalan-soalan sedang dibuat, sekarang ini kalau kita beli di pasaran Skor A, tak semua orang mampu beli Skor A. Sekarang ini dengan adanya komputer E-Book ini, kita buat sendiri dengan bantuan guru-guru pakar, guru Akram kita, kita buat soalan. InsyaAllah, akan sampai masanya Terengganu mempunyai Bank Soalan sebanyak 300,000 soalan, kita akan buat T Skor, kita akan buat *examination online* dan kita bercadang untuk buat kelas maya selepas ini bila guru-guru semua dapat TC (Terengganu Computer) masing-masing, tidak ada masalah. Orang lain boleh buat kenapa kita tidak boleh buat, orang lain dah buat sekian lama dah di universiti-universiti dia memperkenalkan *virtual class* (kelas maya). Kita nak buat macam-macam bukan benda yang pelik.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Persoalan yang kita timbulkan ini bukannya masalah dengki ke, PAS ke, UMNO ke, tak timbul persoalan ini Yang Amat Berhormat. Kita perlu rasional di Dewan yang mulia ini. Saya bertanya tadi tentang E-Book dari segi rasionalitinya, viabilitinya, apa keperluan yang ada dalam kita memberi kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, apakah kita telah membuat kajian-kajian yang mendalam dari segi perlaksanaannya. Tidak timbul dari segi kita dengki, kita orang Terengganu, kita rakyat Terengganu, kita mempunyai tanggungjawab yang besar untuk melihat kejayaan Negeri Terengganu. Bila saya timbulkan tadi Yang Amat Berhormat dari segi penagihan dadah di Negeri Terengganu, apa *projection* kita, apa persiapan kita bila Terengganu menjadi negeri yang paling tinggi penagihan dadah. Apa pulak dari segi pembuangan bayi yang berlaku ini, apa persiapan kita?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Okey Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya jelaskan. Cukuplah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Amat Berhormat saya nak tambah satu lagi, satu sahaja lagi. Dari segi kemiskinan di Negeri Terengganu kenapakah keperluan kepada setiap tahun bagi Dana Kemiskinan, Dana Hari Raya lebih daripada 500,000 terpaksa beratur di Negeri Terengganu ini, bermakna mereka orang miskin, rakyat miskin yang mana Negeri Terengganu pimpinan di bawah Yang Amat Berhormat menggunakan danakekayaan Negeri Terengganu ini untuk menjadikan rakyat Negeri Terengganu bergantung kepada subsidi. mentaliti subsidi yang ada di negeri ini adalah amat memalukan .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya sebutkan tadi bahawa E-Book ini, kajian telahpun dibuat dan Kerajaan Pusat hari ini melaksanakan program yang sama dan saya telah menerima maklumat daripada guru-guru, daripada pelajar-pelajar semuanya positif kecuali tak tahulah kalau-kalau ada orang-orang tertentu menyatakan bahawa ianya negatif. Dan mengikut keputusan peperiksaan penggal, kita ada Program Terengganu Anjung Ilmu 20 10 52, kita punya target sekurang-kurangnya yang mengambil peperiksaan UPSR anak Terengganu 20% setahun mendapat 5A. Berasaskan keputusan kita tahun lepas, tahun ini keputusannya 15.3% dan kita ingin tambah 4.7% sahaja lagi. Dan berdasarkan kepada Ujian Penilaian Penggal yang telah dibuat oleh pihak sekolah, kita mencapai tahap 21% hingga 23% yang mendapat 5A. Marilah kita berdoa mudah-

mudahan pencapaian di peringkat peperiksaan penggal ini akan berterusan ke peringkat peperiksaan sebenarnya, Dato' Yang Dipertua. Begitu juga dengan Peperiksaan PMR, kita dah 2 tahun berturut-turut nombor 1, STPM 2 tahun berturut-turut nombor 1, SPM kali pertama nombor 1 bermakna empat peperiksaan Terengganu menduduki nombor 1 di Malaysia. Dan anak-anak Terengganu memasuki universiti tahun ini di IPT-IPT buat ijazah saja seramai 7,600 orang lebih cuba kita bayangkan, dan yang buat diploma 5,000 lebih dan yang dapat asrama penuh 2,300 lebih, ini angka-angkanya, ia adalah satu pencapaian yang begitu hebat sekali. Sebab itulah saya katakan bahawa kita mempunyai program yang begitu rupa dan kita percaya bahawa dengan adanya Program E-Book ini masalah beban yang murid-murid sekolah rendah ke sekolah dengan membawa beg beratnya tidak timbul lagi di Terengganu. Semua orang bercakap tapi perkara ini sudah selesai. Jadi kenapakah inikah yang hendak dijadikan kritikan dan macam-macam seolah-olah tak mahu berilah, membazirlah dan sebagainya. Ianya tidak membazir, tanyalah kepada pelajar-pelajar, tanya guru-guru adakah program ini membazir? 25,000 orang yang mendapat E-Book, semua dapat satu seorang. Ini program Kerajaan, cita-cita Kerajaan bahawa setiap buah rumah hendak ada satu komputer dan sekarang terlaksana di Terengganu malah ada dua komputer kalau dia ada anak kembar, malahan pernah saya jumpa semasa pengagihan E-Book ada yang kembar tiga, jadi tiga buah komputer dalam rumah dia. Dan apa salahnya sebagaimana disebut oleh Wakil Bukit Payong sebut nama UMNO marah jugak, dah nak buat guana orang UMNO yang bahagi jadi disebutlah. Kerajaan BN Kerajaan diterajui oleh UMNO. Dah masa PAS memerintah diapun sebut jugak, PAS, PAS, PAS. Inilah politik, setiap pelaburan dapat pulangan, kalau hulur saja dok pangkah dokrok gok kita. PASpun begitu jugak semasa dia memerintah dulu ada dia beri ke orang UMNO? JKKK dia mampus, dia tutup, dia tubuh JSR, kalau bahagi tanah kepada puak-puak dia belaka, tanah tu kita tukang tambun tapi dia bahagi kepada puak-puak dia belaka, ada dia bahagi ke orang UMNO, dok jugak, itulah politik, bagaimana dan bila dapat kuasa dan bagaimana tambahan kuasa, Dato' Yang Dipertua, orang politik belaka. Sifir politik nak main-main pulak pada hal dia tahu belaka. Diapun kilas gitu jugak ....(Dewan Gelak) .... Allah....! Serupaya aje, mu kata kat aku, aku kata ke mu, politik. Mega kita silatkan siapa cepatlah, kalau kita cepat dia bengkak muka, kalau dia cepat kita pulak bengkak muka, gitu ajelah. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya berharap sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa apa yang kita lakukan ini adalah demi kepentingan rakyat dengan Program E-Booknya, dengan Bantuan Pakaian Sekolah. Program Bantuan Pakaian Sekolah kali ini bukan melibatkan pakaian lagi, kita hentikan memberikan pakaian kerana ada masalah sekarang kita bagi cash. Tambahan ini diperlukan kerana jumlah penerima semakin bertambah setiap tahun, itu yang kita lakukan. Jadi saya berharaplah apa-apa yang kita lakukan ini adalah untuk kepentingan rakyat yang kita utamakan di bawah 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan' Dato' Yang Dipertua. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas teguran-teguran dan saya percaya ada teguran-teguran yang boleh kita terima pakai untuk penambahbaikan untuk pentadbiran Kerajaan. Sekian, wabillahi taufik

walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telahpun mendengar perbahasan dan juga penggulungan oleh pihak Kerajaan, perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam pembentangan Enakmen ini. Sekarang saya buka untuk undian –

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA  
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK  
PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN  
TAHUN 2010 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU  
UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI  
TAHUN ITU.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA  
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK  
PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN  
TAHUN 2010 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU  
UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI  
TAHUN ITU, TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE  
SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA  
PINDAAN DAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Saya mohon Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan -

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA  
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK  
PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN  
TAHUN 2010 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU  
UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI  
TAHUN ITU DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN  
DILULUSKAN.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan 2010**.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita pada hari ini telah sampai ke penghujungnya. Saya tangguhkan dahulu mesyuarat ini sehingga kita berjumpa pada pagi besok, pukul 9.30 pagi dengan marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr.





**PERSIDANGAN  
PADA HARI ISNIN, 9 OGOS 2010**





## **KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>ISNIN, 9 OGOS 2010</b>		
1.	Nama Ahli-ahli.	96
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	100
3.	Rang Undang-Undang	
	(i) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 2010	131
	(ii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No. 4) 2010	134
4.	TANGGUHAN	138
5.	LAMPIRAN [Soalan-Soalan dan Jawapan-Jawapan Bertulis]	139



---

## **PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

### **HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ., DPMT., ASM., PJK.  
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahim bin Mohd Said, DMSM., AMN.  
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.  
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.  
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.  
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.  
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali. AMT., PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Ir. Rosli bin Othman  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.  
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.  
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ., DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

### PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat kita sambung semula di hari yang kedua ini. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah dengan ikhlas sama-sama kita membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. [Al-Fatihah dibaca]. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita mengalu-alukan kehadiran Pemerhati pada pagi ini terutamanya daripada pelajar-pelajar Sekolah IMTIAZ Kuala Terengganu yang bersama-sama memerhatikan Persidangan Dewan pada pagi ini. Mesyuarat pada pagi ini kita teruskan dengan Soalan-soalan Lisan yang telah diberi notis. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama –

*Pada tahun pengajian 2009/2010 berapakah peruntukan pinjaman dan biasiswa yang disediakan oleh Yayasan Terengganu bagi pelajar yang menyambung pelajaran di dalam dan di luar negara. Daripada peruntukan tersebut itu, nyatakan jumlah pelajar-pelajar yang menuntut di dalam dan luar negara khususnya yang berada di Timur Tengah yang masih tidak mendapat tajaan Kerajaan Negeri ini?*

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Manir ialah berkait dengan berapakah peruntukan pinjaman dan biasiswa yang disediakan oleh Yayasan Terengganu bagi pelajar yang menyambung pelajaran di dalam dan di luar negara bagi sesi 2009/2010. Jadi untuk makluman, peruntukan yang disediakan adalah berjumlah RM106 juta. Dan kepada soalan yang kedua, daripada peruntukan tersebut itu, nyatakan jumlah pelajar-pelajar yang menuntut di dalam dan luar negara khususnya yang berada di Timur Tengah yang masih tidak mendapat tajaan

Kerajaan Negeri ini. Perkara ini kita tidak mendapat makluman kerana yang tidak dapat berasrama atau pinjaman memang tidak ada dalam rekod kita. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ada tambahan Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang tidak dapat berasrama dan pinjaman itu tidak ada dalam rekod?

**YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):** Tidak ada dalam rekod sebab ada yang mendapat pinjaman daripada pihak-pihak yang lain, ada yang mendapat daripada MAIDAM dan sebagainya itu kita tidak dapat kesan dan ada yang belajar dengan pembiayaan sendiri. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Saya tanya yang tidak dapat lagi pinjaman daripada Yayasan Terengganu ataupun berasrama Yayasan Terengganu?

**YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):** Jadi yang ini yang saya maklumkan memang yang tidak dapat berasrama Yayasan Terengganu ini memang ramailah sebab ada yang mendapat bantuan daripada pinjaman pihak agensi-agensi lain sebab selain daripada Yayasan Terengganu ada yang mendapat daripada JPA, MARA dan juga persendirian dan ada pihak pelajar-pelajar kita yang belajar di tempat-tempat yang tidak diiktirafkan. Jadi maklumat-maklumat yang ini kita tidak dapatlah sebab pelajar-pelajar itu sendiri tidak beri makluman kepada kita dan ada sesetengah pelajar itupun bila belajarpun tidak beri makluman kepada Kedutaan dan sebagainya. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya ingin mengemukakan soalan yang berhubung dengan kes pelajar-pelajar anak Terengganu yang belajar di Timur Tengah ini ada banyak bidang jurusan, perubatan dan jugak pengajian agama dan sebagainya. Ramai di kalangan yang belajar agama ini oleh kerana bantuan pihak Yayasan agak terlalu terbatas, saya difahamkan dalam 50 orang sahaja yang diberikan, saya tak tahu lah tapi betulkan kalau angka itu silap. Tetapi pelajar ini yang hendak belajar yang pergi ke Timur Tengah ke beberapa negara di Timur Tengah belajar agama dengan perbelanjaan sendiri. adakah pihak Yayasan ataupun Kerajaan Negeri memikirkan untuk selain daripada bantuan MAIDAM yang memang tidak banyak untuk memberikan pinjaman ataupun bantuan kewangan kepada mereka-mereka yang telah mendapat tempat yang sekarang ini sedang menuntut di beberapa tempat di universiti di sana yang diiktiraf, yang tak diiktiraf tu tak tahu lah tapi ini yang diiktiraf di negara-negara di Timur Tengah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam. Walau bagaimanapun, dari segi permohonan ini kita mesti mengikuti syarat-syarat yang telah kita tentukan. Dan untuk pengetahuan, syarat untuk mendapat tajaan sama ada biasiswa ataupun pinjaman Yayasan untuk ke Timur Tengah ini, syaratnya:

1. Mestilah lulus STAM sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid.
2. Jordan, lulus SPM dengan kepujian termasuk Pangkat A dalam Bahasa Arab dan Bahasa Arab Komunikasi dan Pangkat B dalam Al-Quran dan Sunnah dan Syariah Islamiah.

Untuk pengetahuan bahawa bantuan yang kita beri untuk pelajar-pelajar yang belajar dalam bidang agama di Mesir ialah hanyalah sebanyak RM6,000 setahun selama 4 tahun berjumlah RM24,000. Kemudian yang MAIDAM bagi adalah RM5,000 setahun. Kebanyakan pelajar-pelajar yang belajar di Mesir ini kebanyakannya mereka memilih untuk mendapat bantuan MAIDAM sebab MAIDAM beri RM5,000 setahun mereka tidak payah bayar balik tetapi Yayasan Terengganu RM6,000 dia kena bayar balik. Jadi itu yang menyebabkan permohonan kepada Yayasan Terengganu sebenarnya tidak ramai. Untuk tahun ini kita telah meluluskan permohonan untuk ke Mesir seramai 25 orang dan untuk ke Jordan seramai 10 orang dan untuk ke Jordan ini memang kuotanya sudah cukup sebab kita hanya menghantar untuk ke Jordan seramai 10 orang sebab perbelanjaan Jordan ialah RM12,000 setahun. Tetapi kalau dia mendapat bantuan daripada MAIDAM sebanyak RM8,000 setahun selama 4 tahun. Dan kita terpaksa memastikan bahawa untuk meluluskan pelajar-pelajar ini mendapat bantuan untuk pergi ke Mesir dan sebagainya mesti menjalani temu duga dan juga mesti mendapatkan pemarkahan-pemarkahan yang telah kita tentukan kerana ini nak mengelakkan daripada pelajar kita kebanyakannya kita mendapat makluman dan kita melihat daripada pelajar-pelajar kita yang terutama yang belajar di Mesir kerana sistem belajar di Al-Azhar ini nampaknya agak tidak berapa ketat berbanding dengan tempat-tempat yang lain kerana saya difahamkan bila belajar di Mesir ini dia tak berapa kisah sangat tentang kehadiran pelajar-pelajar ke kuliah dan sebagainya. Jadi kerana itu kita melihat ramai pelajar-pelajar kita yang tidak dapat menamatkan pengajian selama 4 tahun, ada yang sesetengah itu sampai 8 tahun, ada yang sesetengah itu sampai 11 tahun dan yang agak terkejutnya kita mendapat makluman ada yang sampai 22 tahunpun tak habis-habis lagi untuk buat peringkat Degree ataupun Ijazah Pertama. Jadi kerana itulah dari segi pihak Yayasan Terengganu hari ini, kita telah mengambil keputusan untuk memastikan pelajar-pelajar yang kita hantar untuk mengikuti pengajian ke Mesir ini mestilah memenuhi ciri-ciri dan memastikan mereka nanti akan belajar betul-betul dan tidak

akan pergi ke Mesir atau pergi ke tempat-tempat yang ditentukan ini untuk membuat ataupun mengadakan agenda-agenda yang lain. Jadi itulah sahaja. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kenapa sedikit sangat bilangan kuota untuk pelajar-pelajar Terengganu ke Jordan?

**YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):** Jadi untuk pengetahuan kepada Wakil Manir kerana hari ini kita melihatkan kepada bahawa keperluan ataupun tempat-tempat pembelajaran universiti-universiti yang ada di dalam negara kitapun begitu banyak. Dan kita melihatkan bahawa pelajar-pelajar ini banyak pilihan dan kerana itu kita merasakan bahawa lebih baik pelajar-pelajar kita ini kita hantar ke peringkat universiti di dalam negara kerana kita juga mendapat perakuan daripada pihak luar yang menyatakan bahawa di universiti di negara kitapun tidak ada kurangnya kehebatan kalau kita nak bandingkan jika dihantar ke luar negara. Di Jordan ini kita banyak memberi tumpuan untuk menghantar pelajar kita di peringkat perubatan kerana kita merasakan bahawa dengan menghantar pelajar-pelajar yang berkait dengan perubatan ini dengan tidak secara langsung pelajar-pelajar kita ini akan dapat kedua-dua. Dari satu seginya kita akan dapat pengetahuan dari segi agama dan satu lagi pengetahuan dari segi perubatan kerana dalam usaha kita nak melahirkan profesional kita yang mempunyai bukan hanya hebat dalam bidang profesional tetapi juga dalam bidang keagamaan kerana itu kita lebih memberi tumpuan nak hantar pelajar kita ke Mesir ataupun ke Jordan dan juga setengah-setengah pelajar kita dihantar ke Morocco kerana di Morocco juga kita mendapat kemudahan sepertimana yang ada di Mesir di mana Yuran Pembelajarannya memang secara percuma dan sekarang ini sedang ada perbincangan di antara pihak Kerajaan Negeri dengan bantuan daripada Kedutaan Malaysia untuk berbincang dengan pihak Morocco untuk kita mendapatkan kuota yang lebih untuk kita hantar pelajar kita ke Morocco kerana kita melihat sistem pembelajaran di Morocco adalah lebih hebat. Sistem Pembelajaran di Morocco kita dapat jika pelajar tidak menghadiri kuliah maka pelajar itu tidak dapat masuk peperiksaan sepertimana yang diamalkan di negara kita. Dan selain daripada itu, kita juga sekarang ini sedang berbincang dengan Kerajaan Arab Saudi kerana baru-baru ini ada satu rombongan daripada Arab Saudi yang telah memberi tawaran kepada pelajar-pelajar di negeri kita untuk mengikuti pembelajaran di Universiti Arab Saudi secara percuma dan sekarang ini kita sedang melihat untuk mengenalpasti universiti-universiti yang ditawarkan itu dari segi mendapat pengiktirafan atau tidak. Jadi insyaAllah, kalau mendapat pengiktirafan maka kita akan menghantar pelajar kita tahun depan dengan lebih ramai ke universiti-universiti yang saya sebut sama ada di Morocco ataupun di Arab Saudi. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Setakat ini berapa orangkah pelajar-pelajar di Terengganu yang belajar di bidang perubatan di Jordan yang ditanggung oleh Yayasan Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Manir. Jadi untuk pengetahuan di Jordan jumlah pelajar kita yang mengikuti course ataupun dari segi perubatan di Jordan di bawah tajaan kita, setakat ini saya belum mendapat maklumat lagi. Saya perlukan notis nanti saya akan beritahu semula sebab kalau di Jordan dalam Pengajian Islam setakat ini ada 30 orang, di Mesir di Universiti Al-Azhar dalam Pengajian Islam kita sudah ada 65 orang pelajar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, dia nak tahu yang perubatan aje. Saya harap Yang Berhormat boleh hantar maklumat secara rasmi kepada Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya nombor 2 -

*"1 Kampung 1 Koperasi" tema Hari Koperasi Peringkat Negeri Terengganu 2010 baru-baru ini. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjayakannya?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan nombor 2.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Kita *round* pertama Yang Berhormat, nak pilih soalan ke-2 dulu? Okey, baik, baik. Sila Yang Berhormat, rekod saya soalan yang pertama tidak ditolak. Ya, silakan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai):** Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, soalan yang dibangkitkan ialah soalan yang berkaitan dengan koperasi, "1 Kampung 1 Koperasi".

Kerajaan Negeri memang telah membuat perancangan untuk melaksanakan Program "1 Kampung 1 Koperasi" ini di bawah halatuju Koperasi Negeri Terengganu. Untuk itu kita sudah lancar Program "1 Kampung 1 Koperasi" baru-baru ini dan kita telah mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat dan setakat ini kita telah menubuhkan 19 buah semua sekali koperasi ini dan kita telah mensasarkan untuk tahun ini 20 buah semua sekali dan setakat ini 20 buah telah dapat ditubuhkan dan daripada itu, 3 buah telah mengadakan mesyuarat dan telah ada projek untuk Program "1 Kampung 1 Koperasi" ini dan untuk makluman juga sebagai insentif kepada program ini, Kerajaan juga telah pada Mesyuarat Exco yang lepas bersetuju untuk memberi sumbangan kewangan kepada setiap koperasi kampung yang telah berjaya ditubuhkan ini sebanyak RM10,000 satu koperasi apabila koperasi tersebut mempunyai projek untuk dilaksanakan. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Dato' Yang Dipertua Dewan, kalau dilihat kepada suntikan modal kepada koperasi-koperasi yang dicadangkan "1 Kampung 1 Koperasi" amatlah baik dengan RM10,000. Apakah Kerajaan mempunyai langkah-langkah yang tertentu untuk memastikan gerak kerja ini dapat dilaksanakan di setiap kampung yang mana ada JKKK. Jadi saya pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan perancangan yang telah ataupun yang baru untuk dilaksanakan untuk menjayakannya ini. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai latar belakang di bawah halatuju kita ini jugak kita telah mensasarkan untuk penubuhan sebanyak 600 buah koperasi semua sekali. Di antaranya koperasi yang saya sebut adalah Koperasi "1 Kampung 1 Koperasi" ialah satu daripada cara kita untuk meningkat kepada jumlah ini dan sepertimana yang disebut atau yang ditanya tadi ialah untuk memastikan koperasi ini berjaya kita memang menggunakan platform JKKK untuk mewujudkan koperasi ini. Dan untuk pastikan kejayaannya bukan sahaja sumbangan kewangan datang daripada Kerajaan Negeri tetapi seperti biasa jugak ada pinjaman yang disalurkan daripada SKM di peringkat Pusat. Dan bagi menguatkan lagi proses *monitoring*

dengan izin, kita telah wujudkan satu cawangan di bawah YPU iaitu satu Cawangan Koperasi khusus dengan tujuan untuk mengawasi dan menyelia koperasi-koperasi yang ditubuh di bawah program ini. SKM telah berbesar hati untuk meminjamkan 3 orang pegawai mereka dan diletak di bawah YPU. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan sekiranya ada contoh-contoh koperasi daripada kampung yang boleh ditonjolkan untuk menjadi contoh kepada kampung-kampung lain bagi melaksanakan Program "1 Kampung 1 Koperasi" ini, saya rasa lebih baik dijadikan model kepada seluruh kampung dalam negeri kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Dipertua, seperti yang saya sebut tadi ada 19 buah yang telah ditubuhkan dan baru-baru ini 3 buah telah dianugerahkan sebagai Koperasi Cemerlang di bawah program ini iaitu:

- (i) Koperasi Warga Bukit Perah Terengganu Berhad.
- (ii) Koperasi Kampung Gong Penaga Kuala Terengganu Berhad.
- (iii) Koperasi Homestay Teluk Ketapang Terengganu Berhad.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah konsep Koperasi Kampung ini. Apakah dari segi operasinya dari segi Koperasi Kredit ataupun yang melibatkan urusan-urusan lain? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, koperasi ini kita terbuka, mereka boleh memikirkan apa sahaja program yang mereka fikir atau projek yang mereka fikir boleh ataupun layak yang dapat memberi keuntungan ataupun manfaat kepada ahli dia. Jadi kalau kampung itu belum mempunyai ataupun tidak ada lagi kedai runcit misalnya, mereka boleh wujudkan sebuah kedai runcit yang mana mereka perlu menjadi ahli dan barangan itu boleh dibeli dan mereka dapat diskau ataupun mereka dapat dividen balik, ini satu contoh. Dan kalau koperasi itu Koperasi Ladang Sawit ke, koperasi perkampungan itu boleh buat untuk beli baja dan sebagainyalah.

Jadi ini adalah contoh-contoh yang saya rasa boleh membantu masyarakat kampung tersebut dan secara tak langsungnya boleh meningkatkan lagi pendapatan tambahan kepada penduduk-penduduk kampung tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, cuma harapan saya biarlah ada juga Koperasi UMNO dengan PAS dalam kampung. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Jabi. Saya jemput Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina satu Institut Jantung Negeri di Kijal, Kemaman dan adakah kajian telah dibuat berkaitan dengan cadangan tersebut?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, para Pemerhati sekalian. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk mempunyai Institut Jantung Negeri sendiri yang boleh bukan sahaja untuk Negeri Terengganu tapi untuk keseluruhan Pantai Timur ini. Dan untuk itu satu rundingan telah diadakan dengan Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan sebahagian dana untuk membeli peralatan, mesin-mesin dan sebagainya yang disediakan oleh Kerajaan Pusat yang berbentuk pelancongan untuk kesihatan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Oleh kerana terdapat satu budaya hanya memberi penekanan dari segi komersil sedangkan perubatan adalah sebahagian daripada khidmat masyarakat yang tidak boleh diabaikan. Adakah dimasuk sama dalam kajian itu sumbangan-sumbangan yang perlu diberi kepada mereka yang tidak mempunyai kemampuan sama ada berdasarkan konsep zakat daripada perniagaan ataupun daripada saluran-saluran yang lain?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan bersedia menerima apa juga sumbangan daripada rakyat, orang ramai untuk mempastikan ianya merealisasikan hasrat untuk melihat kesejahteraan rakyat Terengganu terjamin. Oleh sebab itu kita mempunyai konsep sebagaimana juga IJN yang mana bagi mereka yang benar-benar berkemampuan tidak perlulah diberi subsidi tapi kalau mereka itu agak kurang berkemampuan kita ada *percentagenya* daripada 25 peratus dibayar, 50 – 50 dan seterusnya bagi yang mereka benar-benar tidak berkemampuan sehingga mereka dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Sebagaimana konsep IJN hari ini Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan ratusan juta setahun. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ya, Manir dulu. Sila Manir.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Hasrat Kerajaan untuk mengadakan Institut Jantung adalah dialu-alukan tapi setakat ini sebelum diadakan, berapa orangkah Doktor-doktor Pakar yang ada dalam simpanan Kerajaan Negeri?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, beberapa orang Doktor Pakar dari Terengganu yang sekarang ini berkhidmat di luar Terengganu termasuklah salah seorangnya yang terkenal di Malaysia, saya tidak perlu sebutkan nama beliau dalam Dewan yang mulia ini di mana beliau bersedia untuk pulang berkhidmat di Terengganu dan sekarang inipun kita mempunyai sebuah Klinik Pakar di Kuala Lumpur yang mana salah seorang doktor itu yang akan berkhidmat dengan kita adalah merupakan Doktor Pakar Jantung pertama di negara ini yang melakukan pembedahan jantung tanpa membedah dada tapi hanya membedah iaitu di bahagian rib (tulang rusuk). Dan beliau merupakan satu-satunya doktor di negara kita yang melakukan pembedahan jantung tanpa mematiikan jantung ketika jantung masih berdenyut beliau boleh menjahit jantungnya. Beliau adalah bakal menjadi *Managing Director* kepada hospital ini nanti. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Maknanya tidak ada simpanan lagi Yang Amat Berhormat?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, saya tanya berapa orang?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Manir nak tahu berapa orang dalam simpanan negeri?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Dato' Yang Dipertua, dia tak boleh simpan, doktor ni kalau simpan dia tak buat kerja, dia tidak boleh dia kalau boleh tiap-tiap hari dia nak jahit orang, nak bedah orang. Jadi kita dah ada di IJN ada, di hospital pakar lain ada, tapi saya takmboh sebut namalah, dia anak Terengganu jati yang bersedia untuk pulang dan berkhidmat di sini dan ramai juga Jururawat yang hendak pulang ke Terengganu tetapi tidak ada tempat. Di samping itu untuk masa depan sebagaimana yang sebut inilah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghantar 150 orang anak Terengganu mengikuti Kursus Perubatan (Doktor) di luar negara dan mereka inilah nanti yang akan menjadi pakar-pakar dan yang terbaik akan dipilih untuk berkhidmat di hospital kita ini. InsyaAllah Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ya, Wakaf Mempelam, ada soalan tambahan?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nak tanya pihak Kerajaan kerana sesuatu perkara ini perlu membuat kajian, antaranya *market survey* tentang keperluan mewujudkannya dan dari segi nak beri khidmat itu kita alu-alukanlah. Sejauh mana *suvery* yang telah dibuat dan sebagai contoh saya ambil Hospital Pakar Kuala Terengganu ni kadang-kadangpun tak cukup Pakar. Ada kes-kes tertentu bila pergi ke situ dia kata pergi rujuk hospital tu, rujuk ke hospital lain, jadi inilah benda-benda orang boleh katalah, nama Hospital Pakar. Jadi sejauh mana *market survey* yang telah dilakukan selain daripada bilangan Doktor-doktor Pakar yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Manir tadi? Terima kasih.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kajian telah dibuat oleh I-Hill sebuah syarikat kita yang kini untuk pengetahuan Dewan yang mulia, Kerajaan Negeri Terengganu mempunyai 60% kepentingan di sebuah Klinik Pakar di Kuala Lumpur yang sedang memberi perkhidmatan di Mid Valley Mega Mall di sana. Dan Pakar insyaAllah ada, sebagaimana disebut contoh oleh Wakil Wakaf Mempelam tadi Hospital Kerajaan memang tidak cukup Pakar kerana gaji agak berlainan sebab itu ramai yang tidak hendak berkhidmat di Hospital Kerajaan. Bila dah hebat ni mereka terpaksa keluar ke hospital swasta kerana tawaran gaji di hospital swasta lebih lumayan apatah lagi dengan ada konsep keterbukaan Kerajaan Negeri kita ini, Pakar-pakar ini boleh menjalankan khidmat mereka di luar waktu pejabat atau semasa mereka bercuti di hospital-hospital swasta dan mereka boleh pilih mana-mana hospital yang mereka ingin berkhidmat. Sebagai contoh hari ini Doktor Pakar sekalipun dari Hospital A Pakar A, pesakit boleh pilih Pakar mana yang kita nak

pakai daripada hospital mana dan kita boleh pilih Dewan Bedah di hospital mana yang kita nak gunakan. Pesakit boleh menentukan Doktor Pakar yang hendak dipilih dan juga Pusat Rawatan yang dipilih. Ini berasaskan kepada kepercayaan pesakit kepada Pakar dan juga kemudahan rawatan yang ada di Hospital Pakar yang berkenaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan Dato' Yang Dipertua. Saya nak tambahlah tak payah beri penjelasan, kenapa dipilih tempat itu di Kijal? .... (Dewan Gelak) ..... Maaf, maaf, sebab kalau dikira sempadan negeri di Kuantan ada dah Hospital Pakar, di Kota Bharu ada. Kalau buat di Besut maknanya orang Besut boleh pergi ke Kota Bharu, sekarang ini di Kemaman mereka boleh pergi ke Kuantan dekat. Kenapa dipilih di Kijal tu, orang Besut nak pergi jauh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua. Orang Besut, orang Kota Bharu pergi ke Kuala Lumpur, jauh lagi kalau nak kira jauh. Dulu masa kita khidmat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Gini Dato' Yang Dipertua, penjelasan .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti, nantilah saya nak beri ni .... Sabar, sabarlah saya nak jawab ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok aci kelentong. ....(Dewan Gelak) ....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nantilah dulu. Bukan soal kelentong atau tidak Yang Dipertua, saya nak maklumkan bahawa di Kijal itu kebetulan ada sebuah resort yang bernama Strawberry Park yang hendak dijual. Bangunan telah sedia ada di mana dulu dia nak jual dengan harga RM65 juta dan akhirnya kita boleh beli dengan harga RM27 juta dan sekarang kita menerima *offer* daripada satu syarikat daripada Australia nak beli balik dengan kita dengan harga RM45 juta, itu satu perkara. Yang kedua, resort itu berada di tepi pantai dan juga dekat tasik yang amat sesuai dengan konsep *Health Tourism* iaitu Pelancongan Kesihatan yang mana bukan sahaja pesakit-pesakit yang datang merawat pembedahan jantung di tempat kita tapi kita akan ada hubungan dengan Hospital-hospital Pakar di seluruh negara yang mana contohnya mereka menjalani pembedahan dengan *Specialist* di satu hospital lepas itu rawatan susulan untuk mereka berehat dia boleh datang kat kita dengan keadaan persekitaran begitu rupa. Itu yang kita pilih tu, kalau tidak nak buat yang baru apa semua lambat, benda dah ada, bukan kerana saya orang Kijal ambil di Kijal ..... Tidak.

Kerana bangunan itu kita boleh beli dengan harga yang murah dan telahpun sedia ada cuma sekarang ini kita nak ubahsuai untuk jadikan Dewan Pembedahan dan *facilities* yang lain. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ya, Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Manir hospital ini, Hospital Pakar Jantung, Yang Berhormat. Di Kuantan takdok lagi Pakar Jantung. Saya ingat cukup dah Yang Berhormat, dah terlalu banyak sudah 5 soalan tambahan saya beri.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cukup dah sebabnya tadi kata nak tarik pelanggan supaya mari ke sin' nak buat itu dan ini dan sebagainya, macam nak meniaga. Jadi saya nak tahu, sepatutnya perkara kesihatan ini matlamatnya patutlah diutamakan kepada perkhidmatan bab kata tadi orang Besut nak mari jauh sangat.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Amat Berhormat kata tadi untuk Pantai Timur, barangkali Kijal dengan Tumpat yang paling atas kalau di Pantai Timur dengan Temerloh di sana sudah elok Kijal di tengah-tengah tu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita nak buat tu dengan duit kita mesti memberi keutamaan kepada kemudahan rakyat negeri kita.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ya, Yang Amat Berhormat nak jawab?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sukalah saya memberi jawapan, di samping kita ingin memberi perkhidmatan kepada rakyat Negeri Terengganu kita juga ingin buat wang sebab ini melibatkan kos subsidi dan dengan adanya pesakit-pesakit negeri lain yang datang ke sini kita dapat buat sedikit keuntungan dengan ini kita boleh pulang balik ke rakyat Negeri Terengganu. Hak rakyat kita, rakyat kita diutamakan sebagaimana saya sebutkan tadi, kita ada peruntukan. Macam sekarang inipun kita ada peruntukan RM10 juta untuk penyakit kronik rakyat Terengganu dan kita telah buat dua pembedahan jantung kepada anak-anak kita yang mengalami masalah jantung berlubang. Jadi dengan ini satunya, kita boleh beri khidmat kepada rakyat Terengganu sama ada percuma atau sebahagiannya dibayar berdasarkan kedudukan kewangan keluarga masing-masing, kita dapat juga menerima pesakit daripada luar dan ini akan memberi pulangan kepada kita. Dia serampang dua mata, hak meniaga, kita meniaga, hak memberi khidmat kita tetap memberi khidmat kepada rakyat Negeri Terengganu. Ini perlu kita fikirkan,

sekurang-kurangnya kalau dapat pesakit daripada luar yang bayar ke kita dapatlah kita mengurangkan beban kewangan kita yang menjadi kos subsidi kepada pesakit kita. Saya harap Yang Berhormat Manir berpuas hati. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ya, puas hati tu. Saya jemput Wakaf Mempelam.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertama-tamanya saya nak ucap terima kasihlah kerana inilah satu-satunya soalan saya yang masih hidup, masih tinggal hak lain habis kena tolak. Soalan nombor 2 -

*Apakah hasil rundingan antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan FELDA berhubung kemasukan peserta baru sebagai peneroka di tanah yang dimajukan oleh FELDA di negeri ini?*

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rundingan Kerajaan Negeri dengan FELDA masih berjalan dan untuk itu sebanyak dua kali pertemuan dan juga taklimat diberikan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi FELDA dengan Kerajaan Negeri Terengganu kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan kita masih lagi pada peringkat pertamanya kita memberi pilihan kepada FELDA, yang pertama, kita masih berpegang kepada konsep asal semasa Kerajaan Negeri memberikan tanah itu kepada FELDA. Dengan ini saya memohon izin daripada Dato' Yang Dipertua untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Ladang yang ada hubungkaitnya dengan soalan ini. Kedua-duanya hampir serupa walaupun ada sedikit perbezaan iaitu semasa Kerajaan Negeri menyerahkan tanah ini kepada FELDA kita mengharapkan daripada perjanjian ini memasukkan peneroka-peneroka kerana Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang berlaku terutama di kalangan nelayan dan petani. Itu hasrat asal. Dan kemudian apabila 1 Januari 1996, FELDA tidak lagi memasuki peneroka menyebabkan terdapat 15,200 hektar tanah Kerajaan Negeri Terengganu yang dimajukan oleh FELDA tidak dimasuki peneroka dan apa yang terjadi Terengganu berbeza dengan negeri-negeri yang lain kerana negeri lain menerima bayaran premium tanah daripada FELDA tapi Terengganu tidak menerima. Ketika Tan Sri Wan Mokhtar menjadi Menteri Besar Terengganu, Kerajaan Negeri menolak dan menghantar balik bayaran harga tanah yang dibayar oleh FELDA kerana kita masih berhasrat untuk memasukkan peneroka kepada Rancangan Tanah FELDA ini. Dan begitu juga ketika Yang Amat Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh ketika itu menjadi Menteri Besar, FELDA juga membayar sekali lagi dengan menghantar cek kepada Kerajaan Negeri dan kita masih lagi berpegang kepada konsep asal

untuk memasukkan peneroka. Kerana kita percaya jika sekiranya kita masukkan peneroka dengan keluasan tanah 15,200 hektar dengan kadar 10 ekar 1 peneroka sekurang-kurangnya kita boleh bawa masuk 3,700 orang peneroka yang terdiri daripada golongan miskin dan termiskin atau ibu tunggal yang mempunyai anak ini dengan ini kita boleh mengurangkan lebih daripada 50% masalah kemiskinan kita kerana hari ini Terengganu mempunyai kira-kira 5,600 keluarga miskin dan termiskin, bayangkan kalau kita boleh bawa masuk 3,700 bermakna kita tinggal 1,800 lagi keluarga yang miskin di Terengganu ini. Sebab itu kita masih mempertahankan konsep untuk memasukkan peneroka ini dan perjanjian yang kita buat adalah untuk memasukkan peneroka. Dan hanya Terengganu satu-satunya negeri yang tidak menerima bayaran apabila FELDA menukar atau mengubah dasarnya. Negeri lain apabila saya semak dengan Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar negeri-negeri berkenaan, mereka katakan mereka telah menerima bayaran. Jadi sebab itulah kita masih boleh berunding dengan FELDA dan kita telah memoeri beberapa pilihan sebenarnya kepada FELDA. Yang pertama, kita masih mengekalkan konsep asal, nak memasukkan 3,700 peneroka FELDA. Yang kedua, saya mintak kalau alternatif ini tidak dapat diterima kita mintak 30% daripada pendapatan FELDA daripada tanah-tanah yang dimajukan oleh FELDA ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk kita agihkan kepada golongan miskin. Itu adalah rundingan kita pada peringkat awal dulu. Dan selepas dua kali rundingan dibuat, tidak ada keputusan muktamad yang dibuat dan akhirnya kira-kira dua bulan yang lepas saya pergi berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya bawa satu lagi proposal tambahan iaitu saya mintak kalau bolehkekalkan untuk memasukkan peneroka. Kedua, 30% hasilnya. Ketiganya, saya katakan bahawa kita mintak mencadangkan supaya FELDA dapat membuat bayaran melalui Kerajaan Negeri kepada kira-kira 3,700 orang miskin di negeri ini dengan kadar RM1,000 sebulan setiap satu keluarga miskin. Kerana saya beritahu, hujah kita, peneroka FELDA mendapat pendapatan lebih kurang di antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan, kita tak hendaklah sampai RM3,000 – RM4,000 cukuplah kalau dia boleh bagi setiap bulan RM1,000 kepada 3,700 orang keluarga miskin dan termiskin ini maka saya rasa kita dapat selesaikan sebahagian besar masalah kemiskinan di Terengganu. Itu tambahan kepada dua cadangan asal kita dan kita menerima Dato' Seri Perdana Menteri memberi jawapan positif supaya kita berunding seterusnya dengan Pengerusi FELDA, Tan Sri Yusof Noor dan dengan Dato' Mazlan dan baru-baru ini saya telah berbincang dengan Dato' Mazlan dan Tan Sri Yusof Noor, kita akan tetapkan tarikh rombongan Kerajaan Negeri Terengganu yang akan berbincang lanjut untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya kita akan dapat menyelesaikan masalah ini. Sebab itu saya katakan tadi saya beritahu kepada PM dan Tan Sri Yusof dan juga Dato' Mazlan, kalau ikut kaedah tarah sekarang ini FELDA menjalankan pembangunan itu secara haram. Kita Kerajaan Negeri rugi. Satu, kita tidak dapat premium tanah. Kedua, Cukai Tahunan kita tidak dapat. Ketiga, hasil kita tidak dapat langsung, FELDA dapat 100% dan

tanah itu masih tanah milik Kerajaan Negeri Terengganu. Itu kalau mengikut kaedah Undang-undang Tanah sebab itu kita mempunyai kekuatan untuk mengadakan rundingan ini dan sebab itulah nampaknya Perdana Menteri, Tan Sri Yusof Noor dan Dato' Mazlan bersedia setelah menerima arahan daripada PM untuk runding secara lanjut. Dan kita akan tetapkan tarikh untuk menyelesaikan masalah ini. Marilah kita berdoa mudah-mudahan sekurang-kurangnya 3,700 keluarga miskin ini dapat kita atasi dengan cadangan kita yang ketiga dan saya rasa kita bersedia berkorban apa saja demi mengatasi sekurang-kurangnya 3,700 keluarga miskin dan termiskin ini dapat kita selesaikan kalau mereka dapat RM1,000 atau kurang sedikit daripada itu pada masa depan, insyaAllah. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tambahan Yang Berhormat? Sila.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Ada. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kes FELDA ni dia sampai nak saman, kes bila dibangkitkan istilah 'FELDA Sebagai Peneroka Tanah Haram Di Terengganu' dan itu disahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Yang saya hairannya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kes FELDA ni dah belasan tahun, berunding sampai belasan tahun, masa Tan Sri Wan Mokhtar dulu. FELDA nak bayar premium kita tak nak terima, Kerajaan nak masuk peneroka FELDA takmboh terima. Jadi duk bergolak begitu sehingga sekarang ini dalam keadaan yang masih belum selesai. Dan saya tak berapa tahu lah tapi saya difahamkan ada satu cadangan lain selain daripada cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat itu tadi iaitu nak bagi RM1,000 sebulan kepada setiap 3,700 orang keluarga miskin ini. Ada satu lagi cadangan tapi tak tahu sejauh mana benda itu boleh dipakai/percaya iaitu nak buat satu Syarikat Bersama dengan FELDA antara Kerajaan Negeri dan ada Wakil Lembaga daripada Kerajaan Negeri duduk dalam syarikat supaya masing-masing, negeri dengan tanah dan yang ini mengusahakan tanah dan ada dapat habuan masing-masing tapi pada pandangan Kerajaan Negeri agak-agak cara mana dan bila boleh selesai kerana dah berbelasan tahun berlanjut?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Saya tak tahu Dato' Yang Dipertua, rundingan-rundingan sebelum ini. Tapi sebaik sahaja saya mengambil alih Kerajaan Negeri Terengganu, kita telah mengadakan perbincangan dengan FELDA bersama dengan anggota Exco termasuk kali keduanya kita adakan semasa mesyuarat di Cyberjaya, kita panggil Pihak Pengurusan Tertinggi FELDA, kita beri taklimat dan sebagainya dan yang terakhir bila saya kemukakan tambahan kepada cadangan itu kepada Perdana Menteri dan sebagaimana saya sebutkan tadi kita sedang menunggu tarikh untuk mengadakan perbincangan selanjutnya. Bagi saya apa juga kaedah ataupun bila dipertimbangkan sama ada *jointventure company* ke, JV ke, itu tidak ada masalah asalkan dia boleh menyelesaikan

masalah dan memberi keuntungan dan menyelesaikan masalah kemiskinan rakyat Negeri Terengganu lebih kurang 3,700 orang ini. Apa jua kaedah kita boleh terima yang pentingnya kita boleh beri pulangan kepada rakyat Negeri Terengganu dan sebagaimana saya katakan tadi bahawa yang penting rakyat diberi keutamaan dan kita sedar bahawa FELDA telah membuat keuntungan dan sebagainya dan kita mempunyai kekuatan sebagaimana saya katakan tadi walaupun kalau nak ikutnya memang secara haram tapi memang kita beri kelulusan dulu baru dia buat cuma tinggalnya dari segi kaedah penggunaan sekarang ini masih lagi hak kita dan sebab itu saya katakan sekali lagi bahawa kita mempunyai kekuatan untuk mengadakan rundingan berbanding negeri-negeri lain, negeri lain tak boleh buat apa dah walaupun dia cuba nak masukkan peneroka sebab duit dah diterima, hakmilik tu hakmilik FELDA tapi kita masih lagi hakmilik Kerajaan Negeri, ini kekuatan yang ada pada kita. Sebab itulah saya bersedia berbincang dengan PM hari itu dan nampaknya ada positifnya yang boleh kita selesaikan. Apa jua kaedah, tiga-empat pilihan yang dibuat kita bersedia demi hasrat untuk menjayakan program ini. Dan akhirnya saya sekali lagi ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat Ladang bahawa sehingga kini kita tidak menyerahkan tanah kita kepada FELDA Holding atau FELDA Plantation, tanah itu masih lagi hakmilik Kerajaan Negeri Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ada lagi tambahan?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Saya mintak penjelasanlah. Oleh kerana perkara ini terlalu lama sangat ni takut jadi macam kes royaltipun satu hal, Kerajaan Negeri duk rugi, rakyat menjadi mangsa. FELDA inipun begitu mengambil masa untuk nak selesaikan begitu lama. Jadi dari segi persoalan yang timbulnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila kita sebut hak ni satu hal jugak. Marah sebut saja kata FELDA ni nak bankrap, pasal saya bimbang macam Petronas jugak merosot sokmo keuntungan.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat soalan tambahan. Saya tak mintak Yang Berhormat berucap. Soalan tambahan Yang Berhormat. Saya ingat Wakil FELDA ada dalam Dewan kita ni, mohon ambil keutamaan berat atas saranan Yang Amat Berhormat dan Wakil Wakaf Mempelam ni. Ada tambahan lagi Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Jadi begini Dato' Yang Dipertua, tadi soalan tambahan saya tidak dijawab, saya kata lama, bila nak selesai tak selesai-selesai. Saya ucap tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat sekarang ni, Menteri Besar sebelum ni macam dok cara terus, jadi sekurang-kurangnya saya nak tanya bila supaya sekurang-kurangnya kita dapat sedikit sebanyak gambaran. Kes royalti khabor,

okey, hari Selasa ni, 12 haribulan nak berunding lagi. Hak ni biarlah ada satu jangka masa yang lebih munasabahlah.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Dato' Yang Dipertua, saya mintaklah Wakil Wakaf Mempelam memahami, janganlah buat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Pertama, mengatakan FELDA bankrap dijaja di sana-sini, ini tak betul. Yang kedua, mengatakan bekas Menteri Besar tidak mengambil tindakan juga tidak betul, kita mempunyai peranan masing-masing, masa Dato' Seri dulu juga ada dibuat perundingan, ada cara yang tertentu dibuat, masa saya cara saya yang saya buat dan kebetulan saya pernah kerja di Pejabat Tanah jadi lainlah sikit sebab kita tahu, itu saja bezanya. Yang ketiga, saya nak beritahu juga bahawa rundingan sedang dibuat sebab itulah saya katakan tadi insyaAllah, ada sinar di hujung terowong sana .... (Dewan Gelak) .... Sebab PM sendiri sudah minit kepada Pengerusi FELDA, kepada Timbalan Menteri yang menjaga FELDA untuk diadakan rundingan lanjut kalau selama ini senyap begitu aje. Kita panggil FELDA dua kali dah beri taklimat demi taklimat tapi senyap, akhirnya bila kita kemukakan pandangan kita dengan apa yang berlaku kita katakan bahawa tanah ini masih tanah negeri .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Penjelasan, penjelasan, Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak payah penjelasan Yang Berhormat, soalan tambahan lagilah.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Ya?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak payah penjelasanlah, soalan tambahan seterusnya tu. Sila, sila.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Jika izin dan arahan daripada Perdana Menteri ada suruh berunding dalam perundingan itu Yang Amat Berhormat dapatkan mereka ini nak beri atau takmboh beri benda hak kita mintak?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setelah saya membentangkan kes saya di depan Perdana Menteri berdasarkan justifikasi yang kita ada, saya kata tanah ini masih tanah negeri, hakmilik, hakmilik Kerajaan Negeri bukan hakmilik FELDA. Jadi kita mintaklah ini, ini, ini, barulah PM nampak jelas dan dia tahu sebab itu dia mintak kita berunding, so kita tetapkan tarikh. PM juga bertanya saya:

"Sudah berbincang ke belum dengan Pengerusi FELDA?" Saya kata: "Belum lagi setakat ini, kita buat dengan Pihak Pengurusan Tertinggi FELDA termasuk CEO dan sebagainya." Sebab itu dia mintak kita buat. Oleh sebab itu saya telah berbincang dengan Tan Sri Yusof Noor, dan Dato' Mazlan sendiripun tahu, PM telah arah dia supaya berunding dengan Kerajaan Negeri dan kita akan tunggu tarikh untuk mengadakan rundingan ini. InsyaAllah sebagaimana yang saya katakan tadi selepas ini kita boleh kemukakan dengan lebih terperinci dan boleh cari jalan penyelesaian. Sebab itu saya sebut tadi, insyaAllah 'ada sinar di hujung terowong sana'. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Okey, kita pusing-pusing hak tu-le ni. Yang Berhormat ....

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Dok, dok hak tu-le, sikit aje ni. Pasal penjelasan itu tak berapa jelas. Saya tanya pasal kesnya Dato' Yang Dipertua, jumlah yang d'teroka oleh FELDA yang tidak dimasuk peneroka yang kita pertikai ini ialah 33,351 hektar sudah berbelasan tahun, hasil tu berapa setahun sebanyak 33,000 hektar ni satu angka yang sangat luas, hasil yang banyak dan kita tidak boleh sekepeng sampai ke lening, itu yang saya duk tanya bila, bila tu? Itulah masalah sekarang ni, kalau rakyat gok buat rumah bangsal pergi sodok selalu. Rakyat teroka tanah sikitpun kalau nak mintak bukan main payah. inilah persoalan yang saya timbul. Itulah saya ucap tahniah, sekurang-kurangnya kita bertegas.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak betul sikitlah. Jadi nampaknya Wakil Wakaf Mempelam ni bila berkait dengan tanah-tanah Kerajaan, nak baik dengan orang-orang kampung tolak tanah, jadi nak tunjuk dan nak khabor bahawa jahatnya Kerajaan bila hak FELDA buat Kerajaanpun tidak tolak tapi hak ni ditolak. Ini tak betul. Jangan kita nak main balik politik, nak main dengan orang kampung ni, jadi orang kampung pening kepala. mabuk, kita dok mabuk. Inilah masalahnya. Jadi kita kena faham, saya nak betulkan angka.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Ya, belum betul, saya silap. 33,000 telah dimaju dan masuk peneroka, 14,761 hektar yang ..... tu Dato' SUK mengangguk betul. Saya mengaku kalau saya silap, saya nak betul angkanya. Tapi maknanya 14,761 hektar ni yang diusahakan sudah belasan tahun hasilnya berapa banyak yang sekarang ini kita tak dapat sekepeng ni. Itu yang saya kata nak kena cepat, kena cepat tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya nak beri penjelasan angka yang diberikan tidak tepat, tadi dia sebut 37,000 hektar. Sebenarnya saya sudah sebut awal-awal tadi, tanah ini ialah 15,132.17 hektar bermakna 37,394.08 ekar, jangan tukar hektar dengan ekar. Kita ada *figure* satu, satu, dalam rancangan apa? Satu hingga sepuluh rancangan yang kita ada. Dan sebab itu saya katakan tadi walaupun dah lama tak buat, kita berusaha ke arah itu. Sebab itu saya sebut tadi, marilah kita berdoa mudah-mudahan kita mendapat capai keputusan muktamad bagi menyelesaikan sekurang-kurangnya 3,700 keluarga miskin di Terengganu ini dengan perancangan yang kita buat ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya jemput .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nanti .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payahlah Ladang, dah banyak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, Ladang tak ada soalan lagi, kata dijawab sekaligus .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sudah banyak tadi soalan yang dikemukakan, sudah 6 soalan tambahan dah. Saya jemput Wakil seterusnya, Wakil Tepoh. Sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Sehingga kini berapakah jumlah kedai T-Shoppe yang beroperasi di seluruh Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Tepoh yang bertanyakan berkaitan dengan jumlah T-Shoppe yang ditubuhkan sehingga kini di seluruh Negeri Terengganu. Sejak dilancarkan pada 11 Ogos 2009, sehingga kini sejumlah 8 unit T-Shoppe telah ditubuhkan di seluruh Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, 8 buah T-Shoppe telah ditubuhkan semenjak 11 Ogos 2009. Soalan saya

ialah berapakah jumlah pekerja yang bekerja di T-Shoppe dan siapakah pihak atau pihak mana yang membayar gaji ataupun elaut pekerja-pekerja di T-Shoppe ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Sepertimana yang saya selalu ulas dululah, T-Shoppe ini kita serahkan kepada usahawan untuk melaksanakan perjalanan operasi T-Shoppe ini dan oleh kerana T-Shoppe ini berjalan atau beroperasi selama 24 jam, *average* atau purata setiap T-Shoppe ini mempunyai 7 orang pekerja, jadi kalau dah 8 tu ertinya  $8 \times 7$ -lah pekerja yang bekerja di T-Shoppe ini. Kedai T-Shoppe ini dilaksanakan oleh usahawan itu sendiri.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya tanya tadi gaji itu dibayar oleh siapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Usahawan itu sendirilah yang membayar gaji para pekerjanya sebab T-Shoppe ini diusahakan oleh usahawan sendiri dan dia tiada kaitan dengan Kerajaan ataupun badan-badan yang berkait dengan Kerajaanlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan? Ke ada lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ada lagi bos.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada, sila Tepoh. Mintak dengan saya Tepoh, mintak dengan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Tapi Wakaf Mempelam ni duk kacau sokmo jadi kita ucap terima kasih ke dia dulu tadi, barulah ke Yang Dipertua. Okey. Saya melihat T-Shoppe ini kadang-kadang operasinya sepertimana 7-Eleven, ada konsep 24 jam dan barang-barangnya sepertimana jugak di 7-Eleven. Apakah T-Shoppe tidak berusaha lebih ke arah untuk memasarkan ataupun menjual barang-barang tempatan. Sebagai contohnya saya katakan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini T-Shoppe ini tidak wujud di Lapangan Terbang dan saya melihat ramai di kalangan orang yang datang ke Terengganu kadang-kadang tak sempat nak pergi ke tempat keropok, kedai tutup dah apa semua, mereka bertanya bagaimana nak beli keropok dan

malam takdok dah dijual. Apakah T-Shoppe ini dibuka di Lapangan Terbang dan pada masa yang sama menjual atau memasarkan barang-barang tempatan seperti keropok lekor itu sendiri dengan konsep *packaging* yang hebat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita pergi ke Sabah ke, Sarawak ke, mereka ada di airport ikan salai dan lain-lain yang dibuat secara *packaging* dijual di airport itu sendiri. Apakah T-Shoppe tidak berhasrat untuk buat begini di Lapangan Terbang Sultan Mahmud?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA** (Wakil Cukai): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kita mempunyai perancangan sehingga 2013 ini, sebanyak 100 buah T-Shoppe semua sekali dan untuk makluman jugak setakat hari ini kita sudah di peringkat perancangan 29 buah semua sekali di Terengganu dan jugak di luar Terengganu. Kalau nak saya baca panjang senarai itu tapi sudah ada 29 buah dan semuanya diusahakan oleh usahawan daripada Terengganu. Dan seperti saya sebut dulu objektif penubuhan T-Shoppe ini adalah memang betul Dato' Yang Dipertua semacam 7-Eleven tapi kita memberi keutamaan kepada produk-produk IKS dahulu, kita sasarkan 70% produk IKS tapi kita dapat terlalu tinggi jadi kita telah kurangkan sasaran itu kepada 50%. Jadi setiap T-Shoppe objektif kita, kita akan masukkan produk IKS sebanyak 50% dan 50% lagi adalah produk-produk lainlah. Dan seperti disebut tadi, perancangan kita ini adalah untuk seluruh Negeri Terengganu dan jugak di luar. Dan kita jugak memang bercadang untuk membuka di airport ini sebab kita mempunyai ruang yang telah diserahkan kepada YPU tapi ruang tersebut di belakang jadi kita nampak tak berapa strategik dari segi tempat itu dan insyaAllah, kita akan mintak supaya diberi ruang yang lebih baiklah. Sementara itu jugak Kerajaan telah bersetuju untuk membuat sebuah apa yang kita panggil T-Hotel dan T-Cafe yang berhampiran dengan airport dan tanahnya YPU yang sekarang ini tapak surau lama tu, itulah tapak yang kita cadang untuk buat T-Hotel bersekali dengan T-Cafe. Dan di situ kita akan ada makanan-makanan IKS seperti keropok yang dibuat di situ termasuk dalam bentuk 'Drive-Thru', jadi orang yang nak pergi ke airport masuk saja ke situ buat pesanan dan boleh ambil terus. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Wakaf Mempelam, sila.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT** (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Berhubung dengan T-Shoppe ini sejak dilancarkan tadi disebut 11 Ogos 2009, ada 8 unit telah ditubuhkan. Saya nak tanya sejauh mana kajian dibuat sejak dilancarkan, sambutan yang diberikan dan macam mana dia boleh *sustainable*, pasal saya tengok ada satu T-Shoppe yang nak pergi ke airport tu, tadi yang Wakil Tepoh tanya tu di airport, ini yang di jalan nak pergi ke airport daripada masjid, ada simpang, lepas daripada sekolah tu, saya nampak tak tahu lah entah hidup ke, tak ke, tutup ke? Yang

keduanya, satu lagi ialah T-Shoppe dekat sebelah Pejabat Pos di Gong Kapas, sewa RM7,000 tu, hai .... saya tak tahu lah sejauh mana dia boleh bertahan dengan RM7,000 sewa sebulan tu. Jadi saya nak tanya YPU ataupun Kerajaan melalui YPU ada bagi apa-apa bentuk bantuan tak kepada usahawan yang nak menjayakan sama ada dalam bentuk kewangan ke, apa ke, untuk usahawan nak usahakan T-Shoppe ini kerana kalau usahawanlah, contoh sayalah kerana saya dulupun usahawan jugak dan saya jaga jugak YPU (Usahawan) tu kalau nak sewa RM7,000 sebuah kedai ni hai .... fikir panjang jugak tu. Jadi sejauh manakah perkara ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelamlah. Saya tak tahu T-Shoppe mana yang menghala ke airport tu tapi secara puratanya kita memang ada satu anak syarikat yang monitor semua projek kita di bawah YPU ini yang dipanggil Cakna Sdn. Bhd., dulu dah ada Cakna ini tetapi kita dah beri nafas baru dan kerja Cakna ini untuk monitor semua program yang kita buat ini. Secara puratanya T-Shoppe ini kalau kita lihat dari segi pembangunan kedai ini dia memang meningkat dari segi kemajuan kedainya, secara puratanya ada yang mula-mula diwujudkan sehari mungkin dalam RM500 – RM600 dia punya *sale* dan kita lihat yang baik itu macam di Kuala Berang dah sampai sebulan jualannya RM150,000 – RM180,000 ertinya di antara RM5,000 – RM6,000 sehari dia punya *sale*, jadi kita monitor ini walaupun kita lihat dari segi produk yang dijual tu produk IKS masih kurang mula-mula start dalam 2% aje tapi sekarang sudah naik di antara 4% - 5%, kita nampak ini adalah kelemahan-kelemahan yang perlu kita baikilah kalau kita nak bantu usahawan kita ini sebab itu kita wujudkan TP3 ini buat *labeling* baru, *packaging* baru untuk nak bantu usahawan, itu satu. Yang keduanya, yang ditanya ialah tentang T-Shoppe Gong Kapas. Di Gong Kapas ini kita jangan silap, sewa RM7,000 itu ialah untuk semua bangunan, ada dua operator di situ sebab yang di tingkat atas itu ialah T-Lodge, sewa bangunan yang di bawah itu ialah lebih kurang RM3,000 saja, yang dua tingkat di sebelah atas itu ialah T-Lodge yang disewa oleh operator lain, jadi dia ada dua penyewa di situ kalau RM3,000 dalam bandar tu biasalah. Dan setakat ini Gong Kapas adalah salah satu kedai T-Shoppe yang tinggi turn-over dia. Yang ketiga, ialah berkaitan dengan bantuan Kerajaan, bantuan YPU ini, kita sepertimana biasalah setiap T-Shoppe dari segi kos mewujudkan dia tu lebih kurang RM200,000. Antara RM150,000 – RM200,000 adalah infrastruktur dia untuk buat kedai dan sebagainya dan untuk *operating expenses* dengan izin Dato' Yang Dipertua adalah RM50,000, jadi kita beri pinjaman yang perlu mereka bayar balik dengan kos yang sederhanalah kepada usahawan ini dan kita monitor. Sebab itu sistem kita ini kita mempunyai *point of sale* dari segi akaun dia tu kita monitor berapa sebulan dan tempoh dia pinjam dengan kita ini kita ambil royalti yang agak murahlah; kecil saja kalau nak banding dengan 7-Eleven dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh tanya lagi Dato' Yang Dipertua tentang T-Shoppe?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukup dah Yang Berhormat. Kita nak bagi peluang kepada Wakil lain, Kota Putera, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

*Bilakah dijangka Kompleks IMTIAZ di Bukit Keluang, Besut dapat disiapkan dan diserahkan oleh kontraktor kepada pihak Kerajaan?*

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kota Putera ialah berkait dengan bilakah dijangka Kompleks IMTIAZ di Bukit Keluang, Besut dapat disiapkan dan diserahkan oleh kontraktor kepada pihak Kerajaan?

Pembinaan Kompleks Sekolah Menengah IMTIAZ di Bukit Keluang, Besut dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada bulan November tahun 2010. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan Yang Dipertua. Melalui statement yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri baru-baru ini, saya merasa terharu dan terima kasih dan begitu jugak apabila berjumpa dengan pelajar-pelajar IMTIAZ kerana kita tengok pelajar IMTIAZ ini dia beza dengan sekolah-sekolah lain, saya tengok dia berkONSEPkan roh dan kekitaan. Sebab itulah saya tidak tahu sumber dari mana yang didapati oleh beberapa pihak yang menyatakan kononnya bangunan IMTIAZ yang disebut oleh Yang Berhormat Exco tadi yang akan diserahkan oleh kontraktor pada November ini kononnya akan diserah kepada pihak lain untuk dikendalikan dan bukan tujuan asal diserah kepada IMTIAZ. Jadi terima kasih saya ucapan.

Dan sebelum kepada soalan tambahan, suka saya memaklumkan mungkin ramai tidak tahu berkait dengan dua fakta iaitu IMTIAZ Besut yang ada hari ini sebenarnya tapaknya adalah tapak di tanah wakaf, masih lagi tanah wakaf bukan milik Kerajaan. Dan yang keduanya, IMTIAZ di Besut itu adalah mampu untuk menempatkan pelajar daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 3 saja bukan sebagaimana sekolah menengah lain daripada tingkatan 1 sampai ke tingkatan 5. Jadi dengan sebab itulah ramai pihak sebenarnya memohon agar IMTIAZ ini kekal digunakan untuk tujuan pelajar-pelajar IMTIAZ. Dan tidak bermaksud sebenarnya IMTIAZ itu dikendalikan sendiri maknanya IMTIAZ itu juga dikendalikan oleh Yayasan Negeri cuma bangunan atau infra-infra itu digunakan untuk tujuan Sekolah IMTIAZ. Soalan saya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, andainya ada permohonan ataupun andainya ada permintaan daripada mana-mana pihak untuk dijadikan bangunan IMTIAZ itu dengan tujuan lain, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan? Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Kota Putera. Setakat ini tidak ada perancangan lain yang hendak dilaksanakan, jadi sekadar yang difahamkan untuk masa ini ialah IMTIAZ di bawah Yayasan Terengganu dan perancangan Yayasan Terengganu memang nak memastikan bahawa IMTIAZ itu seperti mana yang dirancangkan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh! Sekejap Tepoh. Saya nak bagi ke Ladang takut-takut ada sebab saya tak benarkan dua kali tadi, takut-takut ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Laldang): Ladang nak tanya hal Ladang aje, cah tak bagi tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Tepoh sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dia dah merajuk dah, kena cari 'gu' tu. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada jawapan oleh Wakil Kerajaan yang mana menyatakan setakat ini tidak ada rancangan ataupun permohonan. Kalau begitu boleh kalau saya katakan bahawa pada tahun hadapan apabila diserahkan pada akhir tahun ini ertiannya pada tahun hadapan pelajar-pelajar Sekolah Menengah IMTIAZ yang ada di Besut sekarang ini akan dimasukkan ke kompleks tersebut. Sebabnya saya ingat pelajar-pelajar ini sudah tidak sabar-sabar untuk nak masuk sebenarnya. Dan saya melihat Sekolah IMTIAZ Besut setakat ini menjadi sekolah penanda arasan, menjadi tempat

rujukan dalam konteks yang boleh dijadikan sekolah cemerlang, dalam erti kata Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di Negeri Terengganu. Dan saya merasakan bahawa kalau betul benar-benar dibawa masuk pelajar ini lagi seronok untuk menghafaz dan sekarang ini kalau seluruh pelajar IMTIAZ di Negeri Terengganu yang sedang ada ni sudah 139 orang menghafaz 30 juzuk, saya ingat wajar pelajar-pelajar ini diberikan tempat di situ dan bagi maksud untuk memberikan satu lonjakan semangat kepada mereka. Apakah boleh dimasukkan pada tahun hadapan pelajar-pelajar ini? Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):** Terima kasih kepada Wakil Tepoh. Ini bergantung kepada sejauh mana siapnya bangunan itu nantilah sebab ini baru kita jangka, kitapun tak pasti lagi sama ada akan siap sepenuhnya pada bulan November ini. Dan yang kedua, kita kena pastikan dari segi keselamatan kitapun bimbang juga dari segi sekolah-sekolah ni sebab itu kita kena pastikan dari segi keselamatan yang menjadi keutamaan. Dan yang seterusnya, kita juga kena melihat kepada kerana bangunan ini sekarang ini di bawah pengurusan Yayasan Terengganu, kita kena tengok juga sama ada mereka bersedia atau tidak untuk memastikan perabot dan juga kemudahan-kemudahan lain dapat kita laksanakan dalam masa yang begitu singkat sebegini. Jadi yang ini kita tak dapat pastikan lagi tapi walau bagaimanapun tidak ada masalah kalau katakan sepenuhnya siap bulan 6 ataupun bulan 5 tahun hadapan maka selepas itu kita masukkanlah sebab dia tak ada masalah dari segi kemasukan itu tidak semestinya tunggu bulan Januari. Kalau katakan siap hujung bulan 8-pun pada tahun hadapan kita akan masukkanlah selepas itu kerana keutamaan yang utama kita nak pastikan dari segi keselamatan bangunan itu dulu. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan dan jawapan dah jelas. Ada lagi Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT HAJI MUHAMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera):** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya merasa lega dan gembiralah di atas jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu dan jugak Yayasan Terengganu. Cuma selain daripada bangunan itu sendiri apakah persediaan telah dibuat berkait dengan infra di dalam bangunan itu? Contohnya, kerusi, meja dan sebagainya. Terima kasih, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):** Terima kasih kepada Wakil Kota Putera. Yang ini sedang dilaksanakan oleh pihak Yayasan Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Saya jemput Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktu. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 –

*Bilakah Kerajaan bercadang untuk mengagihkan lot kedai yang baru dibina di Pekan Batu Enam, Kuala Terengganu?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu akan mengagihkan lot-lot kedai ini setelah kerja-kerja pembaikian kecacatan yang mana tidak puas hati oleh pihak MBKT akan dilaksanakan sepenuhnya oleh kontraktor selepas itu akan diagihkan. Kita berharap ianya dapat diagihkan sebelum menjelangnya hari raya nanti.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan yang pertama Dato' Yang Dipertua. Sebenarnya projek ini kalau ditengok kepada papan tanda dia tu sepatutnya siap pada 1 Ogos 2009, sekarang dah Ogos 2010 delay siapnya lepas tu baiki kecacatan pulak dan saya bimbang pada satu masa kegig runtuh pulak. Saya tak mahu jadi nasib macam janji kepada lot-lot kedai di tapak Monsoon Cup, dah panggil temu duga nak bahagi tapi dah sampai hari inipun tak ada lagi pekedai yang masuk berniaga di situ. Jadi saya harap apa sebenarnya masalah ni yang menyebabkan kelewatan setahun pada tarikh yang patut siap dan kontraktor terlibat ini apakah tindakan yang diambil terhadap kontraktor tersebut dan yang cacat itu apa hal pulak sama ada macam stadium yang runtuh jugak ataupun hal lain, mohon penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, susah nak bercakap dengan Doktor Perubatan ni. Jadi masalahnya kecacatan maksudnya bukanlah kecacatan struktur, kalau rosak struktur cacat memang kita tidak boleh terima, perkara biasalah kontraktor buat di peringkat akhir *touching*, dia gi tengok ada tempat-tempat ada *tile* tidak dipasang dengan betul ke, ada benda-benda yang tak berapa betul, kita suruh perbetul habislah, perkara ini biasalah macam kita buat rumah jugak. Bila kontraktor serah, kita takkanlah nak terima sepenuhnya, ada benda yang kita tak berpuas hati dan dia perlu diperbetulkan. Jadi janganlah sampai kata nak runtuh, nak bangkit semua sekali, nak kait belaka, tak bolehlah. Kita Doktorkan, orang cerdik biar profesionallah sikit. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak maklumkan bahawa projek ini sebagaimana saya kata tadilah apabila dikeluarkan tender, kita pilih dengan anggaran harga yang sesuai dan sebagainya

maka berlaku macam-macamlah kontraktor ni. Itulah masalah kontraktor bumiputera ni, kita katapun orang kita jugak, masa nak boleh projek semua kata beres belaka: "Beres bos, siap ikut jadual", lepas itu macam-macam, dok cukup modallah, apalah. Kalau boleh duit tu beli kereta Mercedes dulu, beli benda lain dulu. Lepas tu mulalah, hujanlah, barang takdoklah, biasalah tu penyakit kontraktor, bukan kepada projek ini saja hak lain-lainpun begitu kebanyakannya. Inilah masalah-masalah yang berlaku yang menyebabkan *delay* dan sebagainya. Dan bila *delay* kita akui memang projek ini *delay* tapi alhamdulillah projek ini dapat disiapkan jadi kita berharap sebagaimana saya sebutkan tadi ianya boleh dilaksanakan.

Dan saya nak sebut pulak berkait dengan lot-lot kedai di tapak Monsoon Cup. Pihak Bandaraya telahpun mengeluarkan Surat Tawaran kepada mereka yang berjaya tapi mereka mintak semasa Surat Tawaran dikeluarkan dalam bulan puasa nak start bulan puasa tak sedaplah dia orang kata. Mereka mintak dengan Bandaraya supaya dapat ditangguhkan untuk buka kedai mereka selepas hari raya. Terima kasih Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Dato' Yang Dipertua, memang sebab saya cerdik saya tanya tu. Biasanya hak kena tipu di kontraktor tu-lah orang bodoh sebab setahun lewat, patut buat 4 Januari 2009 siap 1 Ogos 2009, 8 bulan suruh siap tapi ia *delay* setahun lebih daripada tempoh hak buat pulak, patut boleh buat bangunan lain pulak. Jadi masalah OKU (Orang Kuat UMNO) saya ingat kontraktor inipun, minta maaflah sebutnya. Yang kedua, saya keliru dan orang kampung Batu 6-pun sangat kelirulah. Pada 2 tahun lepas, pihak Majlis Perbandaran turun ke Batu 6, panggil orang kampung semua hadir beritahu kita nak buat RKK Batu 6 – Tepoh, nak besar jalan. Tiba-tiba bangunan yang dicatakan tu betul-betul atas tapak cadangan pembesaran jalan, apa kata JKR, adakah JKR telah lulus atas rezab jalan sendiri buat bangunan itu, minta penjelasan?

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak dapat maklumat ini, kata buat atas jalan tu saya tak tahuolah. Sepatutnya dan memang biasanya kalau buat atas jalan tu memang tak boleh buatlah tapi saya tak tahuolah daripada mana Yang Berhormat dapat kata atas jalan tu.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Yang Amat Berhormat perlu turun padang jugaklah tengok Batu 6 ni.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI:** Saya pergi sokmo ke Batu 6 ni bukan dok pergi .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Beli durian?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan beli durian. Jadi tak bolehlah cakap orang bodohlah, apa serba. Kita cerdik, cakap sebagaimana orang cerdik.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Cerdik lawan dia bodoh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Itulah personaliti Wakil Bukit Tunggal, dok malu ke, ke budak-budak sekolah cakap bodoh, bodoh, dalam Dewan ni?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dah sebab setahun *delay* ni memang orang kampungpun nak marah .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Setahun, setahun ni bukan kerana bodoh Yang Berhormat, adalah masalah-masalah dia yang menyebabkan *delay*.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Cuba beritahu masalahnya, saya tanya masalah dok jawab tadi, tiba-tiba kata biasalah kontraktor ni, semua kerana kontraktor yang salah, kita yang pilih kontraktor ini tak salah? Anak belajar tak cerdik kita marah ke anak, ayah tak salah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Biasalah berlaku projek re-tender dan bila dia teruk sangat kita *terminate*, inilah proses-prosesnya nak buat guana dah Jawatankuasa Tender pilih berasa hak molek dah. Macam kalau kita menantulah, kita rasa pilih hak molek dah tapi hisab dadah dah nak buat guana .... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya nak tanya adakah JKR lulus ke bangunan ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, jadi saya pilih soalan yang ketiga memandangkan soalan pertama pada saya telah banyak diulas dan dibahaskan semalam. Jadi soalan yang pertama pada hari ini ialah soalan yang ketiga -

*Selepas Rantau Abang, Pantai Ma' Daerah di Kertih telah dikenal pasti sebagai lokasi pendaratan penyu. Apakah usaha Kerajaan dalam memajukan kawasan tersebut, khususnya dalam sektor pelancongan dan apakah bentuk promosi yang telah dilaksanakan Kerajaan bagi tujuan tersebut?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Terengganu turut menjalankan beberapa program untuk mempromosikan kawasan Ma' Daerah ini sebagai tarikan pelancongan dan juga sebagai Pusat Konservasi Penyu. Di antara program yang dijalankan ialah:

- i. Penyertaan di dalam ekspo dan pameran pelancongan sama ada di dalam ataupun luar negara.
- ii. Penggambaran filem.
- iii. Pusat Santuari Penyu Ma' Daerah turut mengadakan pameran yang juga merupakan tempat rujukan pelajar-pelajar sekolah dan juga institusi pengajian tinggi awam dan swasta sama ada di dalam ataupun di luar negara.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengambil inisiatif-inisiatif yang sangat-sangat difikirkan perlu bagi memastikan populasi penyu-penyu khususnya di Pantai Kuala Terengganu terus dijaga dengan baik. Saya ingin mengajukan satu pertanyaan, dalam pengamatan saya di kawasan ini di Pantai Ma' Daerah menjadi tarikan begitu banyak pihak kadang-kadang saya didatangi oleh mereka-mereka yang berminat ingin mengusahakan contohnya industri-industri akuakultur

seperti pembibakan ikan-ikan air masin, memajukan kawasan ini sebagai kawasan pelancongan dan sebagainya. Soalan saya apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa Kerajaan untuk memastikan kawasan ini tidak boleh dibangunkan sewenang-sewenangnya atau dengan suka hatinya tanpa mendapat kelulusan oleh pihak-pihak yang berwajib demi memastikan kawasan Santuari Penyu ini tidak diganggugugat kewujudannya. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu):** Kerajaan Negeri daripada masa ke semasa mengadakan penguatkuasaan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kawasan ini termasuk dalam 12 kawasan konservasi penyu di seluruh negeri yang kita kuatkuasakan. Dan kita memang memberi penekanan kepada pengekalan alam semula jadi, *reservation* dan juga memelihara kawasan-kawasan ini. Dan kita harapkan bukan sahaja Kerajaan tetapi juga orang awam memberi penekanan kepada pemuliharaan ini supaya pendaratan penyu dapat dikenalkan daripada masa ke semasa.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ada lagi Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):** Soalan tambahan. Untuk makluman, satu NGO ada wujud di kawasan Kertih yang mana satu pendekatan diambil oleh NGO berkenaan adalah untuk memberi penerangan meningkat kesedaran tentang penting dan perlunya kita memelihara khazanah yang ada dalam persoalan kita berkenaan dengan penyu. Jadi NGO yang saya maksudkan bertapak di Kertih 'MEKAR'. Jadi setakat ini adakah Kerajaan Negeri memberi sumbangan secara langsung NGO berkenaan bagi memastikan NGO ini dapat bergerak dengan lebih sihat dan yang keduanya, apakah program-program yang dirancang dengan NGO berkenaan dalam persoalan ini 'MEKAR' bagi meningkatkan lagi kesedaran tentang perlunya kita menjaga kita punya heritage kita dengan izin.

**YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu):** Terima kasih. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Perikanan Negeri akan mempastikan konservasi spesis penyu di Ma' Daerah dan beberapa di lokasi lain akan sentiasa dipantau dari segi bilangan pengunjung. Malah proaktif jangka panjang bertujuan untuk menjaga kesimbangan ekosistem dan alam semulajadi di Negeri Terengganu dan bukan hanya sebagai tarikan pelancong. Aktiviti, kawal selia dan penguatkuasaan dilakukan dengan kerjasama NGO yang disebut tadi. Dan Pejabat Perikanan mengawal kawasan-kawasan pantai dan kawasan pantai penyu bertelur di Negeri Terengganu terutamanya di kawasan ini. Pejabat Perikanan Negeri bersama *World Wild Life Fund* dan *British Petrol Malaysia* sedang melaksanakan kempen kesedaran, pemuliharaan dan pendidikan berkenaan dengan penyu. Pusat Penyelidikan Dan Pendaratan Penyu di Rantau Abang juga banyak melaksanakan kempen ini dengan menerima kunjungan daripada institusi pengajian tinggi dan masyarakat setempat

untuk memberikan input pemikiran. Lawatan turut diadakan di kawasan ini untuk melihat sendiri pusat-pusat pendaratan penyu, pameran serta taklimat. Dan usaha-usaha ini seharusnya diberikan sokongan. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ya, terima kasih Teluk Pasu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai soalan-soalan lisan dan saya tidak berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan ini sehingga urusan Tertib Pekerjaan Dewan kita selesai pada pagi ini. Jadi kalau ada yang berhajat untuk ke bilik air boleh selesaikan segera sementara kita teruskan Persidangan kita. Sila Setiausaha.

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Rang Undang-Undang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang yang kedua:

**ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU  
(PINDAAN) (NO. 3) 2010**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI  
ORANG-ORANG MELAYU 1360.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu [En.Tr.17/1360] supaya MALAYSIAN INDUSTRIAL DEVELOPMENT FINANCE BERHAD (MIDF) menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas, saya silakan. Oleh kerana tidak ada yang ingin berbahas, sekarang saya buka untuk undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI  
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI  
YANG KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG  
MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL  
KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN  
TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI  
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI  
YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 2010.**

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang yang ketiga:

**ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU  
(PINDAAN) (NO. 4) 2010**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kemasik. Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI  
ORANG-ORANG MELAYU 1360.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii)(j) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu [En.Tr.17/1360] supaya BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bukan nak bahas. Saya keliru sikit daripada Bank Pertanian jadi Agro Bank, sekarang nak balik ke Bank Pertanian balik, jadi sekarang ini hak yang mana satu kita nak pakai tu? Saya bukan nak bahas sekadar penjelasan.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Boleh saya buat penjelasan Yang Berhormat. Sebenarnya kita di Dewan ini telah pun menukar satu ketika dulu tetapi dari segi perundangannya Agro Bank ini adalah komersil sahaja dan dari segi perundangan tanahnya tidak ditukar daripada Bank Pertanian. Jadi kita terpaksa balik bertukar perenggan ini kepada Bank Pertanian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebenarnya walaupun kita nampak enakmer-enakmen yang kita perbahaskan ini agak ringan, saya nampak Yang Berhormat ada yang nak angkat, tak nak angkat tangan, sebenarnya implikasi ataupun signifikannya sangat besar kepada rakyat kita sebagaimana yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi tanah-tanah Rezab Melayu yang berada di negeri kita ini dengan kelulusan enakmen ini ia boleh dipindah milik, digadai dan dipajak bagi tujuan pembangunan dan sebagainya. Jadi saya sangat berfikir bahawa kepentingan rakyat untuk memajukan diri mereka akan terbela melalui undian dan juga tertib kerja kita di Dewan yang mulia ini.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat, saya mintak penjelasan tadi supaya diberikan pandangan atau jawapan oleh Yang Berhormat tapi bermakna dalam kedudukan yang ada sekarang ini maknanya orang-orang kita, orang Melayu di Terengganu ini untuk nak cagar tanah dia melalui dua bank yang berasinganlah, Bank Pertanian masih wujud, Agro Bank pun wujud, begitu ataupun kita nak batalkan Agro Bank kerana ianya identiti sebagai badan komersil yang tak boleh dicagarkan dan kita kekal kepada Bank Pertanian, saya merasa agak keliru dari segi ini kerana kesannya besar sebagaimana kata Yang Berhormat tadi.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Betul tu.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Agro Bank adalah nama komersilnya tetapi dalam syarikat masih kekal kepada Bank Pertanian sebab itu kita perlu kepada Bank Pertanian dari segi perundangannya untuk caj

tanahnya. Dia masih lagi kekal, Bank Pertanian masih ada tetapi nama komersilnya ialah Agro Bank. Kita dah semak dengan Y.B. LA dan dengan pihak Bank Pertanian sendiri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Maknanya Bank Pertanian masih kekal, baik. Jadi nama komersilnya sahaja Agro Bank, begitu? Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perundangan tanahnya ini diperlukan oleh Bank Pertanian sendiri, Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat sekalian sekarang saya buka kepada undian. Kepada semua Yang Berhormat yang bersetuju saya mintak angkat tangan. Nampaknya Pembangkang tidak setuju, adakah tidak setuju? Angkat tangan. Setuju? Tak tahu lah, maknanya seperti saya kata tadi ini adalah untuk kepentingan rakyat, Pembangkang kita tidak melihat sebagai kepentingan rakyat barangkali.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI  
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI  
YANG KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG  
MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL  
KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN  
TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI  
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI  
YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No. 4) 2010.**

### **TANGGUHAN**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Tangguhan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan ini sukacitalah saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas semua kerjasama dan juga kesempurnaan yang diberikan kepada urus setia Dewan khususnya bagi menyempurnakan Dewan kita pada kali ini. Sebelum kita beredar sukacita saya ingin memaklumkan pertamanya, kita sediakan terus makan tengah hari selepas sidang ini di Dataran U2 di hadapan Dewan kita ini, tidak ada seperti biasa di tingkat 18 sebab kita dah nak puasa ni kita nak jemput semua sekali makan. Yang kedua, saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan 'Selamat Berpuasa' sempena kita menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak yang tidak berapa lagi, mudah-mudahan sebagaimana niat kita, puasa kita kali ini semoga lebih baik, lebih sempurna diterima oleh Allah Taala, lebih daripada tahun-tahun yang lepas dan mudah-mudahan pada sidang Dewan yang akan datang kita akan dapat menyempurnakan tugas kita dengan lebih baik, insyaAllah. Dengan kata-kata itu marilah sama-sama dengan ikhlas perpisahan kita pada kali ini, kita sama-sama mendoakan dan membaca Surah Al-'Asr. Dengan ini kita tangguhkan sidang Dewan kita ini. Wabillahi walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.13 PAGI.



# **LAMPIRAN**



**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI  
MESYUARAT YANG KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

**PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**



**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.1.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI NAWI BIN MOHAMAD**  
**WAKIL HULU BESUT**

- SOALAN 1 : Pembinaan Empangan Paya Peda menyebabkan wujudnya tasik buatan seluas 1358.3 hektar. Apakah rancangan kerajaan untuk menjadikan tasik buatan ini salah satu kawasan pelancongan.
- JAWAPAN : Kerajaan memang telah merancang untuk menjadikan tasik buatan ini sebagai salah satu kawasan pelancongan dengan cadangan mewujudkan beberapa projek pelancongan seperti Taman Herba, Arboretum, Pusat Rekreasi Air, Jeti Memancing, Kawasan Penanaman Kayu Hutan, Rumah Penginapan dan Menara Tinjau. Konsep yang akan dibangunkan ialah dengan menitikberatkan pengelalan alam semula jadi. Satu pembentangan kertas konsep dan pelan reka bentuk akan dibentangkan oleh Jurutera Perunding Pembinaan Empangan Paya Peda kepada Jawatankuasa Pelancongan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Pembinaan Jalan Padang Tapong ke Keruak sedang dalam pembinaan, berapakah jumlah kos yang terlibat.
- JAWAPAN : Pembinaan jalan di atas merangkumi dua (2) projek sebagaimana berikut:-
- i) Jalan Kampung La/Keruak, Besut dengan kos **RM46,262,286.02**.
  - ii) Jalan dari Kg. Durian Telor ke Lata Tembakah, Besut dengan kos **RM18,737,217.16**.

SOALAN 3 : Apakah cadangan Kerajaan Terengganu bagi memajukan LA Hot Spring dan Lata Tembakah pada tahun 2011.

JAWAPAN : Bagi rancangan pembangunan LA Hot Spring pada tahun 2011, kerja-kerja menaiktaraf Air Panas LA akan disambung pelaksanaannya, di mana projek tersebut telah bermula pada 5 Oktober 2009 dan dijangka siap pada 1 April 2011. Projek ini dibiayai di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dengan jumlah peruntukan diluluskan sebanyak **RM3,229,992.90**. Komponen projek ialah chalet, dewan, balai penerangan, rumah memasak, tapak perkhemahan dan longkang.

Bagi memajukan kawasan pelancongan Lata Tembakah pada tahun 2011, pihak Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan di bawah pakej Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) bagi dijalankan kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan pelancongan dan surau di kawasan tersebut. Setakat ini, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, pihak Kementerian Pelancongan telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM1,537,000.00** bagi pembinaan chalet, dormitori, wakaf dan menara tinjau dan projek tersebut telah siap sepenuhnya pada tahun 2009.

SOALAN 4 : Berapakah jumlah permohonan Tanah Haram dan berapakah jumlah yang telah diselesaikan mengikut daerah di Terengganu bermula tahun 2004 hingga 2010.

JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.2**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB**  
**WAKIL MANIR**

- SOALAN 1 : Kerajaan mengadakan peruntukan untuk membeli pakaian seragam bagi murid-murid sekolah yang dikira ibu bapanya miskin. Berapakah peruntukan itu dan berapa unitkah pakaian seragam yang telah dibeli dan berapa unitkah yang telah diagihkan bagi yang layak menerimanya? Dan berapakah yang masih berbaki yang belum diagihkan mengikut pecahan daerah-daerah untuk tahun persekolahan 2009? Nyatakan sebab-sebab pengagihan itu tidak dapat disempurnakan?
- JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Kerajaan selalu menyebut tentang rakyat termiskin dan kemiskinan tegar. Apakah panduan yang dipakai oleh Kerajaan untuk ‘termiskin’ dan untuk ‘kemiskinan tegar’ itu?
- JAWAPAN : Perkataan rakyat termiskin dan kemiskinan tegar adalah dua perkataan yang mempunyai maksud yang sama iaitu golongan yang pendapatan bulanan isi rumah di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM430 atau perkapita RM100 sebulan. Panduan yang dipakai oleh Kerajaan untuk kemiskinan tegar ialah sesebuah isi rumah adalah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK). Paras Garis Kemiskinan ini diukur dan dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Perdana Menteri dan Indikator Kemiskinan Terengganu adalah sebagaimana di bawah:-

Kategori	Pendapatan	Saiz Isi Rumah	Perkapita
Miskin	RM720	4.0	RM180
Miskin Tegar	RM430	4.2	RM100

**SOALAN 3** : Bantuan Atap Biru Kepada Rakyat Miskin adalah masyhur di kalangan penduduk-penduduk Negeri Terengganu. Kenapakah Kerajaan memilih atap yang berwarna biru untuk mereka? Adakah biru itu lambang bagi kemiskinan penduduk Negeri Terengganu? Sepanjang 2009 berapa unitkah atap-atap biru itu yang telah diagihkan dan berapa unitkah yang siap dibeli oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan adakah ia masih berbaki?

**JAWAPAN** : **DITOLAK menurut perkara 26(44A)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 4** : Sebahagian akhbar-akhbar arus perdana yang terdapat di negeri ini selalu menyarkan berita-berita tentang kemerosotan moral di kalangan pelajar-pelajar di peringkat menengah di negeri ini. Apakah berita-berita yang disebar itu benar dan ada dalam maklumat Kerajaan Negeri? Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini jika sekiranya ianya benar?

**JAWAPAN** : **DITOLAK menurut perkara 26(2)(I) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 5** : Apakah Kerajaan sedar terdapatnya dalam negeri ini tanah-tanah yang telah diluluskan pemilikannya melalui Borang Jadual 5A dan telah dibayar premium yang ditentukan jumlahnya oleh Kerajaan, maka Kerajaan pada hari ini telah membatkannya, dan mengarahkan wang premium itu dikembalikan kepada pemiliknya. Apakah kewajarnya tindakan itu khususnya dalam Daerah Hulu Terengganu? Bolehkah Kerajaan sebut sebab-sebab berlakunya perkara ini? Nyatakan secara khusus pemilik-pemilik yang terlibat dalam Daerah Hulu Terengganu?

**JAWAPAN** : **DITOLAK menurut perkara 26(44A)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.3**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI**  
**WAKIL BATU BURUK**

**SOALAN 1** : Berapakah jumlah defisit Kerajaan Negeri dari tahun 2008 dan tahun 2009 dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi perbelanjaan yang berlebihan?

**JAWAPAN** : Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2008 mencatat defisit sebanyak RM146,548,465.66 menjadikan defisit terkumpul pada akhir tahun tersebut berjumlah RM424,963,971.08. Pada 31 Disember 2009 pula akaun ini mengalami defisit sebanyak RM274,046,116.36 menjadikan defisit terkumpul pada akhir tahun tersebut berjumlah RM699,010,087.44.

Bagi mengatasi perbelanjaan yang berlebihan ini Kerajaan mengambil langkah-langkah antara lain mengamalkan perbelanjaan berhemat dan memberi tumpuan kepada perbelanjaan yang menjadi tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri. Kerajaan juga memberi tumpuan kepada perbelanjaan yang dapat memberi impak secara langsung kepada rakyat dan program-program yang dapat menjana pendapatan dan yang boleh meningkatkan daya saing negeri. Hasil daripada tindakan ini Kerajaan telah dapat mengurangkan perbelanjaan bagi tahun 2009 sebanyak RM5,043,074.51 menjadi RM1,785,064,215.77 berbanding dengan perbelanjaan tahun 2008 yang berjumlah RM1,790,107,290.28.

**SOALAN 2** : Apakah status terakhir Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat dan bilakah ia dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya?

- JAWAPAN : Kemajuan keseluruhan pembinaan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fada 2 (LPT 2) setakat 30 Jun 2010 adalah 70.37% berbanding kemajuan yang dirancang 82.05%.
- LPT 2 dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada bulan Mei 2012.
- SOALAN 3 : Nyatakan jumlah kawasan konsensi balak yang dikeluarkan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 dan senaraikan syarikat-syarikat yang telah diberikan konsensi tersebut?
- JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 4 : Berapakah jumlah pinjaman dan biasiswa yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Terengganu bagi menampung anak-anak Terengganu melanjutkan pelajaran ke IPT luar negara dan senaraikan negara-negara yang terbabit mengikut pecahan kursus yang diambil?
- JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26(4) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**MESYUARAT KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS  
PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.4**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI  
WAKIL JABI**

**SOALAN 1** : Berapakah jumlah sekolah rendah dan menengah yang telah dicadang oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu untuk dibina baru dalam Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK10) mengikut pecahan daerah-daerah?

**JAWAPAN** : 1. Jumlah sekolah rendah dan menengah yang telah dicadang untuk dibina baru oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dalam RMK10 ialah sebanyak 53 buah.  
2. Pecahan sekolah mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	BIL SEKOLAH PENDIDIKAN		JUMLAH
		RENDAH	MENENGAH	
1.	Besut	2	5	7
2.	Dungun	3	2	5
3.	Hulu Terengganu	1	4	5
4.	Kemaman	6	6	12
5.	Kuala Terengganu	3	6	9
6.	Marang	6	7	13
7.	Setiu	-	2	2
JUMLAH KESELURUHAN				53 BUAH

**SOALAN 2** : Berapakah jumlah pengambilan tanah yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah-daerah dan tujuannya sepanjang Januari sehingga Julai 2010?

- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 3 : Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu bermula Januari 2009 sehingga Julai 2010 untuk menambahbaikan Institusi Penghulu Mukim seluruh Negeri Terengganu?
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.5.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG**  
**WAKIL RHU RENDANG**

**SOALAN 1 :** Sila nyatakan jumlah projek-projek kemajuan yang dilaksanakan oleh RISDA, FELDA dan FELCRA di Terengganu dan keluasan kawasannya mengikut pecahan daerah.

**JAWAPAN :** **DITOLAK** menurut perkara 26(6) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**SOALAN 2 :** Setakat manakah kawalan dan penguatkuasaan undang-undang yang dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terhadap nelayan-nelayan asing yang bergerak bebas sehingga menjelaskan aktiviti nelayan-nelayan tempatan.

**JAWAPAN :** **DITOLAK** menurut perkara 26(6) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.6**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT**  
**WAKIL WAKAF MEMPELAM**

- SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah keluasan dan anggaran jumlah kos untuk pembangunan Bandar Baru Kijal.
- JAWAPAN : Jumlah keluasan pembangunan untuk Bandar Baru Kijal ialah 549.97 ekar (222.82 hektar) dan anggaran jumlah kos pembangunan ialah RM143,786,361.20
- SOALAN 2 : Sila senaraikan 12 perkara yang menjadi Bidang Keberhasilan Utama Negeri (State KRA) sebagaimana yang dimaklumkan oleh YAB Menteri Besar pada sidang DUN yang lepas.
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 3 : Apakah perancangan baru MBKT di Pasar Besar Kedai Payang sehingga menyebabkan bantahan dari sebilangan besar peniaga barang basah di pasar tersebut.
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 4 : Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan masalah harga padi yang rendah, kadar pemutuan yang tinggi serta kelemahan pelaksanaan pembayaran subsidi bagi petani di Besut dan Setiu.
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

- SOALAN 5** : Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengkaji semula dan menambah bilangan Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Kerusi Dewan Rakyat (Parlimen) di negeri ini pada tahun hadapan.
- JAWAPAN** : **DITOLAK** Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.7**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH**  
**WAKIL TEPOH**

**SOALAN 1 :** (a) Berapakah jumlah syarikat atau kilang yang beroperasi di kawasan perindustrian Gong Badak sehingga Jun 2010.

(b) Apakah langkah atau usaha pihak Kerajaan Negeri (SEDC) ke arah mempertingkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan tersebut?

**JAWAPAN :** a. Jumlah Syarikat atau kilang yang telah beroperasi dalam kawasan Perindustrian Gong Badak, Kuala Terengganu sehingga Jun 2010 adalah sebanyak 37 buah.

b. Kerajaan Negeri melalui SEDC telah diberikan peruntukan Kerajaan Persekutuan di dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) berjumlah RM4.04 juta untuk meningkatkan infrastruktur seperti sistem perparitan, jalan dan lampu jalan.

**MESYUARAT KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS  
PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.8**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. DATO' HAJI TENGKU HASSEN BIN TENGKU OMAR  
WAKIL LADANG**

- SOALAN 1 : Sila nyatakan bajet untuk 2005 hingga 2010 dan berapakah jumlah sebenar pendapatan Kerajaan Negeri dan jumlah perbelanjaan sebenar yang telah dibuat untuk tahun-tahun berkenaan.
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 2 : Berapakah jumlah kluasan tanah yang terlibat dengan pembangunan Bandar Baru Kijal. Sebutkan komponen pembangunan di kawasan ini. Berapakah kos kerja-kerja tanah di kawasan ini dan kos pembangunan fizikal lain. Daripada manakah sumber pembiayaan pembangunan Bandar Baru Kijal ini. Bagaimana status kemajuan keseluruhan pembangunan Bandar Baru ini.
- JAWAPAN : Pembangunan keseluruhan tanah yang terlibat dengan pembangunan Bandar Baru Kijal adalah seluas 549.97 ekar (222.82 hektar). Pembangunan tersebut dibahagikan kepada 2 Fasa di mana Fasa 1 adalah Zon Komersil yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Fasa 2 adalah Zon institusi yang akan dibangunkan oleh pemaju swasta. Sumber pembiayaan bagi pembangunan Fasa 1 adalah melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan manakala Fasa 2 dibiayai oleh pemaju swasta yang kini berada di peringkat akhir pemilihan dan pelaksanaan. Kos untuk kerja-kerja tanah bagi kawasan pembangunan ini adalah berjumlah RM4,264,154.00. Komponen pembangunan adalah sebagaimana berikut :-

## **Komponen Pembangunan Projek Bandar Baru Kijal, Kemaman, Terengganu**

BIL	KOMPONEN PROJEK	PERUNTUKAN	KOS (RM)	STATUS
1.	Cadangan membina 12 unit rumah kedai di Bandar Baru Kijal, Mukim Kijal, Kemaman	KERAJAAN NEGERI	7,311,428.20	90%
2.	Cadangan membina 40 unit rumah kedai/pejabat di Bandar Baru Kijal, Paya Lasir, Kijal, Kemaman	KERAJAAN NEGERI	40,746,338.50	71%
3.	Cadangan membina dan menyiapkan sistem jalan raya di Paya Lasir, Kijal, Kemaman.	KERAJAAN NEGERI	25,000,000.00	Tunggu Keputusan Tender
4.	Cadangan membina 1 unit Pasaraya Giant di Bandar Baru Kijal, Kemaman.	KERAJAAN NEGERI	21,000,000.00	39%
5.	Cadangan menyiapkan sistem infrastruktur dan kerja-kerja berkaitan di atas sebahagian lot 4797, Mukim Kijal, Kemaman.	KERAJAAN NEGERI	3,000,000.00	25%
6.	Cadangan tambun tanah di bahagian Buffer Zone di Bandar Baru Kijal, Kemaman.	KERAJAAN NEGERI	260,000.00	Siap
7.	Cadangan pembinaan Sewerage Treatment Plant (STP – 22,000 PE) di Bandar Baru Kijal, Kemaman	KERAJAAN NEGERI	9,000,000.00	Tambun Tanah
8.	Cadangan pembinaan Kompleks Usahawan MARA di Bandar Baru Kijal, Kemaman.	KERAJAAN PERSEKUTUAN	20,000,000.00	Penyediaan Dokumen Tender

9.	Cadangan kerja tanah untuk tapak pendaratan kering (Dry Port) Kastam di Bandar Baru Kijal, Kemaman	KERAJAAN NEGERI	1,500,000.00	Tunggu Keputusan Tender
10.	Pembinaan parit Fasa 1 sepanjang 3.0 km di Bandar Baru Kijal, Kemaman	KERAJAAN NEGERI	15,000,000.00	Rundingan Harga
11.	Cadangan kerja tanah untuk tapak kedai di Bandar Baru Kijal, Kemaman.	KERAJAAN NEGERI	510,600.00	Siap
12.	Cadangan sistem saliran parit tanah Bandar Baru Kijal, Mukim Kijal, Kemaman.	KERAJAAN NEGERI	457,994.50	Siap
<b>JUMLAH</b>			<b>143,786,361.20</b>	

**MESYUARAT KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS  
PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.9**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL  
WAKIL KUALA BERANG**

**SOALAN 1** : Bilakah kerajaan akan berusaha mengatasi masalah kerosakan jalan yang agak lama dan teruk yang antara sebabnya berpunca dari lori lebih muatan di Hulu Terengganu :

- 1.1 Jalan dari Kampung Teris ke Kampung Landas (melalui Bandar Kuala Berang)
- 1.2 Jalan dari Kuala Jenderis ke Aring (Simpang Pulai)
- 1.3 Jalan dari Kampung Paya Besar ke Kampung Pengkalan Ajal
- 1.4 Jalan Dari Kampung Tanggol ke Pasir Tinggi

**JAWAPAN** : (i) Jalan dari Kampung Teris ke Kampung Landas (melalui Kuala Berang).

Kerosakan jalan dari Kampung Teris ke Kampung Landas adalah dikategorikan sebagai pothole. Tindakan telah diambil dari semasa ke semasa oleh konsesi jalan persekutuan iaitu Roadcare (M) Sdn. Bhd.

(ii) Jalan dari Kuala Jeneris ke Aring (Simpang Pulai)

Laluan ini telah menjadi jalan pintas dan seringkali digunakan oleh kenderaan berat yang melebihi had muatan yang dibenarkan terutamanya lori bijih dari Gua Musang melalui Pekan Kuala Berang seterusnya ke Kuantan dan sebaliknya. Laluan ini akan dibaiki dari masa ke semasa sehingga keseluruhan jalan pakej 7C (Kg. Jeneris – Pengkalan Gawi) selesai dibina.

(iii) Jalan dari Kampung Paya Besar ke Kampung Pengkalan Ajal

Laluan T113 (Batu 24/Pengkalan Ajal) sepanjang 10.08 km telah mengalami kerosakan yang teruk bermula hujung pertengahan tahun 2009. Laluan ini telah menjadi jalan pintas oleh kenderaan berat yang berulang alik dari Kuari di Kg. Kua/Machang ke projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) dan telah mengakibatkan kerosakan yang teruk pada permukaan jalan tersebut.

Kerajaan telah/sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan bermula pertengahan tahun 2009 hingga kini.

(iv) Jalan dari Kampung Tanggol ke Pasir Tinggi

Laluan ini telah menjadi jalan pintas oleh kenderaan berat yang berulang alik dari Kuari di Kg. Kua/Machang ke projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT) dan telah mengakibatkan kerosakan yang teruk pada permukaan jalan tersebut.

Kerajaan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan secara reconstruction dengan menggunakan tenaga jabatan dan telah melantik kontraktor bagi kerja-kerja melapis semula jalan-jalan yang rosak tersebut bermula Julai 2010.

**SOALAN 2** : Nyatakan bilangan kes jenayah dan penyalahgunaan dadah yang berlaku di Hulu Terengganu tahun 2009 dan 2010 (mengikut bulan) dan apakah usaha-usaha pencegahan dilakukan.

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN 3** : Apakah usaha-usaha terkini dilakukan kerajaan untuk mengatasi masalah laluan jalan tenggelam akibat bencana banjir dari Kuala Berang ke Ajil (persetujuan YAB. Menteri Besar dalam sidang yang lalu berkaitan).

**JAWAPAN** : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : YAB. Perdana Menteri telah meluluskan pembinaan Politeknik Hulu Terengganu dan telah melakukan Majlis Pecah Tanah pada tahun 2007 yang lalu. Bilakah Politeknik ini akan dibina?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Apakah program ECER yang telah dilaksanakan di Hulu Terengganu setakat ini?

JAWAPAN : Projek-projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Pembangunan ECER bertujuan meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk tempatan dengan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan di wilayah ini.

Di dalam pembangunan kelompok penternakan ECER, Negeri Terengganu telah dikenal pasti sebagai pusat untuk penternakan dan pengeluaran daging kambing. Bagi mencapai sasaran strategi pengeluaran tiga peringkat akan dilaksanakan iaitu melibatkan pembangunan ladang nukleus, ladang pengganda dan ladang komersial. Ladang-ladang nukleus dan pengganda ini akan mengeluarkan baka-baka dan genetik ternakan berprestasi tinggi untuk kegunaan ladang-ladang komersil. Ini secara langsung akan mengurangkan kebergantungan terhadap import baka ternakan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, sebanyak dua buah projek telah bermula di daerah Hulu Terengganu melibatkan Pusat Pembibikan dan Inovasi Kambing di Ulu Tersat dan Pembangunan Ladang Pengganda Ulu Tersat.

Kerja-kerja rekabentuk telah siap untuk pembinaan Pusat Pembibikan dan Inovasi Kambing di Ulu Tersat, Kuala Berang dan pembinaan dijangka bermula pada bulan September 2010.

Pembangunan Ladang Pengganda Ulu Tersat merangkumi beberapa komponen utama termasuk penanaman pastura Guinea dan Napier, kandang kambing, kolam tadahan dan bangunan sokongan. Sebanyak lima (5) ladang pengganda dirancang di Ulu Tersat. Satu (1) ladang pengganda telah siap dibina dan mula beroperasi, dan telah diserahkan

kepada Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC) pada Mei 2010. Baki empat (4) ladang pengganda akan dibina secara berperingkat, dan dijangka siap sepenuhnya menjelang penghulu 2012. Sejumlah 2,120 ekor kambing baka Boer telah dibekalkan di ladang pengganda tersebut.

**MESYUARAT KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS  
PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.10**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
WAKIL SURA**

- SOALAN 1 : Nyatakan statistik terkini penagihan dadah mengikut pecahan daerah dan apakah langkah-langkah berkesan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membendung peningkatan gejala ini?
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 2 : Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap pendidikan dalam aspek kerohanian dan jasmani?
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 3 : Senaraikan kerja-kerja pembaikian yang telah dibuat ke atas Bazaar Warisan dan jumlah kos setiap pembaikian tersebut?
- JAWAPAN : Sehingga kini kerja-kerja pembaikian belum dijalankan ke atas Bazaar Warisan. Walau bagaimanapun, penyediaan tender bagi tujuan pembaikian akan datang perlu dibuat. Tender dijangka dapat dikemukakan pada akhir Ogos 2010.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.11**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. MUHAMAD PEHIMI BIN YUSOF**  
**WAKIL KOTA PUTERA**

- SOALAN 1 : Sehingga kini berapa bilangan pelajar yang telah berjaya dilatih melalui di Desa Ukiran Kayu di Kg. Raja Besut?
- JAWAPAN : Sehingga kini, bilangan pelatih yang telah berjaya dilatih di Desa Ukiran Kayu di Kampung Raja, Besut adalah seramai 44 orang.
- SOALAN 2 : Berapakah bilangan anak Terengganu yang dibantu kewangan, melalui bantuan persediaan belajar ke Institusi pengajian Tinggi Awam, Kemahiran Persekutuan, Sekolah-sekolah Berasrama dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta untuk tahun 2008 dan 2009 melalui Yayasan Negeri Terengganu dan berapakah nilai jumlahnya?
- JAWAPAN : Jumlah bantuan persediaan yang telah dikeluarkan pada tahun 2008 dan 2009 adalah RM16,108,450.00 dan RM19,496,200.00 masing-masing. Perincian bantuan mengikut peringkat pengajian adalah seperti di Lampiran 1 dan 2.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.12**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK**  
**WAKIL BUKIT TUNGGAL**

**SOALAN 1** : Berapakah kos keseluruhan membaik pulih pantai Tok Jembal dan Seberang Takir, Kuala Terengganu.

**JAWAPAN** : Kos kontrak untuk membaikpulih pantai Tok Jembal, Kuala Terengganu adalah sebanyak RM8.85 juta tetapi pelaksanaannya dihadkan kepada RM6 juta kerana peruntukan terhad.

Kos membaikpulih pantai Seberang Takir (Utara Pemecahan Ombak hingga Selatan Lapangan Terbang) ialah sebanyak RM43,689,007.00.

**SOALAN 2** : Sila nyatakan nisbah doktor berbanding penduduk, mengikut pecahan daerah di negeri ini?

**JAWAPAN** : **DITOLAK** Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS  
PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.13**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. IR. ROSLI BIN OTHMAN  
WAKIL KEMASIK**

**SOALAN 1 :** Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) bagi sumbangan kepada pemilik dan pemandu teksi di negeri ini sejak program itu diwujudkan dan sejauh mana kesannya terhadap imej Negeri Terengganu hasil daripada program tersebut.

**JAWAPAN :** Program ini mulai diperkenalkan pada tahun 2007, dan sehingga 20 Julai 2010, perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) bagi Program Peningkatan Imej Kereta Sewa Negeri Terengganu adalah berjumlah RM5,750,000.00 dan diberikan kepada 575 pengusaha kereta sewa Negeri Terengganu.

Program ini telah menampilkan kesan yang positif terhadap peningkatan imej dan kualiti perkhidmatan awam dan juga perkembangan ekonomi negeri di samping mampu membantu merealisasikan Terengganu sebagai hub pelancongan Pantai Timur di dalam Pembangunan Koridor Ekonomi Pantai Timur seterusnya meningkatkan kemasukan lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Program ini juga telah berjaya meningkatkan pendapatan serta memberi kesedaran kepada para pengusaha kereta sewa untuk berusaha dengan lebih gigih dan sentiasa mengamalkan sikap yang baik, berdisiplin dan beretika di dalam menjalankan tugas.

**MESYUARAT KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS  
PADA 8 DAN 9 OGOS 2010**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.14**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH  
WAKIL BUKIT PAYUNG**

**SOALAN 1** : Sila jelaskan kos yang dibelanjakan dalam menghadapi banjir di kawasan Pekan Bukit Payong pada tahun 2009 dan apakah perancangan dan persiapan untuk menghadapi banjir pada tahun 2010.

**JAWAPAN** : Kos yang telah dibelanjakan bagi membantu mangsa banjir bagi tahun 2009 di kawasan Pekan Bukit Payong sebanyak RM334,971.00 melibatkan seramai 112 orang Ketua Isi Rumah.

Perancangan dan persiapan menghadapi banjir tahun 2010 adalah seperti berikut :-

- (i) Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Banjir Daerah yang dianggotai oleh jabatan dan agensi kerajaan ditubuhkan.
- (ii) Kerja-kerja menggali dan mendalamkan Sungai Buaya sedang giat dijalankan dan dijangka selesai pada bulan Ogos 2010 dengan kos RM153,690.00.
- (iii) Alur Padang Leban dan Sungai Seluang akan dibersihkan dan didalamkan, pada masa ini proses kerja-kerja pengambilan balik tanah sedang dijalankan. Apabila selesai nanti, sistem perparitan yang teratur akan dibuat.
- (iv) Merancang untuk membina culvert di hadapan Taman Tasek, Bukit Payong. Marang yang bersaiz 20' lebar dengan anggaran kos RM750,000.00.

- (v) Sedang melaksanakan Pelan Induk Sistem Saliran Bukit Payong/Wakaf Tapai yang dijangka siap pada Februari 2011.
- (vi) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan sistem perparitan di kawasan Pekan Bukit Payong.
- SOALAN 2 : Nyatakan jumlah kereta sewa yang belum dan telah mendapat kemudahan melalui program “Menaikkan Imej Kereta Sewa Terengganu” yang disalurkan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) dan bilakah semua pemilik kereta sewa akan mendapat kemudahan itu?
- JAWAPAN : Jumlah kereta sewa yang belum mendapat bantuan ini ialah 567, manakala jumlah kereta sewa yang telah mendapat kemudahan melalui Peningkatan Imej Kereta Sewa Negeri Terengganu ini ialah 575.
- Semua pemilik kereta sewa akan mendapat kemudahan melalui Program Peningkatan Imej Kereta Sewa Negeri Terengganu sehingga tahun 2012.
- SOALAN 3 : Berapakah kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk menjayakan perasmian klinik desa, pasar baru di Gelugor dan pasar baru Kg. Laut yang dirasmikan oleh Y.A.B. Menteri Besar Terengganu?
- JAWAPAN : **DITOLAK** Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 4 : Bilakah pasar baru di Kedai Buloh akan beroperasi dan nyatakan punca kelewatan dalam menyiapkan projek tersebut?
- JAWAPAN : Punca kelewatan dalam menyiapkan projek tersebut disebabkan masalah kontraktor menyiap dan membekal “stainless steel” pada pasar basah. Pada masa sekarang kontraktor sedang membuat tempahan peralatan ini dan dijangka dapat dibekalkan pada awal September.
- Walau bagaimanapun Pasar Kedai Buloh dijangka dapat beroperasi pada akhir November 2010.

**LAMPIRAN 1**

**BANTUAN PERSEDIAAN BAGI JANUARI – DISEMBER 2008**

BULAN	SBP		SIJIL		MATRIKULASI		DIPLOMA		IJAZAH		JUMLAH	
	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM
JAN	778	253,550.00	547	222,900.00	45	21,200.00	733	512,350.00	265	249,300.00	2368	1,259,300.00
FEB	653	225,200.00	171	65,300.00	15	7,700.00	187	107,200.00	136	124,950.00	1142	530,350.00
MAC	250	89,600.00	18	6,600.00	3	1,500.00	41	28,850.00	51	50,250.00	363	176,800.00
APRIL	119	43,100.00	6	2,200.00	195	97,100.00	153	109,400.00	58	56,750.00	531	308,550.00
MEI	33	12,700.00	15	7,200.00	1957	978,800.00	682	504,500.00	93	88,000.00	2780	1,591,200.00
JUN	15	5,500.00	818	389,000.00	735	367,750.00	2846	2,134,500.00	3425	3,447,150.00	7839	6,343,900.00
JULAI	7	2,500.00	815	363,900.00	154	76,500.00	1776	1,313,950.00	1592	1,524,350.00	4344	3,281,200.00
OGOS	2	600.00	161	66,800.00	39	19,200.00	511	362,500.00	481	450,000.00	1194	899,100.00
SEPT	1	500.00	44	19,600.00	10	4,800.00	148	108,350.00	228	216,950.00	431	350,200.00
OKT	0	0	4	1,400.00	5	2,500.00	126	92,450.00	67	62,800.00	202	159,150.00
NOV	0	0	3	1,300.00	5	2,500.00	101	71,200.00	52	51,000.00	161	126,000.00
DIS	88	44,000.00	248	112,400.00	10	5,000.00	656	470,050.00	456	451,250.00	1458	1,082,700.00
JUM	1946	677,250.00	2850	1,258,600.00	3173	1,584,550.00	7940	5,815,300.00	6904	6,772,750.00	22813	16,108,450.00

**LAMPIRAN 2**

**BANTUAN PERSEDIAAN BAGI JANUARI – DISEMBER 2009**

BULAN	SBP		SIJIL		MATRIKULASI		DIPLOMA		IJAZAH		JUMLAH	
	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM
JAN	662	346,000.00	412	173,400.00	47	23,500.00	706	513,550.00	485	765,500.00	2342	1,521,950.00
FEB	967	483,500.00	155	60,200.00	34	17,000.00	316	230,200.00	265	244,750.00	1737	1,035,650.00
MAC	360	179,200.00	32	14,800.00	5	2,500.00	129	89,500.00	82	79,250.00	608	365,250.00
APRIL	101	49,600.00	9	4,100.00	335	167,500.00	268	190,750.00	80	80,000.00	793	491,950.00
MEI	23	11,500.00	35	12,700.00	1967	983,550.00	1152	858,000.00	114	114,300.00	3291	1,980,050.00
JUN	25	12,500.00	717	340,700.00	455	226,550.00	3068	2,288,900.00	3589	3,612,750.00	7854	6,481,400.00
JULAI	31	15,500.00	698	312,600.00	240	119,500.00	1858	1,384,850.00	2372	2,295,750.00	5199	4,127,600.00
OGOS	1	500.00	175	74,200.00	49	24,500.00	482	356,650.00	602	576,500.00	1309	1,032,350.00
SEPT	2	1,000.00	23	10,100.00	10	5,000.00	117	84,800.00	248	228,400.00	400	329,300.00
OKT			3	1,500.00	5	2,500.00	101	73,250.00	87	81,500.00	196	158,750.00
NOV	2	1,000.00	14	7,000.00	3	1,500.00	105	77,450.00	111	109,500.00	235	196,450.00
DIS	151	75,500.00	241	116,400.00	6	3,000.00	1028	740,750.00	845	839,850.00	2271	1,775,500.00
JUM	2325	1,175,800.00	2514	1,127,700.00	3156	1,576,600.00	9330	6,888,650.00	8880	9,027,450.00	26235	19,496,200.00

